

Jilid I
Bil. 38



Hari Jumaat
4hb April, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4041]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4029]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan) [Ruangan 4093]

Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian [Ruangan 4095]

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 4139]

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN:

Penduduk-penduduk Tanah Haram [Ruangan 4146]

**Ijazah-ijazah Universiti Taiwan, India, Nanyang dan Timur Tengah—
Iktiraf [Ruangan 4153]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 4hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

Yang Berhormat TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI
ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.,
S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.
(Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN
YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN
HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR
BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID,
K.M.N. (Raub).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ DATUK ENKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E.
(Marudu).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BANK PERDAGANGAN—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

1. Raja Nasron bin Raja Ishak (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa kemudahan-kemudahan bagi memberikan pinjaman tanpa cagaran oleh bank-bank perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputra hanya terdapat di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak di Malaysia Timur atau samada kemudahan-kemudahan ini meliputi peniaga-peniaga kecil di Malaysia Timur juga.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, pinjaman tanpa cagaran yang diberikan oleh bank perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil yang berjumlah tidak lebih dari \$30,000 termasuk dalam Sekim Jaminan Kredit yang dijalankan oleh Perbadanan Jaminan Kredit. Sekim ini dijalankan di seluruh Malaysia dan peniaga-peniaga kecil di Sabah dan Sarawak juga layak untuk mendapat pinjaman di bawah sekim ini.

PERBADANAN JAMINAN KREDIT—PINJAMAN

2. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang telah diberi melalui Perbadanan Jaminan Kredit semenjak ianya ditubuhkan;
- (b) Jumlah pinjaman yang diberi kepada bumiputra di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah;
- (c) samada Kerajaan sedar bahawa ada bank-bank yang enggan memberikan kerjasamanya kepada Bumiputra yang berhajatkan pinjaman seperti ini dan samada tindakan telah diambil terhadap mereka; jika ya, namakan bank-bank yang berkenaan; dan

(d) samada terdapat pinjaman-pinjaman yang lambat diluluskan; jika ya, nyatakan dari bank-bank manakah kejadian ini berlaku dan juga nyatakan, pada kebiasaannya tempoh satu-satu pinjaman itu boleh diberikan kepada pemohon setelah membuat permohonan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perbadanan Jaminan Kredit hanya memberi jaminan kepada pinjaman-pinjaman dari bank-bank perdagangan di bawah Sekim Jaminan Kredit. Semenjak Perbadanan Jaminan Kredit memulakan kerjanya pada 2hb Januari, 1973, Perbadanan ini telah menjamin pinjaman sebanyak \$176.2 juta yang diberi oleh bank-bank perdagangan sehingga akhir tahun 1974.
- (b) Jumlah pinjaman yang diberi kepada orang Bumiputra perseorangan dan Perbadanan Bumiputra adalah sebanyak \$537.3 juta sehingga akhir tahun 1974. Dari jumlah ini, sebanyak \$414.1 juta telah diberi kepada peminjam-peminjam Bumiputra di Semenanjung Malaysia, \$98 juta di Sarawak dan \$25.2 juta di Sabah.
- (c) Kesemua bank-bank perdagangan telah diseru supaya mempercepatkan pinjaman-pinjaman dan pendahuluan yang diberi kepada Bumiputra dan Bank Negara telah dan sentiasa meneliti keadaan tersebut untuk menentukan bank perdagangan tersebut menjalankan peranan mereka dengan lebih berkesan.
- (d) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu aturan perlu diikuti bila memproses permohonan bagi pinjaman terutamanya untuk menentukan yang projek itu "viable" untuk dibiayai dan pemohon berupaya membayar balik hutang tersebut. Masa yang diambil untuk meluluskan permohonan pinjaman ini berbeza dengan keadaan satu-satu permohonan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan apakah tindakan yang akan dibuat jika ada bukti-bukti menunjukkan ada bank-bank perniagaan yang enggan memberi pinjaman di bawah rancangan

C.G.C. sungguhpun semua syarat-syarat telah disampaikan kepada bank tersebut?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya dapat tahu semua bank di Malaysia, melainkan satu sahaja adalah mengambil bahagian dalam Sekim Jaminan Kredit ini. Dan Perbadanan-perbadanan Jaminan Kredit ini mengadakan butir-butir supaya mereka boleh tahu tentang progress ataupun aktiviti-aktiviti setiap bank dalam bidang ini.

CUKAI PENDAPATAN— KADAR PELEPASAN

3. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang meninggikan potongan am sekarang daripada \$2,000 kepada \$3,000 bagi penerima gaji yang belum berkahwin dan daripada \$3,000 kepada \$5,000 bagi seorang yang berkahwin yang tidak mempunyai anak dari pendapatannya yang boleh dikenakan cukai sebagaimana kebiasaan yang diamalkan di negara lain dalam zaman meleset.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab satu soalan yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok dalam mesyuarat Parlimen pada bulan November tahun lalu. Saya suka menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengulangkaji pada masa ini kadar-kadar pelepasan cukai pendapatan yang ada sekarang.

MAJIKAN LADANG GETAH/KELAPA SAWIT/LOMBONG—PERUMAHAN PEKERJA

4. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa akibat sikap endah tak endah majikan-majikan ladang-ladang getah dan kelapa sawit dan syarikat-syarikat lombong yang tidak menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerja mereka setelah mereka bersara, maka masalah perumahan bagi bekas-bekas pekerja ini telah menjadi satu masalah kebangsaan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama majikan-majikan ini dengan tujuan mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan samada benar atau tidak pendapat Ahli Yang Berhormat sebagai yang dibangkitkan dalam pertanyaannya itu kerana pertama, tidak mudah membuktikan sesuatu sikap itu sikap endah tak endah dan kedua, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak sedar bahawa majikan-majikan itu tidak dipaksa oleh undang-undang menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan bagi pekerja-pekerja mereka setelah mereka bersara.

Namun demikian, Kerajaan telah menggesa pihak-pihak majikan-majikan sektor yang berkenaan itu supaya mengadakan rancangan memiliki rumah bagi pekerja-pekerja mereka demi menampung keperluan pekerja-pekerja itu setelah mereka bersara.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu Badan Petugas (Task Force) mengandungi, di antara lain-lain, wakil-wakil daripada Rubber Growers' Association, Malaysian Estate Owners Association, United Planting Association of Malaysia, Malayan Agricultural Producers Association, All-Malaya Chinese Mining Association, States of Malaya Chamber of Mines dan Malayan Mining Employer's Association untuk mengkaji masalah perumahan serta lain-lain kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja. Di antara perkara-perkara yang diperakukan oleh Badan Petugas itu ialah projek-projek percubaan (pilot project) dilaksanakan bagi pekerja-pekerja ladang getah bagi tujuan memiliki rumah sendiri, menurut syarat-syarat tertentu, oleh majikan-majikan dan tuan-tuan punya ladang-ladang itu. Beberapa projek sedang dicadangkan tetapi soalan-soalan berkenaan dengan kewangan dan lain-lain masih perlu diselaraskan. Bagi pekerja-pekerja lombong pula oleh sebab tanah perlombongan tidak dipunyai oleh pelombong-pelombong dan kebanyakan daripada lombong-lombong itu terletak jauh daripada prasarana (infrastructure) pembangunan (seperti jalan, bekalan air dan sebagainya) maka projek "house-ownership" adalah menjadi masalah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya tidak mengerti, Tuan Yang di-Pertua, mengapa maka Kementerian yang berkenaan mengatakan dia tidak tahu dan tidak sedar apakah yang dimaksudkan atas

sikap indah tidak indah itu, walhal satu Task Force sudah pun ditubuhkan oleh Kementerian tersebut untuk mengkaji perkara indah tidak indah. Pendek kata, memang adalah sikap indah tidak indah itu, maka diadakan Task Force yang dikatakannya. Dengan sebab itu, saya hendak mengetahui apakah kelak sikap Kementerian yang berkenaan jika kesudahan kajian yang dibuat oleh Task Force itu dapat membuktikan bahawa memang pihak majikan, lombong-lombong dan estet-estet ini tidak hendak membantu Kerajaan mengatasi kerumitan-kerumitan perumahan-perumahan ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang ini Kementerian ini berpendapat bahawa Badan Petugas yang terdiri daripada pemilik-pemilik ladang dan lombong-lombong adalah dianggap memberikan kerjasama yang baik kepada pihak Kementerian ini, maka sebab itu perkara yang dibangkitkan itu tidaklah difikirkan buat sementara ini.

Dr. Tan Chee Khoon: Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyatakan ada perjumpaan antara Persatuan-persatuan Peladang dengan pihak Kementerian, barangkali dengan pihak pekerja-pekerja juga, dan perkara ini telah dibincangkan antara mereka. Beliau juga menyatakan ada beberapa masalah yang sedang dikaji seumpamanya kewangan. Ini adakah bermakna masalah tanah sekarang tidak timbul, iaitu ladang-ladang sekarang boleh memberi tanah kepada pekerja-pekerja yang akan bersara tetapi cuma ada masalah kewangan?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini perbincangan-perbincangan masih dijalankan di antara semua pihak yang terlibat, dan pihak Badan Petugas yang dimaksudkan itu yakni tuan-tuan punya ladang-ladang dan lombong-lombong telahpun memberikan perakuan bahawa mereka bersedia memberikan tanah hanya mereka mengharap pinjaman wang daripada Kerajaan.

KELAPA SAWIT—LEMBAGA KEMAJUAN TANAH SARAWAK

5. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) sejauh manakah kebenarannya bahawa sebuah kawasan yang luas antara

Batang Anap dalam Daerah Bintulu dan Batang Balingian dalam Daerah Mukah di Sarawak akan ditanam dengan kelapa sawit secara besar-besaran; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa beratus-ratus buah rumah panjang Iban dan kampung-kampung Melayu tidak akan menerima kesan yang buruk berhubung dengan hak-hak tanah pusaka mereka di atas tanah sepanjang tebing-tebing dua batang sungai yang besar ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak belum bercadang untuk menanam kelapa sawit dengan cara besar-besaran di kawasan di antara Batang Anap dalam Daerah Bintulu dan di Batang Balingian dalam Daerah Mukah.
- (b) memanglah menjadi praktis Kerajaan negeri Sarawak bahawa sebelum tanah-tanah itu diambil bagi Rancangan Pembangunan Tanah Kerajaan, persetujuan tuan-tuan punya tanah akan diperolehi terlebih dahulu dan pampasan yang berpatutan dibayar kepada tuan-tuan punya tanah.

Selain dari itu, mereka juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam rancangan itu.

ATENDEN LIF DEWAN BANDARAYA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan bilakah Dewan Bandaraya akan menggaji atenden-atenden lif untuk mengawal penyelenggaraan dan perjalanan lif di semua rumah pangsa murah di Wilayah Persekutuan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meneliti persoalan untuk mengadakan atenden-atenden lif dan hasil daripada penelitian tersebut didapati bahawa adalah tidak perlu menggaji atenden-atenden lif bagi menjaga dan menyelenggara lif di rumah-rumah pangsa harga murah. Kos bagi me-

ngadakan perkhidmatan tersebut adalah terlalu tinggi iaitu \$6.75 untuk satu unit rumah pangsa dengan itu faedah kepada penduduk-penduduk rumah pangsa daripadanya tidaklah seberapa.

Dewan Bandaraya bercadang untuk menubuhkan kerosakan dan penyelenggaraan lifnya yang tersendiri yang mana akan memperbaiki lagi keadaan yang terdapat sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, bilakah Dewan Bandaraya akan dapat mengadakan yunit sendiri untuk menjaga lif-lif di rumah-rumah pangsa yang selalu rosak ini?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengarahkan Dewan Bandaraya mendirikan yunit ini dengan seberapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di bandaraya Kuala Lumpur boleh dikatakan semua lifnya selalu rosak atau dirosakkan dan penduduk-penduduk di sana tidak menggunakan lif, umpamanya di kawasan saya, Kepong, dan di Jalan Pekeliling yang tingginya 17-18 tingkat rumah pangsa di situ dan kalau lif rosak bagi seorang tua, bagaimanakah beliau boleh naik ke atas, barangkali jika beliau mencuba juga bila sampai di tengah jalan boleh dapat penyakit jantung (heart attack) oleh sebab itu mengapakah Dewan Bandaraya tidak boleh mengadakan atau mencari Penjaga Lif walaupun cost itu barangkali lebih sedikit tetapi kemudahan lif ini, pada pendapat saya, perlu diberi kepada penduduk-penduduk di rumah pangsa oleh Dewan Bandaraya?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi. Oleh kerana rumah murah ini sewanya adalah tinggi kalau kita tambah lagi sebanyak \$6.50 kepada penduduk-penduduk itu, kita mesti bertimbang rasa dapatkah atau tidak mereka itu tanggung kelebihan sewa rumah itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan cost itu \$6.50 bagi sebuah rumah barangkali untuk menjaga lif selama 24 jam. Tetapi kalau sekiranya Dewan

Bandaraya mengadakan Atendan Lif di dalam waktu siang sahaja barangkali kita boleh kurangkan cost itu dan mengadakan Atendan Lif dalam masa waktu siang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, itupun telah ditimbangkan dengan teliti oleh Dewan Bandaraya tetapi malangnya kita telah menemui dengan penduduk-penduduk di rumah pangsa dan mereka tidak dapat tanggung tambahan yang akan terlibat.

ORANG ASLI—PERUNTUKAN

7. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperuntukan untuk kemajuan Orang-orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kedua; dan
- (b) rancangan-rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan orang-orang Asli di Malaysia setakat ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah wang yang diperuntukan untuk kemajuan Orang-orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$7,516,210;
- (b) rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan Orang-orang Asli setakat ini adalah seperti berikut:

Bilangan Sekolah yang telah didirikan dan yang sudah siap dan berjalan ...	79 buah
Bilangan Asrama yang berdekatan dengan sekolah ...	63 buah
Bilangan Rancangan perumahan percuma ...	1,318 buah
Bilangan Balairaya ...	31 buah
Bilangan Klinik ...	9 buah
Bilangan Pos Perubatan ...	61 buah
Bilangan Pos Evacuation ...	64 buah

dan rancangan-rancangan pembukaan tanah yang kita telah buat:

Getah ...	9,249 ekar
Kelapa ...	1,096 ekar
Dusun ...	1,253 ekar
Kopi ...	32 ekar
Lada Hitam ...	30 ekar
Sawah Padi ...	40 ekar

Ada lain-lain rancangan lagi, seperti Station Semboyan umpamanya 1 yunit; hospital penuh dengan kelengkapan X-Ray 1 buah dan ada juga kedai syarikat kerjasama 1 buah dan beberapa bilangan post menadbirkan perkara ini yang kita ada sekarang tidak kurang dari 14 buah.

Dari segi banyaknya wang yang telah dibelanjakan jumlahnya adalah seperti berikut:

Rancangan Pembangunan			
Negara 1961-1965	...	...	\$2,588,298
Rancangan Malaysia Pertama			
1966-1970	...	...	\$5,087,464

yang telah dibelanjakan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$7 juta katanya terlampau kecil jika dibandingkan dengan peruntukan Rancangan Malaysia Yang Kedua pada keseluruhannya barangkali \$8,000 juta. Oleh hal yang demikian, bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga boleh ditambahkan banyak lagi, bukannya \$7 juta tetapi dua atau tiga kali ganda supaya kemudahan-kemudahan yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi boleh bertambah lagi supaya kita boleh meninggikan taraf kehidupan Orang Asli di tanahair kita?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana ingatan beliau kepada Orang Asli. Tetapi yang sebenarnya soal kewangan ini adalah bergantung kepada cara penerimaan daripada Orang-orang Asli sendiri. Tambahan banyak wang pun kalau cara penerimaannya tidak dapat disesuaikan maka wang itu tidak dapat digunakan. Semuanya ini dirancang dengan sangat teliti oleh Kementerian supaya perubahan ini dibawa bukan sahaja dengan cara yang tenang dan baik tetapi akan berkesan dan berkekalan bukan hanya untuk ditolak-tolak supaya mereka itu maju, supaya mereka itu berkekalan kemajuan dan boleh integrate betul-betul dengan masyarakat (society) kita pada keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya menyeru Kementerian yang berkenaan menambahkan peruntukannya bukan kita menolak wang

kepada Orang-orang Asli walaupun mereka tidak boleh terima atau tidak mahu menerimanya. Yang saya maksudkan barangkali kemudahan-kemudahan yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan itu tadi seumpama rancangan pembangunan tanah boleh ditambah untuk meluaskan pembukaan tanah di tempat kediaman Orang-orang Asli atau sekolah rendah boleh dibina berhampiran dengan tempat kediaman Orang-orang Asli atau kelinik-klinik perubatan boleh ditambah supaya kita tidak payah menghantar pesakit-pesakit Orang-orang Asli dengan helikopter ke Hospital Orang Asli di Gombak.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah memberi gambaran yang penuh iaitu bukan soal menolak wang kepada Orang Asli tetapi menekankan wang ini dan di dalam rancangan kita maka adalah dikaji dengan teliti oleh social experts yang mengkaji dari segi soal cara kehidupan Orang-orang Asli ini, maka rancangan-rancangan yang akan dibuat dalam rancangan yang ketiga ini—angkanya tidak ada pada saya memang lebih bertambah daripada Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, tetapi kelajuannya (speed) tidaklah dapat kita hendak buat sebegitu rupa.

Seolah-olah mesti dilonggokkan wang itu kalau kita dapat buat dengan tambahan 8 kali ganda lagi maka begitulah kemajuan yang akan dicapai oleh Orang Asli lapan kali ganda, ini tidak akan wujud.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan Yang Berhormat Menteri adalah terang dan nyata.

JAMBATAN JALAN TUARAN—LALULINTAS

8. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya menuju ke jambatan-jambatan yang baru dibina di Batu 5 dan 9, Jalan Tuaran dibiarkan tidak bersapu tar, tidak rata dan penuh dengan lubang-lubang dan merbahaya serta merosakkan kenderaan-kenderaan. Jika sedar, adakah Kementerian akan mengambil langkah segera bagi membaiki jalanraya ini memandang kepada hal bahawa berjuta-juta

ringgit telah diuntukkan bagi projek-projek jalanraya sejak Rancangan Malaysia Yang Pertama dulu.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, jalan yang menuju Jabatan di Batu 5 Jalan Tuaran adalah merupakan jalan sementara oleh kerana jambatan tersebut masih belum siap dibina. Bagaimanapun memandang kepada banyaknya kenderaan-kenderaan yang lalu di situ pengasfalan sementara (light sealing) telah dibubuh ke atas jalan itu untuk menyenangkan lalulintas kenderaan sehinggalah jalan yang baru dibinakan kelak.

Mengenai jalan di jambatan Batu 9, Jalan Tuaran pula, kerja-kerja menyiapkan jambatan dan mengasfal jalan-jalan menuju ke jambatan tersebut akan dijalankan dengan segera.

BAYARAN PAMPASAN KEPADA PEKERJA

9. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa kadar pembayaran wang di bawah Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja adalah amat rendah memandang kepada sara hidup yang tinggi pada masa sekarang; jika sedar nyatakan samada beliau akan menimbang menambahkannya tiga kali ganda sebagai pemberian sementara sehingga satu masa apabila rancangan SOCSO dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kadar pembayaran wang di bawah Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja adalah rendah dan oleh itu cadangan-cadangan tertentu bagi meminda Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja telahpun disusun dengan kerjasama Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan dengan tujuan untuk menambah jumlah wang pampasan yang hendak dibayar di bawah Ordinan Pampasan Pekerja-pekerja. Oleh kerana pekerja-pekerja Kerajaan adalah juga terlibat dengan Ordinan ini, maka perbincangan hendaklah juga diadakan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan sebelum deraf bil yang terakhir dapat disiapkan. Perbincangan tersebut akan dijalankan secepat mungkin.

SENJATAPI DISELUDUP

10. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar:

- (a) banyak senjatapi telah diseludupkan ke dalam negeri; dan
- (b) bahawa teksi-teksi sapu telah memainkan peranan penting dalam kejadian-kejadian rogol, culik dan rompakan bersenjata, dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mencegah kejadian-kejadian ini daripada berlaku terutama sekali di Negeri Johor yang pesat membangun dan di mana kawasan lautnya terdedah kepada kejadian-kejadian jenayah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak Kerajaan sedar bahawa senjatapi pernah diseludup masuk ke negara ini oleh anasir-anasir jahat secara perseorangan untuk kegiatan haram dan bukan diseludup masuk secara besar-besaran untuk dijual di dalam negeri ini. Pihak Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang perlu untuk mencegah penyeludupan tersebut dengan merampas senjatapi-senjatapi berkenaan serta menangkap dan mengemukakan ke Mahkamah penjenayah-penjenayah yang bertanggungjawab atau penjenayah yang tidak bertanggungjawab. Mereka yang disabitkan kesalahan telah dihukum penjara dan dihukum sebat dengan rotan. Setakat ini belum ada hukuman mati dijatuhkan ke atas mereka yang terlibat walaupun kita ada undang-undang dan bilangan orang-orang yang didakwa di Mahkamah di bawah Akta Senjatapi adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>				<i>Orang</i>
1971	...	...	...	4
1972	...	...	...	4
1973	...	...	...	4
1974	...	...	...	31

Jumlah senjatapi yang telah dirampas oleh Polis dalam masa yang sama ialah 203 pucuk.

- (b) Soal teksi-teksi sapu tidak ada kes-kes yang dilaporkan di mana kereta sewa haram digunakan untuk melakukan rogol, colek dan rompakan bersenjata

di Negeri Johor. Tetapi pada tahun 1974 terdapat satu kes colek dan tujuh kes rompak bersenjata dan pada tahun 1975 pada bulan Januari dan Februari—dua bulan itu terdapat satu kes rompak bersenjata dalam mana penjenayah-penjenayah yang terlibat telah menyewa kereta-kereta persendirian yang mereka pandu sendiri semasa melakukan jenayah tersebut. Di samping itu terdapat 15 kes rompak dengan menggunakan kereta curi. Mencuri kereta di Negeri Johor pada sepanjang tahun 1974. Kesemua mereka yang terlibat itu telah ditangkap oleh Polis dan seterusnya dituduh di Mahkamah. Kes-kes mereka ini masih menunggu pembicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telahpun dan sentiasa mengambil langkah yang wajar untuk mencegah kegiatan ini dengan mengadakan tindakan yang merancang dan bersepakat di semua peringkat. Ahli Yang Berhormat ada mengatakan kawasan lautnya terdedah kepada kejadian jenayah, walaupun soal yang asalnya soal teksi sapu, dan ini nampaknya soal kapal sapu pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang terdapat seramai 389 orang anggota Polis Merin yang ditempatkan di Tampoi, Johor bersama dengan 35 buah bot-bot ronda untuk tugas meronda perairan di sekitar Negeri Johor. Pihak Polis telahpun mengemukakan kepada saya dan saya sekarang sedang menimbang untuk membawakan kepada Treasury dan sebagainya. Rancangan untuk pembesaran semua aktiviti-aktiviti Polis termasuk Cawangan Merin yang meliputi tahun 1975 hingga 1976 dengan menambah sebanyak 69 buah bot dan 869 orang anggota.

Rancangan pembesaran untuk Pengkalan Polis Tampoi bagi tempuh tersebut adalah menambah dua buah bot kelas PZ dan satu buah bot PX dan 15 buah bot laju (speed boat) termasuk anggota-anggotanya. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya kejadian jenayah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Pemeriksaan Polis mengejut dijalankan untuk memperhebatkan pemeriksaan ke atas kereta-kereta dan pemandu-pemandu serta penumpang-penumpang, atau rondaan Polis di kawasan yang banyak berlaku kejadian

jenayah. Pihak Polis Laut sentiasa membuat rondaan di sepanjang kawasan-kawasan pantai atau pemeriksaan mengejut dijalankan oleh pihak Polis di tempat-tempat di sepanjang kawasan pantai di mana orang ramai mempunyai kemudahan keluar masuk ke dalam negeri kita atau keluar di samping pemeriksaan di tempat-tempat keluar masuk rasmi, dan serbuan-serbuan yang dibuat oleh Polis di pantai dan di tempat-tempat kunjungan anasir-anasir jenayah yang kita tahu.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa setengah-setengah pihak mengatakan oleh kerana hukuman-hukuman kepada mereka yang melakukan jenayah dan sebagainya ringan—tidak setimpal dengan perbuatan mereka itu menyebabkan kejadian-kejadian itu semakin bertambah daripada semasa ke semasa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang di dalam negara kita ini dan mengikut hukuman Mahkamah itu tidaklah dapat dipengaruhi oleh Kementerian ini, maka tergantunglah kepada hakim-hakim yang menjatuhkan hukuman kepada mereka.

PENGANGKUTAN DI KUALA LUMPUR

11. Dr Tan Che Khoon minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan pengangkutan di Kuala Lumpur sekarang menjadi semakin hari semakin buruk, dan jika ya, nyatakan apakah rancangan Kementerian beliau sedang ambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya dan lain-lain Kementerian Yang berkenaan adalah sentiasa mencari jalan bagi mengatasi masalah pengangkutan di Kuala Lumpur. Di antara rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Memberi keutamaan kepada kenderaan-kenderaan awam (bas dan teksi) dengan menyediakan jalan-jalan khas di kawasan Pusat Bandar.

- (ii) Memperkenalkan bas-bas kecil (mini-buses) dan memberi lesen kepada bas-bas sekolah untuk mengangkut orang-ramai di waktu-waktu sibuk (peak hours).
- (iii) Mengkaji semula dan memperbaiki perjalanan (routing) bas-bas.
- (iv) Syarikat-syarikat bas juga telah diminta untuk memperbaiki perkhidmatan mereka dengan menambahkan lagi bilangan bas-bas baru dan menggantikan bas-bas yang lama.
- (v) Mengenakan bayaran meletak kereta yang tinggi di kawasan-kawasan letak kereta di kawasan Pusat Ibu Kota.
- (vi) Mengadakan jalan-jalan khas untuk orang-ramai berjalan kaki.
- (vii) Memperkenalkan perkhidmatan pemulihan kenderaan-kenderaan rosak (breakdown recovery services) untuk mengambil tindakan segera ke atas kenderaan-kenderaan yang rosak di jalanraya.
- (viii) menguatkuasakan undang-undang lalu-lintas. Kenderaan-kenderaan berat akan dilarang menggunakan jalan-jalanraya di Ibu Kota pada masa-masa sebok.
- (ix) Membina jalan-jalan dispersal dan memperbaiki jalan-jalan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Pusat Bandar.
- (x) Di samping itu sebuah Unit Kenderaan Awam (Public Transport Unit) telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya yang diberi tugas merancang penggunaan kenderaan awam yang berkesan dan tinggi mutunya, sementara sebuah Unit Pengurusan Lalulintas (Traffic Management Unit) akan ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah menyebutkan beberapa langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengangkutannya di Kuala Lumpur, antaranya beliau mengatakan bas sekolah boleh dibenarkan untuk berjalan dalam peak hours. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan jelaskan mengapa orang ramai tidak boleh dibenarkan atau diberi lesen untuk memandu mini-buses di Kuala Lumpur supaya kita boleh mengatasi masalah ini oleh sebab yang penting tentang masalah ini ialah kekurangan bas?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa faham penjelasan saya tadi. Saya katakan tindakan kedua di sini memperkenalkan bas-bas kecil ataupun mini-buses. Selain daripada mini-buses itu kita juga benarkan bas-bas sekolah untuk mengangkut orang ramai di waktu sibuk. Selain daripada tambahan mini-buses yang sudah ada lesen sejak sekarang pun kita beri juga mereka lesen untuk mengangkut orang ramai waktu peak hours, selepas mereka menghantar budak-budak sekolah. Jadi, saya katakan mini-buses biasa dan juga mini-buses untuk mengangkut budak-budak sekolah kedua-duanya dibenarkan.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah ini bermakna pihak orang ramai boleh diberi peluang untuk mendapat lesen membawa mini-buses itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telahpun umumkan dalam suratkhobar dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu sudahpun baca, tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak baca. Jadi, sekali lagi saya beritahu, orang ramai adalah digalakkan untuk memohon lesen mini-buses itu, pendek kata syarikat prebet pun boleh memohon untuk mendapatkan lesen mini-buses.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan menimbang dan membenarkan lori-lori digunakan untuk mengangkut pekerja-pekerja balik daripada tempat kerja atau kilang-kilang seperti yang ada dijalankan di negeri-negeri lain untuk mengurangkan trafik atau kesesakan jalanraya dalam masa selepas kerja?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini kita tak boleh benarkan kerana kita fikir perbuatan semacam itu adalah tidak memberi keselamatan kepada penumpang-penumpang.

RANCANGAN TANAH FELDA

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) apakah rancangan-rancangan bagi rancangan tanah FELDA yang akan dilancarkan di Kelantan dalam masa lima tahun yang akan datang; dan

- (b) adakah benar sungutan-sungutan dari orang ramai di Kelantan bahawa mereka sekarang tidak lagi digalakkan memasuki rancangan tanah FELDA di negeri-negeri lain umpamanya Pahang, dan jika ya, mengapa?

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah dijangka bahawa di dalam waktu Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980), FELDA akan membuka rancangan-rancangan tanah berjumlah lebih kurang 14,000 ekar di Kelantan Tenggara.
- (b) Saya rasa sama sekali tidak berbangkit tentang perkataan digalakkan atau tidak digalakkan, sebab selama ini pun penggalakan secara terang-terang atau penggalakan secara rasmi tidak pernah wujud, sebab soal peruntukan tanah kepada peserta adalah ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Pihak FELDA akan menentukan pengambilan peserta-peserta itu di atas nasihat Kerajaan Negeri. Apa yang berlaku dalam Negeri Pahang ialah sesudah diadakan persetujuan bersama antara pihak FELDA dengan Kerajaan Negeri Pahang bahawa 50% daripada rancangan tanah FELDA dalam Negeri Pahang itu boleh diuntukkan kepada rakyat selain daripada negeri Pahang dan baki yang 50% itu adalah khas bagi rakyat Negeri Pahang. Dan ada pula Kerajaan Negeri lain yang membuatkan peruntukan berlainan daripada itu. Jadi soalnya adalah soal ketentuan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

CACAT ANGGOTA—MOHON ANGGOTA PALSU

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan syarat-syarat yang diperlukan dari seseorang yang cacat anggotanya untuk memohon bantuan dari Kementerian ini untuk mendapatkan anggota-anggota badan tiruan di bawah rancangan bantuan anggota-anggota badan tiruan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang cacat anggota yang ingin memohon bantuan dari Kementerian

ini untuk mendapatkan anggota-anggota palsu dikehendaki memenuhi dua syarat seperti berikut:

- (i) Sokongan dari Pegawai Perubatan bahawa ia sesuai menggunakan alat-alat anggota palsu ataupun ia perlu menggunakan alat-alat tiruan.
- (ii) Jumlah pendapatan keluarganya tidak melebihi dari \$500 sebulan.

Di dalam keadaan luar biasa, seseorang cacat yang pendapatan keluarganya melebihi \$500 sebulan juga boleh diberi pertimbangan.

KEBERSIHAN MAKANAN/MINUMAN DI BANDARAYA

14. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada makanan dan minuman yang dijual di tepi jalan, di lorong-lorong dan di jalanraya-jalanraya yang sebok di Bandaraya Kuala Lumpur diperiksa dan didapati bersih untuk orangramai;
- (b) samada semua penjaja telah diberi lesen dan diperiksa tentang kebersihan dan kesihatan mereka; dan
- (c) apakah tugas-tugas Pegawai-pegawai Pengangkutan Bandaraya dan berapakah bilangan mereka.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dewan Bandaraya sentiasa mengawasi kebersihan dan keadaan benda-benda makanan dan minuman yang dijual di tepi jalan, lorong-lorong dan di jalan-jalanraya di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Setiap penjaja diberi notis supaya makanan dan minuman adalah bersih dan sihat untuk orangramai.
- (b) Penjaja-penjaja yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan diberikan lesen atau permit sementara. Ada juga penjaja yang berjaja tanpa lesen. Jumlah lesen yang dikeluarkan hingga 28hb Februari, 1975:

Gerai	...	...	...	5,107
Penjaja-penjaja bergerak (Itinerant Hawkers)	...	...	...	101
Permit Sementara (Untuk berniaga di tepi-tepi jalan yang sibuk dalam Banda- raya	...	...	...	601

Berhubung dengan kebersihan dan kesihatan penjaja-penjaja di X-ray sebelum lesen dikeluarkan. Lawatan-lawatan ke tempat-tempat penjaja-penjaja juga dibuat untuk memeriksa kebersihan.

- (c) Tugas-tugas pasukan penguatkuasa terbahagi kepada dua bahagian, yakni tugas-tugas tetap dan tugas-tugas am. Tugas-tugas tetap ialah mengawal pejabat-pejabat Dewan Bandaraya dan bangunan-bangunan serta harta-harta lain di bawah Dewan Bandaraya.

Tugas-tugas am adalah seperti berikut:

1. Menjalankan rondaan dan mengambil tindakan di jalan-jalan yang dilarang tempat berjaja, menyediakan eskot untuk kerja-kerja perlesenan penjaja, timbang dan sukat, kempen kebersihan dan lain-lain
2. Membantu kerja-kerja penguatkuasaan letak kereta.
3. Mengawasi pembinaan rumah haram dan mengambil tindakan sewajarnya seperti diarahkan.
4. M e l a w a t p a n g g u n g - p a n g g u n g w a y a n g — m e n c e g a h m e n g h i s a p rokok.
5. Menyediakan eskot untuk mengambil wang dari bank, bayaran gaji dan kutipan wang.
6. Menghantar saman-saman yang tak dapat diserahkan oleh penghantar saman.
7. Jumlah anggota Pasukan Penguatkuasa ialah 147 orang.

PELABURAN SWASTA AUSTRALIA/NEW ZEALAND

15. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil lawatan beliau ke Australia dan New Zealand dari segi,

- (a) penyertaan pihak swasta Australia dan New Zealand dalam pelaburan modal di Malaysia;
- (b) jenis-jenis perniagaan yang akan dibuka oleh pihak swasta New Zealand dan Australia di Malaysia; dan
- (c) sebanyak manakah bahan-bahan mentah yang ada di Malaysia yang boleh mendapat sambutan untuk eksport ke Australia dan New Zealand.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rombongan pelaburan Malaysia ke Australia dan New Zealand telah berjaya memberi kesedaran yang lebih luas di kalangan pengusaha-pengusaha dan pemodal-pemodal di kedua-dua buah negara tersebut mengenai suasana pelaburan yang menggalakkan dan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Walaupun Australia dan New Zealand telah mempunyai hubungan yang rapat dalam bidang-bidang yang lain seperti hal ehwal luar perdagangan kerjasama di dalam lain-lain bidang masih ramai peniaga-peniaga Australia, pengusaha-pengusaha Australia dan New Zealand yang belum mengetahui tentang banyaknya peluang-peluang pelaburan yang boleh didapati di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil dari penerangan-penerangan yang telah dibuat di beberapa persidangan pelaburan di kedua-dua negara tersebut, saya percaya akan terdapat lebih banyak kemasukan modal, pengetahuan teknik dan kaedah-kaedah pemasaran dalam penubuhan perindustrian serta bidang-bidang lain di Malaysia.

Berikutan dengan rundingan conference yang diadakan di kedua-dua buah negara juga ramai bilangan pengusaha-pengusaha telah mula datang ke Malaysia dengan diikuti tidak lama lagi oleh satu rombongan perdagangan yang akan membuat lawatan ke sini mengkaji dengan lebih mendalam lagi kemungkinan peluang melaburkan modal dari segi kerjasama, usaha bersama dengan pelabur-pelabur modal di dalam negara kita. Dalam segi sambutan, lebih kurang 270 wakil dari berbagai pertubuhan perusahaan dan kewangan di Australia dan New Zealand telah mengambil bahagian di dalam persidangan-persidangan yang telah diadakan di lima buah bandaraya yang telah dilawati oleh rombongan Malaysia itu. Sebagai tambahan, rombongan kita telah juga mengadakan beberapa perbincangan dengan lebih kurang 70 pengusaha-pengusaha Australia dan

New Zealand yang berminat untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan mendirikan kilang-kilang di Malaysia.

- (b) Di antara projek-projek perindustrian yang diminati oleh pengusaha-pengusaha Australia dan New Zealand untuk ditubuhkan di Malaysia termasuklah barang-barang yang berasaskan kepada pertanian, perusahaan lembu-susu dan daging, barang-barang kayu dan alat-alat yang digunakan di dalam perusahaan membalak, barang-barang kain, barang-barang besi, pelastik dan fibre glass, jentera dan alat-alat perusahaan, barang-barang kejuruteraan yang precision, barang-barang elektronik, berbagai barang-barang lain termasuk barang-barang acuan daripada getah, alat kelengkapan bangunan dan ubat-ubatan.

Adalah terlalu awal untuk menentukan bilangan projek-projek yang sebenar akan ditubuhkan sebagai hasil secara langsung ataupun tidak langsung daripada rombongan itu tetapi baru-baru ini berikutan dengan persidangan-persidangan ini sudah 4 projek yang konkrit telah ditajakan dari segi usaha bersama diantara pelabur-pelabur daripada dua buah negara ini dengan pelabur-pelabur modal daripada negara kita. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga sekarang terdapat 8 projek-projek usaha bersama dari New Zealand dan 52 daripada Australia yang telah diluluskan penubuhannya di Malaysia.

- (c) Australia adalah merupakan kawasan-kawasan pasaran papan (sawn timber). Malaysia yang kian bertambah kembang dan penting, nilai eksport bahan ini daripada Malaysia ke Australia adalah bertambah daripada \$28.2 juta di dalam tahun 1970 kepada \$59.7 juta dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 1974. Purata 15% daripada eksport tahunan papan Malaysia adalah dipasarkan di Australia. Getah asli pula adalah kedua pentingnya. Eksport bahan ini ke Australia telah juga bertambah daripada \$18.3 juta dalam tahun 1970 kepada \$37.6 juta dalam tempoh 10 bulan yang pertama bagi tahun 1974. Di samping itu pasaran minyak kelapa sawit sedang berkembang di negara itu. Nilai eksport bahan ini yang berjumlah

\$4.1 juta dalam tahun 1970 telah meningkat kepada \$15.4 juta dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 1974. Prospek ketiga-tiga bahan ini di Australia adalah sangat menggalakkan. Berbanding dengan Australia, pasaran bahan-bahan mentah Malaysia di New Zealand adalah terhad kerana bilangan penduduk-penduduknya adalah kecil. Bahan mentah sekarang ini diekspot ke New Zealand adalah juga sepertimana yang diekspot ke Australia. Eksport getah asli ke New Zealand bertambah sedikit iaitu dari \$8.95 juta dalam tahun 1970 kepada \$10.7 juta dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 1974. Eksport minyak kelapa sawit telah juga bertambah dari \$4 juta kepada \$2.3 juta dalam tempoh masa yang sama dan begitu juga dengan eksport papan yang telah bertambah dari \$1.18 juta kepada \$1.2 juta.

PENCEMARAN ALAM

16. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) apakah langkah yang sedang diambil bagi mengurangkan masalah pencemaran alam disebabkan oleh kerja memecah batu di Batu Caves memandangkan dari segi kepentingan ugama dan pelancungan; dan
- (ii) samada beliau akan menjalankan tindakan berkenaan jaminan-jaminan yang diberi pada masa lalu untuk memberhentikan kerja memecah batu di Batu Caves.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pegawai-pegawai dari Kementerian saya telahpun mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan wakil-wakil daripada kilang-kilang memecah batu di Batu Caves untuk membincang masalah tersebut. Berikutan daripada itu mereka telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah tertentu supaya paras pelepasan habuk-habuk dan debu-debu di situ dapat dikurangkan mengikut standard yang diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Untuk tujuan ini mereka adalah dikehendaki mengemukakan rancangan mereka, termasuk alat-alat

kelengkapan pencegah pencemaran yang dicadangkan untuk dikaji oleh Bahagian Alam Sekitar dengan secepat mungkin.

- (ii) Langkah-langkah untuk memberhentikan kerja-kerja memecah batu di Batu Caves ataupun menempatkannya ke kawasan-kawasan yang lain akan dipertimbangkan apabila didapati bahawa segala usaha lain yang akan dijalankan itu gagal untuk mencapai penyelesaian yang memuaskan kepada masalah pencemaran di kawasan tersebut. Saya juga telah berunding mengenai masalah itu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Selangor pada masa lawatan yang kami lakukan ke kawasan itu baru-baru ini.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi keterangan berapa lama lagi lesen memecah batu di Batu Caves diadakan?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, menurut kenyataan masa lesen itu panjang lagi, tetapi jika didapati masalah ini dapat diatasi, Kerajaan Negeri Selangor akan membatalkan lesen itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini adakah suatu undang-undang yang mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh membatalkan lesen tersebut?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada undang-undang.

NELAYAN-NELAYAN SEBAGAI AHLI RELA

17. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang menubuhkan yunit-yunit RELA di kalangan nelayan-nelayan untuk menjaga keselamatan diri mereka dari ancaman-ancaman musuh di laut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, yunit-yunit RELA memang mempunyai nelayan-nelayan sebagai ahli-ahlinya di tempat-tempat di mana didapati ada kaum nelayan. Tetapi penubuhan yunit-yunit RELA khas untuk satu-satu golongan seperti nelayan tidaklah dilakukan, kerana penubuhan RELA tidak diasaskan kepada golongan atau kaum, tetapi pertimbangan samada ancaman musuh ataupun penjenayahan. Namun demikian, ada tempat-tempat di mana ahli-ahli RELA dianggotai keseluruhannya oleh nelayan-nelayan dan diberi pula senjata seperti berikut:

Pulau Langkawi, Ahli seramai 270 orang
Kedah nelayan dan telah diberi 108 laras senapang patah.

Bachok, Kelantan Ahli 40 orang nelayan dan diberi 16 laras senapang patah.

PELAJARAN PERCUMA

18. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan samada "pelajaran percuma sembilan tahun" boleh dimulakan di Sarawak untuk membolehkan sistem Pelajaran Negeri itu menjadi selaras dengan Sistem Pelajaran di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia adalah memberikan pelajaran percuma di semua aliran sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan bukanlah sebenarnya "pelajaran percuma sembilan tahun". Walau bagaimanapun, semua murid di Semenanjung Malaysia diberi kemudahan untuk mendapatkan pelajaran asas selama 9 tahun.

Di Sarawak, peperiksaan masuk sekolah menengah telah dihapuskan pada tahun 1974 dan dengan demikian menjamin sembilan tahun pelajaran asas bagi semua, selaras dengan sistem yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Usaha-usaha ke arah penyelarasan dasar dan sistem pelajaran yang lebih berkesan adalah sentiasa dijalankan.

TEKSI DI LUAR BANDAR—PERMIT

19. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih banyak lagi teksi dikehendaki di kawasan-kawasan luarbandar sekarang. Adakah Kementerian ini bercadang hendak menambah pengeluaran permit-permit teksi untuk kawasan-kawasan ini. Jika ada, bilakah rancangan ini boleh diumumkan kepada orangramai.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, mungkin lebih banyak teksi dikehendaki bukan sahaja di setengah-setengah kawasan luarbandar tetapi juga dalam beberapa bandar. Perkara pengeluaran permit-permit teksi adalah dikendalikan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Saya sedar bahawa Lembaga ini sentiasa mengkaji kedudukan di setiap negeri tertakluk kepada syor-syor yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Lembaga Penasihat Angka-angka Matlamat kereta-kereta sewa dan teksi bagi setiap negeri tersebut.

Kekosongan bagi pengkalan-pengkalan ini diisytiharkan menerusi Setiausaha-setiausaha Kerajaan yang akan dibahagi-bahagikan kepada Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu Mukim dan Balai-balai Polis dan sebagainya.

HOSPITAL KENINGAU— DOKTOR BEDAH

20. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) bilakah seorang doktor bedah akan ditempatkan di Hospital Keningau memandangkan bahawa Keningau adalah sebuah bandar di pedalaman Sabah berjiran dengan daerah-daerah Tenom, Pensiangan dan Tambunan yang luas kesemuanya 5,055 batu persegi dan mempunyai 78,139 orang penduduk; dan

(b) samada beliau sedar bahawa pada masa ini semua kes-kes pembedahan termasuk yang kecil-kecil terpaksa dijalankan oleh seorang doktor bedah di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu dan dalam kes-kes kecemasan pesakit mungkin meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital itu kerana

keadaan pengangkutan jalanraya, keretaapi dan udara dari Keningau ke Kota Kinabalu adalah buruk terutama sekali di musim hujan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seorang doktor pakar bedah akan ditempatkan di Hospital Daerah Keningau apabila keadaan mengizinkan. Pada masa ini Kementerian Kesihatan adalah menitik beratkan menambah pegawai-pegawai perubatan biasa terutama sekali di hospital-hospital yang pada masa ini cuma ada satu orang pegawai perubatan sahaja. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah bersetuju satu cadangan daripada Jabatan Perubatan Sabah untuk mencadangkan hospital ini dinaikkan tarafnya ke "Hospital Intermediate" dengan cara memperbesar jabatan pesakit luar yang ada sekarang dan menambah wad-wad baru. Cadangan ini akan dipertimbangkan oleh Ajensi-ajensi Pusat. Apabila cadangan-cadangan ini telah dilaksanakan dan sekiranya keadaan mengizinkan seorang doktor pakar bedah akan dipertimbangkan untuk Hospital Daerah Keningau. Sementara itu Jabatan Perubatan Sabah akan menentukan bahawa pegawai-pegawai perubatan yang ditempatkan di Hospital Daerah Keningau ada kebolehan membuat pembedahan-pembedahan kecil.

(b) Pembedahan-pembedahan kecil yang boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai perubatan di Keningau dengan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah dijalankan di Hospital Daerah Keningau. Cuma kes-kes pembedahan yang besar dan yang perlu dibuat oleh doktor pakar bedah dihantar ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 62 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL DAERAH BATU GAJAH

21. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan samada

Kementerian beliau bercadang membina sebuah Hospital baru bagi menggantikan Hospital Daerah Batu Gajah, yang ada sekarang memandangkan keadaan Hospital tersebut yang terlalu buruk dan sempit.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Hospital Daerah Batu Gajah mempunyai sejumlah 350 buah katil. Pada tahun 1973, kadar rata bagi kegunaan katil ialah 276 katil setiap hari, atau 78.8%. Pada tahun 1974 pula, kadar rata itu ialah 243 katil setiap hari, atau 69.4%. Perangkaan-perangkaan tersebut menunjukkan bahawa kegunaan katil dalam hospital setiap hari masih kurang daripada jumlah katil yang sedia ada maka tidak bolehlah dikatakan bahawa keadaan di hospital itu penuh sesak.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua kemudahan-kemudahan tambahan seperti di bawah serta kemajuan-kemajuan yang berjumlah \$268,600 telah dilakukan ataupun sedang dilaksanakan pada Hospital Daerah Batu Gajah:

1. Ruangan Kelas Pertama,
2. Memodenkan dapur,
3. Kelengkapan untuk Wad Orang Kenamaan (VIP)
4. Memasang Pagar, dan
5. Memodenkan makmal.

Kementerian saya tidak bercadang untuk menggantikan Hospital Daerah Batu Gajah dengan sebuah hospital baru pada masa ini. Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedar bahawa Kementerian saya mesti memberi keutamaan dalam pertimbangan kami terhadap perbelanjaan peruntukan kami yang terhad itu untuk kawasan-kawasan yang tiada langsung kemudahan hospital serta untuk menggantikan hospital-hospital lama yang tiada lagi berekonomi untuk diperbaiki dan penuh sesak dengan kadar kegunaan katil 100% ataupun lebih daripada itu.

IBU PEJABAT DAERAH POLIS BALING—PEMBINAAN

22. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebabnya pembinaan bangunan baru Ibu Pejabat Polis Di Raja Daerah Baling di Pekan Baling itu ditangguhkan sehingga menyebabkan kerja-kerja itu terbengkalai hampir setengah tahun yang lalu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Pembinaan Ibu Pejabat Daerah Polis di Baling telah terbengkalai kerana pemborong yang mendapat tender bagi projek ini telah tidak dapat meneruskan kerja ini sungguhpun kontrak yang tamat pada 12-12-1974 disambungkan hingga ke 3-3-1975. Tindakan sedang diambil untuk membatalkan kontrak lama dan mendapat orang lain menyiapkan bangunan itu.

LAPANGAN TERBANG SENAI

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Lapangan terbang Senai digunakan sepenuhnya atau tidak dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan perjalanan kapal terbang antara Negeri Johor dan Negeri-negeri yang lain.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Pada masa ini lalulintas udara yang berulang alik melalui Lapangan terbang Johor Bahru didapati tidak begitu banyak. Walau bagaimanapun, Kementerian ini berpendapat ada kemungkinan untuk menambah bilangan lalulintas udara di lapangan terbang tersebut pada masa akan datang. Usaha-usaha sedang diambil untuk mencapai matlamat itu.

SEKOLAH VOKESYENAL/TEKNIK

24. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan samada lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik didirikan dalam lima tahun yang akan datang dan jika demikian, adakah Kerajaan akan menimbang untuk mendirikan sebuah sekolah tersebut di tiap-tiap daerah Negeri dalam Negara ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Pembinaan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Vokesyenal dan Teknik adalah tertakluk kepada keperluan tenaga manusia bagi pembangunan Negara.

Pembinaan Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal dan Teknik yang dirancang bagi masa 5 tahun yang akan datang akan dilaksanakan seberapa yang boleh bagi setiap buah negeri.

BIRO PENYIASATAN MUTU

25. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menubuhkan satu Biro Penyiasatan Mutu untuk mengawal mutu baja dan bahan-bahan kimia pertanian termasuk racun serangga dan racun rumput.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Berkenaan dengan pengawalan mutu bahan-bahan kimia pertanian seperti racun serangga dan racun rumput, pengawalan tersebut dapat dilakukan di bawah Akta Racun Makhlok Perosak, 1974. Dalam Akta itu pula ada peruntukan untuk mengadakan sebuah Lembaga. Oleh yang demikian tidaklah perlu diadakan lagi sebuah Biro Penyiasatan Mutu yang lain.

Berhubung dengan baja pula Kementerian sedang mengkaji kemungkinan mengadakan jentera untuk mengawalinya.

SNAP—PENANGKAPAN KETUA-KETUA

26. Tuan Ting Ling Kiew meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebabnya di sebalik penangkapan secara melalui 10 orang ketua-ketua SNAP, termasuk Ketua Pembangkang Sarawak, Y.B. Datuk James Wong Kim Min dari Limbang dan bekas Ahli Parlimen, Encik Awang Bungsu Abdullah dalam bulan Oktober, 1974; dan bilakah mereka akan dibebaskan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penangkapan terhadap sepuluh orang ketua-ketua SNAP itu bukanlah dengan sewenang hati tetapi berasaskan kepada butir-butir dan bukti-bukti yang cukup yang menunjukkan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh mereka adalah bertentangan dengan kepentingan, ketenteraman dan keselamatan negara. Mereka akan hanya dibebaskan apabila mereka didapati tidak lagi berupa ancaman terhadap keselamatan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seorang daripada mereka telahpun dibebaskan.

MIRI-BINTULU REGIONAL STUDY GROUP

27. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan apakah Rancangan Induk Kerajaan Negeri Sarawak untuk kawasan-kawasan di sebelah timur Pekan Bintulu yang panjangnya lebih kurang 12 batu sepanjang Jalan Bintulu/Miri di Daerah Bintulu yang sekarang ini dilenyapkan oleh Seksyen 47 Kanun Tanah Sarawak 1967 dan mengapa Kerajaan Negeri enggan mengumumkan rancangan ini. Bilakah plan induk ini boleh diulangkaji untuk membolehkan penyertaan yang aktif dalam pembangunan oleh sektor persendirian.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Adalah difahamkan bahawa sedikit kelambatan telah dialami dalam penyiapan struktur plan dalam kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana ianya terpaksa menunggu laporan akhir dari kajian "Miri-Bintulu Regional Study Group". Apabila Rancangan ini diimplementasi nanti adalah diharapkan private sector juga akan mengambil bahagian yang aktif dalam pembangunan kawasan tersebut.

Oleh kerana soalan ini juga merupakan satu soalan yang menyentuh rancangan yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak adalah dicadangkan supaya Ahli Yang Berhormat menerusi wakil rakyatnya mengemukakan soalan seperti ini dalam Council Negeri Sarawak di mana penjelasan yang lanjut mungkin didapati.

RUMAH PANGSA HARGA MURAH

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah rumah-rumah pangsa harga murah dibina oleh Dewan Bandaraya yang kini boleh dipohon oleh orang ramai, dan nyatakan tempat dan jumlah yunit yang dibina.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Sekim perumahan rumah pangsa harga murah yang

dibina oleh Dewan Bandaraya adalah dibuka kepada orangramai untuk dipohon di kawasan-kawasan berikut:

- (i) di Bukit Bangsar 782 yunit
(mengandungi 3 blok 17-tingkat dan dijangka siap dalam bulan Mei 1975).
(Permohonan-permohonan untuk kawasan ini ditutup pada 31-3-75)
- (ii) di Jalan San Peng 800 yunit
(Peringkat II)
(Mengandungi 3 blok 17-tingkat dan kerja-kerja "piling" telah siap dan kerja-kerja pembinaan akan dijalankan tidak berapa lama lagi)

Selain dari menimbangkan permohonan-permohonan dari orangramai, keutamaan adalah diberikan kepada keluarga-keluarga setinggan yang dikeluarkan dari tanah-tanah Kerajaan oleh Dewan Bandaraya untuk projek-projek pembangunan, tatkala mengurus peruntukan rumah pangsa.

PADANG LETAK KERETA

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya untuk membina padang-padang letak kereta yang berbilang tingkat supaya dapat menampung keperluan meletak kereta di Kuala Lumpur.

Datuk Ong Kee Hui: Kajian Wilbur Smith ke atas pengaliran lalulintas di Kuala Lumpur (bandaraya) mengesyorkan langkah-langkah untuk mengurangkan lalulintas di Bandaraya. Cadangannya menggalakkan lebih banyak penggunaan pengangkutan awam daripada penggunaan kereta-kereta persendirian di bandaraya. Oleh itu Dewan Bandaraya sedang bergiat merancangkan tempat-tempat simpan kereta yang bertingkat-tingkat di dalam kawasan bandaraya untuk mereka-mereka yang hanya datang ke bandaraya untuk membeli-belah dan lain-lain urusan. Tetapi mereka dikehendaki meletakkan kereta-kereta mereka dalam tempoh masa yang singkat. Lapuran di atas juga mencadangkan mereka-mereka yang bekerja di bandaraya tidak digalakkan membawa kereta-kereta mereka ke kawasan bandaraya. Langkah-langkah sedang diambil untuk mencari tempat-tempat yang sesuai untuk membina tempat-tempat letak kereta yang bertingkat-tingkat dengan kos yang berpatutan di kawasan-kawasan di luar pusat bandar.

Walau bagaimanapun sebelum kawasan-kawasan itu dipilih dan tempat-tempat letak dibina, perkara-perkara ini hendaklah dilaksanakan bersama dengan cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporannya yang mana pada masa ini sedang dikaji dengan teliti untuk pelaksanaan oleh perunding-perunding.

SEKATAN PERJALANAN KE SABAH

30. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah sekatan perjalanan telah dikenakan ke atas pemimpin-pemimpin pihak Pembangkang, misalnya Y.B. Datuk James Wong Kim Min, Datuk Stephen Kalong Ningkan dan Y.B. Tuan Lim Kit Siang, dilarang dari membuat lawatan ke Negeri Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal membenar atau menegah seseorang warganegara yang bukan berasal dari Sabah untuk masuk ke Sabah adalah hak negeri itu. Peruntukan ini terdapat pada Seksyen 5 (1) (a) Akta Imigresen, 1963.

Saya rasa semasa menjawab soalan yang sama dalam persidangan Parlimen yang lalu pada 7hb November, 1974 Ahli Yang Berhormat itu pun ada bersama di Dewan ini.

JALAN TAR PEKAN TANJONG BELANJA

31. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membuat jalan tar sejauh 4½ batu dari Pekan Tanjong Belanja oleh kerana penduduk-penduduk di Kampung tersebut seramai 3,000 orang menghadapi penderitaan yang sangat menyedihkan semasa hendak membawa keluar hasil mereka terutama sekali pada musim hujan dan kanak-kanak yang bersekolah terpaksa berjalan kaki pergi balik ke Kampung tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Saya diberitahu bahawa jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalan Negeri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa sekarang ini tidak ada apa-apa rancangan untuk membina jalan tar di situ kerana memandangkan keadaan lalulintas di kawasan itu tidak begitu sibuk.

Walau bagaimanapun terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat mengemukakan perkara ini kepada Majlis Tindakan Negeri Perak untuk dipertimbangkan.

CEMARAN MINYAK OLEH SHOWA MARU

32. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggungkan oleh Kerajaan Malaysia dalam gerakan pembersihan cecair minyak yang tumpah di Selat Melaka dari kapal minyak Showa Maru baru-baru ini dan berapakah pembayaran ganti-rugi yang didapati dari tuan punya kapal minyak tersebut.

Datuk Ong Kee Hui: Jawapan ialah sama seperti yang telah diberi kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 2 haribulan April.

BANJIR DI JALAN KEPONG

33. Dr. Tan Chee Khoo minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang kejadian banjir yang sering berlaku di Batu 7, Jalan Kepong apabila hujan lebat, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk mengelakkan terjadinya banjir seperti itu di masa hadapan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kejadian banjir yang sering berlaku di Batu 7, Jalan Kepong adalah disebabkan terutamanya oleh limpahan air hujan yang datang dari kawasan Pembangunan Perumahan pada masa-masa hujan lebat. Parit tepi jalan di situ yang dibina semata-mata untuk menampung aliran air daripada permukaan jalan sahaja, tidak dapat menampung tambahan air dari kawasan-kawasan perumahan tersebut. Air hujan daripada kawasan tersebut seharusnya disalurkan terus melalui parit-parit yang berasingan ke sungai atau tasik.

Memandangkan kepada semua hal berkenaan pembangunan di kawasan ini adalah di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya, Kementerian ini akan mengemukakan masalah yang tersebut itu kepada Dewan Bandaraya untuk tindakan yang sewajarnya.

BUMIPUTRA DALAM JAWATAN KANAN SYARIKAT TARAF PERINTIS

34. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada bilangan Bumiputra yang menjawat jawatan kanan pada masa ini di syarikat-syarikat bertaraf perintis sejajar dengan semangat penyusunan semula masyarakat kita, dan jika tidak, apakah langkah yang telah diambil untuk mencapainya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Rekod-rekod yang ada pada masa ini menunjukkan bilangan Bumiputra yang menjawat jawatan-jawatan kanan di syarikat-syarikat bertaraf perintis adalah masih belum sejajar dengan semangat penyusunan semula masyarakat kita. Sehingga ini cuma 13.6% Bumiputra menjawat jawatan-jawatan kanan di dalam syarikat-syarikat taraf perintis.

Untuk mengatasi masalah ini, suatu program yang dinamakan "Programme for Executive Development" sedang dilancarkan sekarang ini dalam mana Instituti Teknologi MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta firma-firma sektor swasta ada terlibat sama. Program ini menjalankan sebanyak dua kursus setahun dan pukul rata 50 orang bakal-bakal Executive akan dilatih bagi tiap-tiap kursus. Bakal-bakal Executive ini adalah dilatih khas untuk menjawat jawatan-jawatan di sektor swasta.

Sehingga ini, sambutan yang diberikan oleh sektor swasta mengenai kursus ini sangatlah menggalakkan dan Kementerian saya berharap banyak lagi firma-firma akan memberikan sumbangan bagi menjalankan kursus ini dan juga menawarkan pekerjaan-pekerjaan kepada bakal-bakal Executive Bumiputra.

HOSPITAL SERIAN—PEMBINAAN

35. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pembinaan hospital di Serian akan dimulakan dan bilakah akan siap.

Tan Sri Lee Siok Yew: Perjanjian antara Kerajaan dengan Pemborong telahpun ditandatangani untuk pembinaan Hospital

Serian. Kerja-kerja pembinaan adalah dijangka bermula pada bulan ini. Hospital Serian dijangka akan siap sebelum akhir tahun 1976.

TEKSI SAPU

36. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan samada Kerajaan sedar banyak "Teksi Sapu" yang dipunyai oleh orang-orang perseorangan bergerak bebas mencari penumpang di Negeri Johor tidak ditangkap tetapi sebaliknya teksi-teksi buruk pula diganggu, dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan bercadang hendak ambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tindakan terhadap kereta sewa haram ada dijalankan oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan dengan mendakwa orang-orang yang menjalankan "teksi-teksi sapu" ini ke Mahkamah tetapi oleh kerana penumpang-penumpang teksi-teksi haram ini tidak sanggup memberi keterangan di Mahkamah, tindakan hendak menghapuskan kereta-kereta ini tidak begitu berkesan. Walau bagaimanapun, tindakan terhadap teksi-teksi haram ini terus dijalankan.

Mengenai kereta-kereta sewa buruk, tindakan biasa diambil untuk menentukan supaya kereta-kereta sewa ini tidak merupakan satu bahaya kepada penumpang-penumpang yang menggunakannya, dan juga lalulintas-lalulintas yang lain.

Untuk mengatasi kekurangan kereta-kereta sewa di Negeri Johor, Kementerian akan menambahkan banyak lagi kereta-kereta sewa di Seluruh Negeri itu.

SAMPAH-SAMPAH DI BANDARAYA—KEBERSIHAN

37. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapat banyak sampah bersepah di jalanraya-jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur dan samada kerja membersihkan Bandaraya Kuala Lumpur hanya dilakukan pada waktu kempen kebersihan sahaja; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya Bandaraya sentiasa bersih dari sampah sarap.

Datuk Ong Kee Hui:

- (a) Kerja kebersihan dan pengangkutan sampah dijalankan sepanjang masa dan bukannya pada masa kempen kebersihan sahaja. Sampah diangkut selang sehari atau dua kali seminggu. Di tempat-tempat tertentu seperti dalam kawasan pusat Bandaraya dan pasar diangkut setiap hari. Kempen kebersihan bertujuan utama untuk menyedari orangramai supaya sama-sama menjaga kebersihan Bandaraya.

Ada orangramai yang membuang sampah di tepi tong-tong sampah besar dan bukannya ke dalam tong-tong sampah dan ini menunjukkan seolah-olah sampah tidak dipungut, padahal tong-tong itu kosong. Terdapat juga pembuangan sampah secara haram (illegal dumping) yang melanggar undang-undang.

- (b) 1. Kenderaan-kenderaan pengangkutan sampah tambahan telah ditempah dan dijangka boleh digunakan tahun ini supaya perkhidmatan pengangkutan sampah lebih baik.
2. Lebih banyak tong-tong sampah disediakan dan tong-tong besar yang lama digantikan secara beransur-ansur dengan jenis baru yang lebih baik.
3. Menguatkan penguatkuasaan dan kempen kebersihan terus dijalankan.

LANDASAN KAPALTERBANG KENINGAU

38. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang membaiki dan meratakan landasan kapalterbang Keningau supaya kapalterbang boleh mendarat di Keningau walaupun dalam musim hujan kerana kepentingan perhubungan udara antara Kota Kinabalu dan Keningau memandangkan perdagangan balak yang besar di Sepulot.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pembaikan landasan kapalterbang Keningau adalah salah satu projek pembangunan yang dimasukkan di dalam senarai perancangan keseluruhan (overall planning) untuk dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PEPERIKSAAN DARJAH VI DI SABAH—HAPUSKAN

39. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Peperiksaan Darjah Enam Rendah akan dihapuskan di Sabah memandangkan bahawa peperiksaan ini telah lama dihapuskan di Malaysia Barat dan Sarawak.

Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan untuk menghapuskan Peperiksaan Darjah VI di Sabah secepat mungkin bagi membolehkan semua pelajar memasuki sekolah menengah dan memperoleh 9 tahun pelajaran asas. Bagaimanapun memandangkan akan kekurangan tempat-tempat di sekolah menengah dan juga kekurangan guru-guru terlatih maka Kerajaan terpaksa mengambil satu dasar menghapuskan peperiksaan ini secara beransur-ansur. Proses penghapusan peperiksaan ini secara beransur itu telah pun berjalan sejak beberapa tahun dengan meninggikan lagi peratus calon-calon yang dibenarkan memasuki Tingkatan I seperti berikut:

Tahun 1972	...	...	...	62%
Tahun 1973	...	...	...	65%
Tahun 1974	...	...	...	75%
Tahun 1975	...	...	...	80%
Tahun 1976	...	...	...	85%
Tahun 1977	...	...	...	90%
Tahun 1978	...	...	...	100%

Mengikut jadual yang direncanakan maka peperiksaan ini akan tamat samasekali pada penghujung tahun 1977.

RUMAH GURU—BAYARAN

40. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru sekolah rendah yang menduduki rumah-rumah guru di kawasan luar bandar membayar sewa sama banyak dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain yang menduduki rumah-rumah yang sama kelasnya di bandar-bandar sungguhpun rumah-rumah mereka tidak dilengkapi seperti rumah-rumah di bandar, jika ya, adakah beliau bercadang hendak mengurangkan sewa rumah-rumah ini atau menyediakan kelengkapan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya sedar bahawa keadaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut berlaku di Sarawak akan tetapi keadaan ini tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

Di Sarawak, dengan pelaksanaan sekim gaji di bawah Perkhidmatan Pelajaran, guru-guru yang menduduki rumah-rumah guru dikenakan sewaan sebanyak 10% daripada gaji mereka tanpa berdasarkan kawasan.

Walau bagaimanapun, satu kajian sedang dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa "Standing Committee" di antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Pejabat Persekutuan di Sarawak untuk menentukan kadar bayaran sewa rumah yang berpatutan (equitable) bagi berbagai-bagai jenis rumah Kerajaan, termasuk rumah-rumah guru. Diharapkan suatu penyelesaian yang memberi puashati kepada pihak-pihak yang terlibat akan dapat dicapai apabila kajian ini siap kelak.

Bagi Semenanjung Malaysia pula, guru-guru sekolah yang menduduki rumah-rumah guru di kawasan luar bandar membayar sewa lebih rendah daripada kakitangan Kerajaan yang lain yang menduduki rumah-rumah Kerajaan yang sama kelasnya di bandar, tertakluk kepada kadar sewa yang ditetapkan mengikut Seksyen 15 (a) Perintah-perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan).

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH BAHAGIAN KETUJUH SARAWAK

41. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan akan melancarkan rancangan pembangunan tanah di Bahagian Ketujuh Sarawak sama seperti di bahagian-bahagian lain kerana ini akan dapat meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Setakat ini Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak belum bercadang untuk membuka Rancangan Pembangunan Tanah di Bahagian Ketujuh Sarawak.

PELEPASAN DIRI DALAM TAKSIRAN CUKAI

42. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kementerian beliau sedang mengambil langkah

untuk mengkaji semula jumlah untuk Pelepasan Diri dalam Taksiran Cukai Pendapatan.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam jawapan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Padawan, Sabah, Kerajaan tidak bercadang hendak mengulangkaji kadar pelepasan perseorangan bagi cukai pendapatan yang ada sekarang.

MILIK RUMAH DI ESTET/LOMBONG

43. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan dasar "milik rumah" (house-ownership) di estet-estet dan lombong-lombong timah.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama di Dewan ini pada 2hb April, 1975.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa dua buah syarikat telahpun menyiapkan plan-plan bagi projek-projek utama iaitu di Johor dan Negri Sembilan.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—SYARAT AKTA

44. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan;

- (a) samada beliau sedar iaitu setengah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri masih belum lagi mematuhi syarat-syarat Akta Perbadanan (Kelayakan Perbadanan Perundangan Negeri Pin-daan, 1974;
- (b) sila nyatakan negeri-negeri yang masih belum menghantarkan penyata kira-kira Perbadanan Kemajuan Negeri kepada beliau menjelang 30hb Jun, 1974; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki keadaan yang tidak teratur ini.

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Saya sedar bahawa masih ada lagi Kerajaan-kerajaan Negeri yang belum mematuhi syarat-syarat Akta Perbadanan (Kelayakan Perbadanan

Perundangan Negeri) (Pindaan) 1974. Ini ialah kerana setengah Kerajaan-kerajaan Negeri belum mengadakan peruntukan di dalam undang-undang negeri untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak Akta tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat terlebih maklum Kementerian saya ditubuhkan dalam bulan Oktober, 1974. Oleh itu tindakan untuk mendapatkan penyata kira-kira Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sedang dijalankan. Tindakan sedang diambil untuk menarik perhatian Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di atas kehendak Akta tersebut dan menentukan yang Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan menghantar penyata kira-kira mereka ke Kementerian ini di dalam masa yang ditentukan di dalam Akta itu.

GRESKOLAH MENENGAH/RENDAH

45. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah menengah dan rendah Gred A, B dan C dan sama ada sekolah-sekolah Gred C itu akan ditukar menjadi Gred B.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan sekolah-sekolah menengah dan rendah Gred A, B dan C adalah seperti berikut:

(i) Sekolah Rendah	Menengah ...	Gred A: 91 buah Gred B: 74 buah Gred C: 77 buah
(ii) Sekolah Penuh	Menengah ...	Gred A: 41 buah Gred B: 170 buah Gred C: 239 buah
(iii) Sekolah Berasrama Penuh	Menengah ...	Gred A: 20 buah
(iv) Sekolah Teknik	Menengah ...	Gred A: 2 buah Gred B: 6 buah
(v) Sekolah Vokesyenal	Menengah ...	Gred A: 6 buah Gred B: 10 buah
(vi) Sekolah Rendah	...	Gred A: 371 buah Gred B: 859 buah Gred C: 3,111 buah
		Jumlah: 5,077 buah

Kementerian akan menentukan pada satu masa kelak mana-mana sekolah Gred C yang didapati layak untuk ditukarkan menjadi sekolah Gred B.

JALAN PASIR MAS KE TUMPAT-RANTAU

46. Tengku Zaid Al-Haj bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan jalan-jalan dari Pasir Mas ke Tumpat dan dari Pasir Mas Ke Rantau akan siap.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Dua batang jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalanraya Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah difahamkan bahawa cadangan untuk jalan baru diantara Pasir Mas dan Rantau telah pun dimajukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pembaikan dan penyenggaraan jalanraya yang ada diantara Pasir Mas dan Tumpat pula adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri Kelantan.

HO KIM CHAN—PEKERJA KILANG PAPAN TAN KAI LIAT

47. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada beliau sedar iaitu Ho Kim Chan yang bekerja selama 18 tahun dengan Syarikat Kilang Papan (Melaka) Tan Kai Liat Sdn Bhd telah dibuang kerja pada 21hb November 1974, dengan tidak diberi pampasan;
- (b) samada ia sedar di dalam suratnya bertarikh 26-2-1975 dari Encik Chin Yew Liat, bagi pihak Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan, Malaysia kepada Encik Ho Kim Chan, Encik Chin telah mengata: "Saya dapati bahawa pihak pengurusan sanggup mengambil tuan bekerja semula atas gaji \$300 sebulan tetapi tuan enggan menerima tawaran penggajian semula itu dan sebaliknya pula ingin mendapatkan saguhati tidak kurang dari 2 bulan gaji. Ini adalah bermaknatan cuma inginkan pembayaran yang lumayan dan bukan untuk mendapatkan kerja semula. Oleh yang demikian rayuan tuan itu tidak termasuk di bawah peruntukan Seksyen 16A Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Walau bagaimanapun, kami telah berusaha dengan tujuan untuk membawa satu penyelesaian

atas perkara ini secara runding damai tetapi malangnya usaha-usaha kami itu tidak berjaya. Dengan itu saya berdukacita bahawa Jabatan ini tidak dapat memberi sebarang bantuan lagi kepada tuan dalam perkara itu".

- (c) samada menjadi polisi Kementerian beliau untuk menggalakkan atau membenarkan pihak majikan menamatkan atau memberhentikan pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat yang mendapat gaji yang tinggi supaya mereka boleh menggantikan pekerja-pekerja tersebut dengan pekerja-pekerja baru yang dibayar gaji yang rendah; dan
- (d) samada beliau akan mengarahkan Kajian semula Kes Encik Ho Kim Chan supaya membolehkan Encik Ho diberi balik kerja lamanya dengan tidak ada perubahan di gajinya yang \$400 atau ia diberi pampasan yang wajar memerhatikan perkhidmatan yang lama yang telah diberi oleh Encik Ho kepada kilang tersebut.

Datuk Lee San Choon:

- (a) Adalah tidak benar bahawa Encik Ho Kim Chan telah bekerja selama 18 tahun dengan Syarikat Kilang Papan (Melaka) Sdn Bhd, beliau mula bekerja dengan Syarikat ini mulai pada 1-1-74.
- (b) Saya sedar berkenaan dengan surat daripada Kementerian saya kepada Encik Ho bertarikh 26-2-75 yang mana menerangkan mengapa rayuannya tidak termasuk di bawah peruntukan Seksyen 16A Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Encik Ho cuma ingin mendapatkan pembayaran saguhati tidak kurang dari 2 bulan gaji dan dengan yang demikian Menteri tidaklah berkuasa untuk membuat sebarang keputusan dibawah seksyen yang berkenaan.
- (c) Bukanlah menjadi polisi Kementerian saya untuk menggalakkan atau membenarkan pihak majikan menamatkan atau memberhentikan mana-mana pekerja tanpa sebab-sebab yang saksama atau alasan bahawa pekerja-pekerja telah lama berkhidmat.
- (b) Sebagaimana yang diterangkan tadi sekiranya rayuan tidak termasuk di bawah peruntukan Seksyen 16A Akta

Perhubungan Perusahaan, 1967, Menteri tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang keputusan di bawah seksyen yang berkenaan.

RONALD WILSON—PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

48. Tuan Lim Lit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar ada seorang pemuda bernama Ronald Wilson umur 22 tahun, pemegang kad pengenalan 8130429 dilahirkan di Tangkak pada 18hb April, 1953, (surat beranak bernombor 77/53) kedua ibu-bapanya warganegara Malaysia, telah ditahan di Penjara Remand Queenstown, Singapura, sejak 5hb November, 1974, kerana paspot terhadapnya telah habis tempoh;
- (b) samada beliau sedar bahawa pihak Imigresen Singapura sedia membebaskan Ronald Wilson sekiranya Malaysia sedia mengeluarkan kepadanya permit masuk;
- (c) s e b a b mengapa Imigresen Malaysia sehingga sekarang tidak membenarkan Ronald Wilson masuk ke Malaysia sungguhpun ia dilahirkan di Malaysia daripada ibu-bapa anak Malaysia dan tidak mempunyai tanah-air yang lain;
- (d) samada beliau sedar sekiranya Malaysia tidak menerima Ronald Wilson masuk balik ke Malaysia untuk pulang kepada ibu-bapanya, ia terpaksa tinggal seumur hidupnya di Penjara Queenstown selama 30 hingga 40 tahun; dan
- (e) samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk membenarkan Ronald Wilson pulang ke Malaysia supaya ia tidak jadi tahanan tetap di Penjara Remand Queenstown Singapura yang sedia membebaskan beliau.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ronald Wilson sungguhpun lahir di negara ini dan ibu-bapanya warganegara Malaysia, ia bukanlah warganegara Malaysia tetapi dahulunya adalah penduduk tetap dan pemegang kad pengenalan merah. Walau bagaimanapun sepemergiannya ke Singapura ia telah diberi kesempatan untuk pulang

ke negeri ini bila-bila masa antara 11hb Mei, 1971 hingga 10hb Mei, 1972. Tetapi ia tidak menggunakan kemudahan itu malah memilih untuk tinggal terus di Singapura.

KREDIT LUAR BANDAR

49. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan kegiatan-kegiatan pihak-pihak awam dan swasta Malaysia dalam bidang "Kredit Luar Bandar"; dan apakah perbezaan-perbezaannya antara "Kredit Luar Bandar" dan "Kredit Jaminan".

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Soalan ini luas sangat. Walau bagaimanapun agensi Kerajaan di bawah Kementerian saya yang memberi kredit luar bandar ialah Bank Pertanian. Sehingga akhir tahun 1974, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah lebih kurang \$114,272,326 dan bilangan peminjam sebanyak 140,516. Selain dari agensi Kerajaan ini, bank-bank perdagangan juga ada memberi kredit luar bandar tetapi duka-cita saya tidak dapat memberikan butir-butir kegiatannya kerana ini memerlukan bank-bank tersebut dihubungi dan mengambil masa yang panjang.

Berkenaan dengan perbezaan di antara kredit luar bandar dengan kredit jaminan, secara kasar kredit luar bandar adalah pinjaman yang diberikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar mengikut perkiraan biasa dalam pinjam-meminjam, manakala kredit jaminan adalah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan dan pinjaman ini dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit. Pinjaman sebanyak \$30,000 ke bawah tidak memerlukan apa-apa cagaran.

KERETA PENUMPANG KUALA LUMPUR—PELABUHAN KELANG

50. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah perkhidmatan Keretapi Penumpang di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang akan dijalankan semula.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan mengadakan semula perkhidmatan-perkhidmatan terin penumpang di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang dalam masa lebih kurang enam (6) bulan lagi.

KELAS PERCUMA KEPADA KANAK-KANAK MISKIN

51. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian menganggap wajar untuk mengadakan kelas sebelah petang secara percuma kepada kanak-kanak yang tidak mendapat pelajaran kerana kemiskinan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan di aliran Bahasa Malaysia, baik di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah, adalah diberi dengan percuma. Di aliran Pendidikan bahasa yang lain di peringkat rendah adalah juga diberikan dengan percuma. Dan sungguhpun wang yuran hanya dikenakan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ataupun aliran Bahasa Inggeris, murid-murid dari golongan miskin boleh juga memohon supaya mendapat tempat percuma atau bayaran separuh yuran sahaja. Malahan, mereka juga boleh memohon bantuan, sekiranya mereka mematuhi syarat-syarat yang berkaitan.

MINUMAN PERCUMA

52. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian akan menimbang untuk memberikan minuman pagi percuma kepada kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran belum ada rancangan yang demikian pada masa sekarang ini.

PEPERIKSAAN STP/HSC

53. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab calon-calon bagi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran (H.S.C.) tidak dibenarkan menjalani Ujian Sains Praktik di makmal sekolah-sekolah persendirian, walaupun sekolah-sekolah mereka dibenarkan mengadakan kelas-kelas Sains.

Dr Mahathir bin Mohamad: Calon-calon bagi peperiksaan S.T.P./H.S.C. tidak dibenarkan mengambil Ujian Sains Praktik di makmal Sekolah-sekolah persendirian oleh

kerana sebab-sebab berhubung dengan keselamatan peperiksaan. Sebelum peperiksaan sains amali itu diadakan maka sekolah-sekolah yang dipertanggungjawab menjalankan peperiksaan tersebut adalah dikehendaki membuat beberapa persediaan mengenai bahan-bahan sains yang dikelaskan sebagai sulit sehinggalah peperiksaan amali itu diadakan. Untuk membolehkan sekolah-sekolah yang berkenaan menjalankan persediaan-persediaan yang dikehendaki itu maka maklumat-maklumat tertentu mengenai peperiksaan sains amali tersebut terpaksa diberikan lebih awal lagi. Untuk memelihara keselamatan peperiksaan itulah maka hanya sekolah-sekolah bantuan penuh sahaja yang digunakan oleh kerana sekolah-sekolah tersebut adalah lebih terkawal dan malah di samping itu guru-guru yang terlibat dalam pengurusan adalah tertakluk kepada kawalan-kawalan tatatertib Kementerian Pelajaran.

UDA—KEGIATANNYA DI KOTA BHARU

54. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan sejauh manakah perkembangan UDA dijalankan disekitar bandar Kota Bharu khususnya dalam rundingan pihak UDA dengan Majlis Ugama Islam Kelantan dalam menjayakan projek-projek tersebut.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kegiatan kegiatan UDA disekitar bandar Kota Bharu hingga ke tarikh ini adalah seperti berikut:

- (i) 5 Bantuan untuk pembangunan tanah dengan Bumiputra dan 1 dengan Perbadanan Kemajuan Negeri;
- (ii) 1 Bantuan ubahsuai dan peralatan;
- (iii) 1 Bantuan pembelian perniagaan;
- (iv) 1 Bantuan projek usaha bersama secara ekuiti. Pembiayaan UDA di dalam rancangan-rancangan tersebut adalah sebanyak lebih kurang \$18.5 juta. Rundingan UDA dengan Majlis Ugama Islam Kelantan ialah diatas rancangan satu projek perumahan dan kompleks perniagaan. Satu kajian kemungkinan sedang dijalankan berkenaan dengan projek tersebut dan keputusan mukamad belum lagi dibuat.

MOTOSIKAL BAWA BARANG- BARANG—PENDAFTARAN

55. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan melonggarkan:

- (a) syarat yang mewajibkan setiap penoreh getah mendaftarkan motosikal mereka sebagai Kereta Muatan; dan
- (b) syarat yang berkehendakan motosikal mereka diperiksa oleh pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor tiap-tiap enam bulan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Mulai daripada bulan Oktober 1974, Jabatan Pengangkutan Jalan telah memansuhkan pendaftaran motosikal-motosikal yang digunakan untuk membawa barang-barang. Demikian juga dengan motosikal-motosikal yang telah dilesenkan sebagai "goods vehicles" telah tidak dikehendaki diperiksa tiap-tiap 6 bulan mulai dari tarikh itu.

Untuk makluman Dewan ini, bagi menyenangkan pengguna-pengguna motosikal yang berkenaan itu, Kementerian saya hendak membenarkan motosikal-motosikal tersebut digunakan untuk membawa barang-barang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi memastikan supaya kenderaan-kenderaan ini tidak membahayakan pengguna-pengguna jalanraya yang lain dan melepaskan daripada bayaran lesen sebanyak \$40.00 setahun ke atas motosikal-motosikal tersebut.

PENGARAH PERUBATAN SABAH

56. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Haji O.K.K. Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Dr (Puan) Razak akan dilantik menjadi doktor kerana Pengarah Perubatan Sabah telah menyokong dan bersetuju dengan perlantikan beliau tanpa menjalani housemanship dan penduduk di Ulu Padas, Hilir Padas dan Kimanis memerlukan perkhidmatan seorang doktor.

Tan Sri Lee Siok Yew: Permohonan Dr (Puan) Razak untuk didaftarkan sedang dipertimbangkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Oleh kerana Ijazah beliau tidak terkandung di dalam Jadual Kedua kepada Akta Perubatan, 1971, beliau hanya boleh didaftarkan

sementara di bawah Seksyen 12 (1) (a) (ii) Akta tersebut. Sekiranya beliau didaftarkan sementara, beliau dikehendaki menjalani perlatihan (housemanship) selama 1 tahun diikuti dengan 2 tahun perkhidmatan dengan Kerajaan yang memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan, sebelum beliau boleh didaftarkan penuh sebagai seorang pengamal perubatan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa, 1 tahun perlatihan tempatan wajib yang beliau telah sempurnakan di India tidak melayakkan dirinya dikecualikan daripada menjalankan perlatihan di sini di bawah perbekalan Akta Perubatan, 1971.

Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi beliau dilantik sebagai pegawai perubatan sebelum beliau menjalani perlatihan selama 1 tahun dengan jayanya.

LETRIK KE KAMPUNG CHERAS BARU/MALAYSIA TAMBAHAN/ MALAYSIA RAYA

57. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada Kerajaan mempunyai rancangan segera untuk menyambung bekalan letrik ke Kampung Cheras Baru (Batu 6½, Jalan Cheras, Kuala Lumpur), Kampung Malaysia Tambahan, Kampung Malaysia Raya (kedua-duanya di Batu 6, Jalan Sungei Besi, Kuala Lumpur) dan semua kampung-kampung setinggan kerana ini akan membolehkan murid-murid sekolah yang tinggal di tempat-tempat tersebut belajar pada waktu malam; sekiranya ada, nyatakan bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan; jika tidak, mengapa tidak.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Pada masa sekarang pihak L.L.N. sedang melaksanakan beberapa projek di kawasan Jalan Cheras seperti Kampung Cheras Baru, Batu 4 dan Kampung Sungai Midah, Batu 7.

Tentang Kampung Malaysia Raya sukacita saya memaklumkan bahawa projek untuk memberi bekalan letrik kepada kampung tersebut telahpun diluluskan. Urusan untuk mendapatkan tapak tanah untuk pencawang letrik baru sahaja selesai dan kerja pembinaan akan dimulakan tidak berapa lama lagi.

Bagi Kampung Cheras Baru, Batu 6½ dan Kampung Malaysia Tambahan, pertimbangan akan diberi sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengemukakan permohonan bekalan letrik kepada pihak L.L.N.

Seperti saya telah menyatakan dalam Dewan ini, Kerajaan sentiasa merancang projek-projek bekalan letrik demi untuk faedah kepada penduduk-penduduk kampung-kampung dan kampung-kampung baru di seluruh negara.

Walau bagaimanapun seperti saya telah terangkan beberapa kali dalam Persidangan Parlimen yang lepas, pelaksanaan sebuah projek di semua kampung-kampung luar bandar dan kampung-kampung baru adalah mengikut keutamaan yang dipersetujui oleh Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan.

KEKOTORAN AIR LOMBONG DI SUNGAI KINTA

58. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil akibat kekotoran air lombong yang dibuang ke dalam Sungai Kinta, menyebabkan kerosakan kepada tanaman, ikan dan udang.

Datuk Ong Kee Hui: Ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menarik perhatian saya kepada perkara ini. Sungguhpun perkara ini adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri, Kementerian saya akan menyelidiki perkara ini bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan.

TUMPAHAN MINYAK OLEH KAPAL

59. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan rancangan Kementerian beliau bagi mengelakkan pertumpahan minyak daripada kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka.

Datuk Ong Kee Hui: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, memang mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu yang pada dasarnya bertujuan untuk mengelakkan

tumpahan minyak oleh kapal-kapal di kawasan perairan Malaysia. Di bawah peruntukan tersebut, tindakan undang-undang seperti denda serta tuntutan kos dan perbelanjaan yang terlibat boleh dikenakan ke atas kapal-kapal yang menyebabkan tumpahan minyak itu. Secara tidak langsung, kapal-kapal itu adalah dikehendaki mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengelakkan tumpahan minyak.

Dalam pada itu Kerajaan juga akan mengadakan Sekim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) di kawasan lalulintas yang sempit di Selat Melaka dan Selat Singapura. Langkah ini adalah untuk memperbaiki keselamatan lalulintas oleh kapal-kapal serta mengelakkan kejadian-kejadian seperti pelanggaran yang boleh menyebabkan tumpahan minyak. Persetujuan Tiga Negara (Indonesia, Malaysia dan Singapura) mengenai perkara tersebut telah dicapai di dalam mesyuarat Menteri-Menteri Luar Mengenai Selat Melaka/Selat Singapura yang diadakan di Singapura pada 19hb Februari yang lalu. Langkah-langkah sedang diambil oleh ketiga negara untuk mengujudkan sekim tersebut, dan untuk tujuan ini kajian-kajian teknikal telahpun dimulakan.

Sungguhpun berbagai rancangan seperti yang saya sebutkan tadi telah disediakan, tetapi ini tidak bererti bahawa kejadian tumpahan minyak itu dapat dielakkan sama sekali kerana kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja.

PENYALORAN NAJIS—RANCANGAN

60. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil bagi menyejagkan pembentukan dan pelaksanaan rancangan besar longkang najis (master sewerage plan) memandangkan banyak sungai-sungai dalam Wilayah Persekutuan adalah kotor disebabkan oleh air kotoran najis.

Datuk Ong Kee Hui: Dewan Bandaraya mempunyai suatu rancangan besar bagi Penyaloran Najis di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Kajian mengenai rancangan ini telah dijalankan dengan tujuan hendak mencegah kekotoran sungai-sungai dalam Wilayah Persekutuan. Kajian rancangan ini telah pun siap dan akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

PELABUHAN PASIR GUDANG/KUANTAN

61. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan memberi laporan kemajuan atas pelabuhan-pelabuhan di Pasir Gudang di Johor dan di Kuantan, Pahang.

Tan Sri V. Manickavasagam:

PELABUHAN BARU PASIR GUDANG, JOHOR BHARU

Kerja-kerja telah dimulakan dalam bulan Ogos 1972 dengan meratakan satu kawasan sebanyak 250 ekar.

Pembinaan jeti minyak bermula dalam bulan Februari 1973 dan selesai pembinaannya dalam bulan Mei, 1974. Kapal Minyak (oil tanker) yang pertama telah singgah di jeti ini dalam bulan Februari 1975 mengambil lebih kurang 7,000 tan minyak kelapa sawit. Sungguhpun begitu kapal-kapal persisiran (coaster ships) telah mula singgah di jeti ini sejak bulan Mac 1974 membawa barang-barang chemicals bagi pihak Syarikat Sumitomo dan minyak kelapa sawit bagi pihak Felda dari Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kapal-kapal tersebut singgah lebih kurang sekali dalam masa 3 minggu.

Kerja-kerja pembinaan 2 dermaga dan satu dermaga kapal persisiran bermula dalam bulan Februari 1974. Dermaga kapal persisiran sekarang sudah selesai dan akan dibuka untuk perkhidmatan tidak berapa lama lagi. Kemajuan pembinaan dermaga-dermaga yang lain sedang berjalan dengan memuaskan dan adalah diharapkan bahawa dermaga pertama akan selesai pembinaannya dalam bulan Julai/Ogos tahun ini dan yang kedua akhir tahun ini.

Kerja-kerja membina bangunan pentadbiran, gudang-gudang jalan, dan kemudahan-kemudahan yang lain sedang berjalan dengan baik. Adalah dijangka bahawa dalam bulan Jun tahun ini Lembaga Pelabuhan Johor akan dapat berpindah ke bangunan pejabatnya yang baru di Pelabuhan ini. Kemudahan-kemudahan yang lain dijangka akan siap dalam bulan Julai tahun 1975.

PELABUHAN KUANTAN

Kerja-kerja pembinaan site office telah dimulakan dalam bulan Januari 1974 dan kerja-kerja telah selesai dalam bulan September tahun lalu.

Kerja-kerja pembinaan Pelabuhan akan dimulakan dengan pembinaan benteng (break water) dan kontrak bagi kerja ini telah pun diberi kepada sebuah syarikat Peranchis yang bergabung dengan syarikat tempatan dan syarikat ini akan mula kerja-kerjanya tidak berapa lama lagi.

Kerja-kerja yang lain adalah seperti jadual kerja seperti berikut:

(i) *Penggalian (dredging):*

Tender akan ditutup pada 4hb April, 1975 dan kerja-kerja dijangka akan bermula dalam bahagian kedua tahun ini.

(ii) *Pembinaan Dermaga:*

Tender dijangka akan dipanggil dalam bulan Jun dan Kerja-kerja akan dijangka bermula penghujung tahun ini.

(iii) *Pembangunan Bangunan-bangunan:*

Tender dijangka akan dipanggil dalam bulan November tahun ini dan kerja-kerja dijangka akan bermula dalam suku pertama tahun 1976.

KERTAS PEPERIKSAAN BOCOR

62. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada langkah-langkah yang ketat telah diambil untuk menjamin supaya kebocoran kertas peperiksaan sebagaimana telah berlaku pada tahun 1974 tidak berlaku lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil segala langkah yang dianggapkan perlu untuk menentukan kebocoran kertas peperiksaan tidak akan berulang lagi. Langkah-langkah tersebut adalah meliputi aspek keselamatan tiap-tiap peringkat pengelolaan dan pentadbiran peperiksaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG UNDANG-UNDANG SIVIL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Civil, 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG WANG YANG TAK DITUNTUT

(PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Wang Yang Tidak Dituntut, 1965" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini menetapkan Akta ini bermula dikuatkuasakan pada 1hb Jun, 1975. Ia membenarkan Pendaftar Wang Yang Tak Dituntut untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat kesalahan di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965 dengan tidak mengadakan pembicaraan di mahkamah. Ia juga membenarkan Menteri Kewangan melantik satu atau lebih Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah perlu untuk menguatkuasakan Akta ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta ini telah diluluskan beberapa waktu yang dahulu, tetapi belum lagi dikuatkuasakan. Ini ialah oleh kerana masaalah-masaalah pentadbiran dan teknikal, yang sekarang telahpun diselesaikan. Akta ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1975. Bermula dari tarikh tersebut, wang-wang yang tak dituntut, yang ditafsirkan sebagai wang di mana urusan niaga tidak dibuat pada

15 tahun terakhir di mahkamah-mahkamah, dan pada 7 tahun terakhir di syarikat-syarikat dan firma-firma, akan diambilalih oleh Kerajaan yang kemudiannya akan menetapkan bagaimanakah wang ini patut dikendalikan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini. Kerajaan akan menjamin yang mana-mana tuntutan yang benar terhadap wang-wang tersebut akan dipulangkan balik dari Kumpulan Wang Disatukan.

Seksyen 2 (a) Rang Undang-undang tersebut menetapkan fungsi-fungsi Pendaftar dan Timbalan Pendaftar. Menteri Kewangan sedang melantik Akauntan Negara sebagai Pendaftar, dan Pendaftar Syarikat sebagai Timbalan Pendaftar. Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, Pendaftar Wang Tak Dituntut dibenarkan memanjangkan kuasa-kuasanya kepada Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, dan ini akan dapat melicinkan kerja sehari-hari.

Seksyen 2 (b) memberi kuasa kepada Pendaftar untuk menentukan samada setengah-setengah kesalahan boleh dikompaukan dengan membayar denda dengan tidak dikehendaki mengadakan urusan panjang di Mahkamah. Ini akan menyelamatkan masa Pendaftar dan mereka yang membuat kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDASTRIAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi menyelaraskan dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti pengilangan di Malaysia dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 ini ialah untuk mengadakan undang-undang yang menyeluruh bagi mengawal dan mengawasi penubuhan industri-industri pengilangan di negara ini supaya kemajuan perindustrian di negara kita dapat berjalan secara teratur. Undang-undang ini amatlah penting kerana ianya dapat membantu pelaksanaan dasar, cara-cara perindustrian Kerajaan memastikan kemajuan serta perkembangan perindustrian yang tersusun dan teratur dan juga memberikan kemudahan untuk mendapatkan maklumat mengenai perindustrian yang penting diperolehi untuk dapat kita menyusun dengan kemasnya rancangan-rancangan, dasar-dasar berkaitan dengan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pengilangan mempunyai peranan yang sangat penting di dalam usaha kita untuk mencapai matlamat-matlamat negara di bawah Dasar Ekonomi Baru. Maka itulah sebabnya Kerajaan perlu mengadakan Undang-undang yang dapat memastikan supaya kemajuan perindustrian di negara ini dapat berjalan dengan teratur dan diselarasakan juga dimestikan bahawa usaha Kerajaan hendak menggalakkan projek-projek perindustrian diselerakkan ke kawasan-kawasan yang kurang maju ataupun kurang membangun di dalam negara ini supaya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kepentingan jangka panjang pula negara kita perlulah menentukan adanya perkembangan-perkembangan sektor pengilangan yang teratur oleh kerana ini akan menjadi satu galakan kepada pengilang-pengilang baharu untuk menubuhkan projek mereka di Malaysia. Kerajaan perlulah memestikan iaitu tidak terdapat

terlalu banyak umpamanya firma-firma di dalam satu-satu corak industri. Ini bertujuan memastikan tidak ada persaingan yang sia-sia di dalam industri itu di dalam erti kata Kerajaan perlulah mengelakkan keadaan di mana keupayaan pengeluaran di dalam industri itu jauh melebihi permintaan bagi barang-barang yang dikeluarkan oleh industri tersebut. Ini bermakna dari segi ekonominya faktor-faktor pengeluaran di dalam industri tidak digunakan dengan cekap dan berkesan. Dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian ini, saya percaya persaingan (competition) yang tidak sihat ini akan dapat dijauhkan dan sebaliknya memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melaksanakan projek mereka apabila sudah dapat dipastikan keuntungan projek-projek mereka itu.

Akta Penyelarasan Perindustrian ini juga akan dapat membantu Kerajaan bagi mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat mengenai perindustrian yang sangat-sangat berguna bagi perancangan ekonomi negara amnya selain daripada perumusan dasar-dasar mengenai kemajuan perindustrian untuk memastikan perkembangan yang berterusan secara teratur di dalam sektor perindustrian. Buat masa ini cuma bagi pengilang yang mendapat galakan (incentive) seperti taraf perintis sahaja yang Kerajaan boleh mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki. Bagi pengilang-pengilang yang tidak mendapat apa-apa galakan (incentive) daripada Kerajaan, Kerajaan tidak ada hak mendapatkan maklumat-maklumat itu daripada mereka.

Akta ini juga akan dapat mengatasi beberapa kelemahan di dalam peraturan-peraturan sekarang ini berhubung dengan pengawasan ke atas pengilang-pengilang. Setakat ini Kerajaan cuma dapat mengawasi para pengilang yang mendapat berbagai galakan (incentive) di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan juga pengilang-pengilang yang secara sukarela memohon mendapatkan kelulusan rasmi daripada Kerajaan berikutan dengan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada bulan Julai, 1969 supaya semua projek-projek pengilangan samada yang memerlukan galakan ataupun tidak mestilah mendapat kelulusan daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Bagi projek-projek yang mendapat galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968

bolehlah dikenakan ke atasnya berbagai-bagai syarat dan kegagalan di dalam mematuhi sebarang syarat-syarat itu boleh diambil tindakan dengan berasaskan peruntukan Undang-undang, tetapi bagi projek-projek yang tidak mendapat sebarang galakan sungguhpun dikenakan syarat-syarat yang sama ke atas mereka Kerajaan tidak ada asas Undang-undang bagi mengambil tindakan ke atasnya jika ianya tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan itu. Lagi-pun apabila tempoh pengecualian cukai bagi sesuatu syarikat yang mendapatkan galakan itu telah tamat, Kerajaan tidaklah lagi mempunyai asas Undang-undang untuk mengawal-nya dan untuk menentukan ianya mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan. Dalam keadaan ini Kerajaan hanya boleh mengambil tindakan melalui langkah-langkah pentadbiran iaitu seperti pengawalan ke atas perkara-perkara seperti pengimpotan mesen-mesen, pengambilan pekerja-pekerja asing dan pembatalan dan perlindungan taraf. Walau bagaimanapun, langkah-langkah seperti ini sungguh terhad sekali kesannya oleh kerana setengah-setengah syarikat boleh bergerak tanpa mendapat kemudahan-kemudahan dan perlindungan-perindungan tersebut. Dengan ketiadaan kuasa undang-undang Kerajaan tidaklah boleh menghalang atau menghentikan kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat yang engkar dan mengenakan hukuman-hukuman yang sewajarnya ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Kerajaan mempunyai kawalan yang terhad terhadap sektor pengilangan oleh kerana syarikat-syarikat yang menikmati galakan-galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 merupakan sebahagian kecil sahaja lebih kurang 10% daripada jumlah syarikat-syarikat pengilangan yang terdapat di dalam negara ini. Ini bermakna untuk mengelakkan implikasi yang serious terhadap dasar kemajuan perindustrian dan demi kepentingan negara keseluruhannya, Kerajaan perlulah mempunyai asas undang-undang bagi mengawal dan mengawasi baki 90% yang masih di luar kawalan Kerajaan itu. Saya percaya Akta Penyelarasan Perindustrian ini akan dapat memberikan asas undang-undang yang sangat dikehendaki oleh Kerajaan untuk ianya menguat-kuasakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang diberi keluasan tanpa galakan dan juga mengawasi kegiatan syarikat-syarikat yang telah

menjalankan kegiatan-kegiatan pengilangan tanpa kelulusan resmi daripada Kerajaan. Saya yakin Akta ini akan memudahkan pencapaian perkembangan sektor perindustrian yang teratur di Malaysia. Selain daripada ini, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum dengan ujudnya dan berkembang-nya rancangan-rancangan perindustrian, berbagai-bagai masalah lain berbangkit, umpamanya, masalah polisi, kalau sekiranya kilang-kilang boleh didirikan tanpa pengilang-pengilang mendapat kelulusan daripada Kerajaan sudah tentulah ada kemungkinan bahawa kilang-kilang akan didirikan dengan tidak teratur, dengan itu akan mewujudkan masalah polisi yang telah diperitai oleh banyak negara-negara membangun yang telah berkembang di dalam bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya menyatakan bahawa Akta ini adalah merupakan satu approach yang sistematik, menyeluruh dan diselaraskan dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dan memastikan kemajuan yang teratur di dalam sektor pengilangan dengan cara melesen kesemua kegiatan-kegiatan pengilangan melainkan yang dikecualikan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagaimana terkandung di dalam satu fasal di dalam Undang-undang ini.

Akta ini merupakan keluasan ataupun extension yang sewajarnya kepada Undang-undang yang sedia ada berhubung dengan perlesenan kegiatan-kegiatan perkilangan di dalam beberapa perindustrian yang tertentu, umpamanya, lesen bagi perusahaan-perusahaan kilang papan atau veneer adalah dikeluarkan di bawah State Forest Rules, sementara perlesenan ke atas industri petrol dan petro-chemical dibuat di bawah Akta Kemajuan Petrol, 1974. Begitu juga dengan lesen bagi pengilangan nenas yang dikeluarkan daripada Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia di bawah Pineapple Ordinance, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah di sini memberi jaminan bahawa di dalam melaksanakan Akta ini bukanlah niat Kerajaan hendak menyusahkan para pengilang yang telah ujud sebelum berjalannya Akta ini, kerana Kerajaan akan memastikan bahawa pengilang-pengilang yang ujud sebelum berjalannya Akta ini akan diberi lesen untuk mengesahkan kegiatan-kegiatan mereka di bawah peruntukan Akta itu.

Kerajaan juga tidak berniat untuk menyusahkan pengilang-pengilang kecil, kerana pengilang-pengilang yang akan dikenakan pelesenan di bawah Akta ini adalah ditentukan mengikut bilangan pekerja-pekerjanya yang diambil ataupun mengikut jumlah kos sesuatu projek itu. Di dalam hubungan ini, saya suka menyatakan di sini bahawa pengilang-pengilang yang mempunyai pekerja sepenuh masa yang kurang daripada 25 orang ataupun first projeknya kurang daripada \$100,000 bolehlah dikecualikan daripada Akta ini. Walau bagaimanapun, Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Perdagangan dan Perindustrian boleh mengubahsuaikan syarat-syarat bagi memberi pengecualian cukai mengikut yang mana difikirkannya sesuai dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan tentang peruntukan-peruntukan penting di dalam Akta ini yang pada asasnya memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk melesenkan kegiatan pengilangan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini menjelaskan bahawa tidak sesiapa pun dibenarkan menjalankan kegiatan pengilangan bagi sebarang keluaran melainkan ianya telah diberi lesen untuk menjalankan kegiatan tersebut. Fasal ini juga mengadakan dengan cara mengenakan denda ataupun penjara jika sekiranya satu-satu pihak melanggar peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Pengilang-pengilang yang sedia ada adalah diberi tempoh selama setahun di bawah Fasal 5 di bawah Rang Undang-undang ini untuk membuat permohonan bagi mendapatkan lesen.

Di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang ini Menteri Perdagangan dan Perindustrian diberi kuasa budi-bicara untuk membatalkan lesen kepada mereka yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Fasal 19 (1), terutamanya mereka yang tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah dikenakan itu. Rang Undang-undang ini tidak bercanggah dengan lain-lain Rang Undang-undang yang ada oleh kerana Fasal 8 Rang Undang-undang ini menyebutkan bahawa pengilang-pengilang yang telah diberi lesen oleh Menteri adalah masih dikenakan mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam lain-lain Undang-undang yang berkaitan dengan kegiatan pengilangan mengikut lesen-lesen yang dikeluarkan.

Sungguhpun Fasal 10 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk meminta pengilang-pengilang memberikan butir-butir dan maklumat-maklumat yang berkaitan beliau tidak seharusnya meminta maklumat-maklumat yang berhubung dengan proses-proses pengilangan yang dianggap sebagai rahsia. Peruntukan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah Fasal 11 yang mana memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan sebarang kegiatan pengilangan daripada kesemua ataupun sebarang peruntukan Rang Undang-undang yang dicadangkan itu. Oleh kerana Kerajaan pada peringkat awalnya bercadang menumpukan perhatian kepada kilang-kilang yang besar dan juga untuk mengelakkan kesusahan kepada pengilang-pengilang kecil, pengilang-pengilang yang mempunyai kurang daripada 25 pekerja sepenuh masa atau projek yang kosnya kurang daripada \$100,000 adalah dikecualikan daripada semua peruntukan-peruntukan di dalam Undang-undang yang dicadangkan ini. Kerajaan juga pasti akan mengkaji semula syarat-syarat pengecualian ini apabila sahaja ini difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.58 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang telah mengemukakan Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibacanya tadi, kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini segala lubang-lubang (loop-holes) yang boleh disalah-gunakan oleh pengilang-pengilang dapat ditutup dan diperbaiki.

Disamping itu, saya suka membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan satu dua perkara supaya di dalam masa beliau mengambil tindakan untuk mengeluarkan permit-permit kepada pengilang-pengilang ini dapat contoh-contoh yang lampau menjadi satu telekan kepada beliau.

Baru-baru ini di dalam satu berita akhbar tempatan iaitu pada 3-4-1975 satu headline

yang besar telah dibuat iaitu motor firm "names five Malay dealers a helping hand in services and training too."

Memandangkan kepada berita yang begini besar dibuat oleh akhbar tempatan yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat pengilang kereta, iaitu Associated Motor Industries Sendirian Berhad, maka memanglah kita menganggap bahawa sudah ada pun pihak swasta pengilang yang telah menyambut seruan Kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputra. Tetapi kalau dibaca dengan teliti kita melihat bahawa lima syarikat bumiputra yang telah dilantik oleh Associated Motor Industries Sendirian Berhad ialah menjadi dealers di Kuala Pilah, Bukit Mertajam, Telok Anson dan Jertih; tempat-tempat di mana orang-orang ataupun wakil-wakil penjual kaum lain memang tidak hendak kerana tidak boleh dijual kereta di situ. Inilah yang diberikan kepada bumiputra. Kalaupun syarikat bumiputra tidak dapat menjual sebagaimana quota yang dihadkan kepada mereka, maka senang dan mudah sahaja pengilang-pengilang ini mengatakan, "tengok diberi peluang kepada bumiputra, maka bumiputra telah gagal menjalankan tugasnya." Ini nanti boleh dibalikkan oleh mereka kepada Kerajaan pula atau kepada Kementerian. Jadi, Kementerian hendaklah berwaspada apabila pengilang ini hendak melantik bumiputra; bukan sahaja hendak diteliti latarbelakang bumiputra itu, tetapi juga tempat-tempat di mana lantikan-lantikan itu dibuat, dan kita tidak hendak lantikan itu diberi kepada tempat jin bertandang. Seperti yang saya katakan tadi di mana hendak menjual barang-barang itu pun susah. Ini nanti membawa nama yang buruk kepada kita peniaga-peniaga bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah satu pengilang telah diberi monopoli untuk mengeluarkan topi keledar, dan topi keledar ini (setelah pengilang itu beri monopoli) sole distributor-nya ialah joint-venture PERNAS-SIME DARBY. Baru-baru ini, tiga empat hari yang lepas, telah dikeluarkan satu iklan, iaitu siapa-siapa yang hendak beli topi keledar boleh beli terus dengan PERNAS-SIME DARBY dengan harga \$18 siap dengan gambar topi keledar dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, PERNAS-SIME DARBY telah melantik beberapa sub-distributors di negeri-negeri yang lain termasuk beberapa distributors daripada bumiputra dengan menjual topi keledar ini dengan harga \$17. Kalaupun distributors bumiputra di negeri-negeri tersebut hendak menjual topi keledar terpaksa mereka menjual \$19, \$20 ataupun \$25 kerana hendak mempunyai margin of profit, transport, gaji pekerja dan insuran. Kalau dijual \$17 juga, ini bukan berniaga, kalau dijual \$18 maka, macam saya katakan tadi, PERNAS-SIME DARBY telah menjual \$18. Kiranya dibiarkan begini maka apalah yang akan terjadi keadaan-keadaan bumiputra di dalam gelanggang perniagaan dan perusahaan untuk mengambil peluang bersama-sama. Sebagaimana yang saya katakan tadi saya menyokong Akta yang diumumkan itu tetapi hendaklah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada masa mengeluarkan permit-permit itu betul-betul periksa latar-belakang dan sebagainya kerana masih ada lagi banyak loophole yang sungguhpun sudah dikeluarkan Akta menutupnya, boleh disalahgunakan oleh pengilang-pengilang yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

4.06 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyokong Akta bagi membuat peruntukan bagi menyelaraskan dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti perkilangan di Malaysia.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan kemajuan perindustrian yang teratur dan sebagai objek pelaksanaan polisi perindustrian Kerajaan. Satu perintah terhadap perkembangan industri dan juga kemudahan-kemudahan ke arah menggalakkan penerangan perindustrian di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mesti tegaskan akan keadaan perindustrian yang wujud di dalam negara kita. Umpamanya, perindustrian-perindustrian yang berat telah berkembang dalam keadaan yang teratur sejak dimulakan.

Yang kedua, perindustrian ringan yang juga mempunyai kemudahan-kemudahan yang sama seperti disebutkan di atas. Item yang terakhir dalam cottage industry dan

kegiatan-kegiatannya yang melibatkan pengeluaran barang-barang kecil seperti barang-barang keperluan rumahtangga yang biasanya dibuat di dalam peringkat cottage industry. Kebanyakan barang-barang pengeluaran rumahtangga biasanya dikeluarkan di kawasan-kawasan luar bandar di mana ianya memberikan pekerjaan, dan dalam masa yang sama mendatangkan hasil pendapatan kepada orang-orang luar bandar.

Fasal 3 (1) mengenai kegiatan pengeluaran tanpa lesen. Mereka yang melakukan kesalahan disebabkan kejahilan mereka dalam undang-undang dikenakan denda yang berat.

Fasal 4 meminta pemohon-pemohon mendapatkan lesen daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah amat mustahak untuk mendapatkan barang-barang pengeluaran yang hendak dilesen. Dan saya berasa perlu mengecualikan barang-barang keperluan rumahtangga dan pertukangan tangan, kalau tidak ianya akan menimbulkan kesusahan kepada tukang-tukang biasa dan pembuat yang biasanya bekerja sendiri sebagai tuan punya cottage industry dikebanyakan kampung-kampung baru.

Fasal 4 dalam Akta itu hendaklah dibawa ke peringkat yang rendah terhadap permohonan yang dibuat kepada Yang Berhormat Menteri. Saya yakin adalah satu tugas yang senang bagi orang-orang kampung atau kampung baru atau estet melakukannya. Sistem perlesenan perniagaan yang ada sekarang hendaklah diperluaskan untuk meliputi cottage industry.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka berucap terus dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah bagus dalam Bahasa Malaysia, mengapa hendak diteruskan dalam bahasa Inggeris pula?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, on the

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terus dalam Bahasa Malaysia!

Tuan S. Samy Vellu: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya buat point baru dalam bahasa Inggeris bila saya masuk dalam Dewan ini, sebab itu saya minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh! Gunakan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan S. Samy Vellu: Terima kasih.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baru sekejap tadi Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tidak dapat izin. Jadi, siapakah dahulu ucapannya itu sementara Ahli yang lain boleh berucap. Hendak teruskan ucapan dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Walter Loh Poh Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak prepare dalam Bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dicampurkannya semasa berucap tidak apa.

Tuan Walter Loh Poh Khan: Lain kali saya boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kali ini, boleh.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I fully support this Bill that requires all manufacturers to be licensed to enable the Government to promote systematic development and growth of manufacturing industries and to ensure effective implementation of industrialisation policies.

I am very concerned of our external trade in Peninsular Malaysia because in August 1974, we suffered our fourth successive foreign trade deficit, amounting to M\$82.7 million with imports totalling M\$801.8 million and exports M\$719.1 million. This is the second highest deficit since the trade balance went into the red in May.

Mr Speaker Sir, for the period January to October, 1974, as compared to the same period for 1973, Peninsular Malaysia has suffered a cumulative trade deficit of M\$64.1 million whereas in 1973 it has a surplus of M\$762.5 million though both the export and import value has increased.

However, on a Malaysia-wide basis, i.e. including Sarawak and Sabah, Malaysia has still a healthy trade surplus of M\$377.2

million for the first nine months of 1974 with export totalling M\$7,817.5 million and import of M\$7,440.3, as detailed below:

However, on a Malaysia-wide basis, i.e. including Sarawak and Sabah, Malaysia has still a healthy trade surplus of M\$377.2 million for the first nine months of 1974 with export totalling M\$7,817.5 million and import of M\$7,440.3, as detailed below:

<i>Jan. to Sept.</i>						
		<i>Net Export</i>		<i>Net Import</i>		<i>Balance of Trade</i>
		<i>1973</i>	<i>1974</i>	<i>1973</i>	<i>1974</i>	<i>1973</i> <i>1974</i>
Malaysia	..	3936.9	5957.4	3578.0	6341.5	358.9 —384.1
Peninsular	..					
Sarawak	..	546.7	953.1	269.0	489.7	277.7 +463.4
Sabah	..	712.4	907.0	321.8	609.1	390.6 +297.9

These figures exclude intra-regional trade among Peninsular Malaysia, Sarawak and Sabah. Therefore, it is evident that Peninsular Malaysia has suffered a foreign trade deficit of \$384.1 million. This was mainly due to high costs of a number of major import items and on the other hand slow export growth, influenced by declining prices for the country's primary commodities, mainly rubber, timber and tin, which are responsible for the poor export performance. However, for the period January to October, 1974, we managed to recover and brought down the foreign trade deficit from \$381.1 million to \$64.1 million. This was due to better prices of our primary commodities.

Mr Speaker, Sir, it is now of utmost importance that the Minister of Trade and Industry takes a serious second look into our manufacturing companies which have caused nightmare to our balance of trade. In view of this, the Government must discourage the setting up of new electronics factories because not only have they reduced their workforce and production hours but they have drained away our money in terms of import and export. It is they who have made all the money because the local electronics factories buy the components from the parent companies at a very high inflated price and sell back the manufactured goods at a controlled price to the parent companies. The parent companies then market the manufactured goods to their local market and overseas markets and make a fantastic profit. In addition to this, we gave them protection and tax free holiday for nine years.

Similarly, for those foreign manufacturing companies who manufacture proprietary products. It is they who control the profit

margin. They sell the raw proprietary products at a very high profit, thus by doing so it has increased our import value. Though the local companies sell out 49% or 51% of their equity, it does not hurt them because they have made enough on the raw proprietary products plus usually a 2% to 4% royalties. They are not in the least worried or concerned whether the local companies make a profit or not.

Therefore, Sir, all this unscrupulous manoeuvring has contributed to Malaysia foreign trade deficit. I am so glad that the Bill is tabled here today and I hope that the Honourable Minister of Trade and Industry will seriously consider every applicant to ensure that no licence will be issued to those manufacturers who are detrimental to our economy, particularly those mentioned by me earlier, and I am sure we are better off without these industries.

4.15 *ptg.*

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap dalam dua bahasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia tidak payah meminta izin.

Tuan Chin Hon Ngian: Kata-kata untuk effectnya barangkali kena

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain kali sediakan point-point dalam dua bahasa, kadang-kadang tidak diberi izin dan tidak boleh bercakap terus, mesti siapkan dahulu mulai daripada petang ini. Sila teruskan.

Tuan Chin Hon Ngian: Saya cuba, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi saya ingin memberi sedikit-sebanyak pandangan saya mengenai pelaksanaan apa-apa yang diperuntukan oleh Rang Undang-undang ini selepas Rang Undang-undang ini diluluskan.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 (3) yang berbunyi:

"Pada memutuskan samada sesuatu permohonan lesen patut diluluskan atau ditolak, Menteri hendaklah menimbangkan

samada pengeluaran sesuatu lesen berfaedah demi kepentingan negara dan akan menggalakkan kemajuan yang teratur bagi aktiviti-aktiviti pengilangan dalam Malaysia."

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya katakan barangkali ada susah sedikit dilaksanakan dari semasa ke semasa.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the world "national interest" actually will be too difficult to define especially at a time when a manufacturer applies for a licence and if he is told that in the national interest his licence will not be issued. Now, this will give rise at least to the feeling iaitu pengilang itu barangkali menganggap diri sendiri sebagai seorang yang anti-national kerana beliau tidak dapat lesen ini kerana it is not in the national interest. Saya berharap perkataan-perkataan ini should not be used unless a very clear explanation is given; in other words, detailed particulars are given why a refusal to grant a licence is not in the national interest. Tuan Yang di-Pertua, if national interest is used at all, I should imagine that the explanatory statement should use national interest as our first objective.

Jikalau kita baca matlamat-matlamat yang diberikan di muka surat 5 adalah (a) (b) dan (c), tetapi matalamat-matalamat ini the national interest which should be viewed as the most important factor is not among the main objectives as given.

Tuan Yang di-Pertua, Section 4, Subsection (4) juga di bawah Subsection itu apabila Yang Berhormat Menteri mengeluarkan lesen yang dipohon beliau boleh impose syarat-syaratnya. Saya harap bagi kilang-kilang yang sekarang menjalankan usaha mereka such extra conditions should not be imposed other than the conditions that have already been imposed under an existing written law. In other words, these manufacturers already in existence, already manufacturing, should not be subjected to any extra burden. I suggest that for the existing manufacturers when they apply for a licence, it must be automatic; in other words, licences should be given on the same conditions upon which they are now existing. No extra conditions should be applied under the new Act, unless they are absolutely necessary.

Tuan Yang di-Pertua, in granting a new licence under Section 4 (4), I hope that

considerations, extraneous or not relevant to the processes of manufacture, will not be imposed. In other words, only conditions which are relevant, which are not extraneous to the processes of manufacture, ought to be imposed and no other conditions.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Section 4 (2)—Lesen Yang Berasingan. Pada pendapat saya seksyen ini akan mendatangkan kesukaran kerana apabila satu pengilang hendak expand, faktor yang pertama ialah tapak tanah. Jikalau pengilang-pengilang mesti mendapat lesen yang berasingan dahulu, ini saya anggap susah kerana barangkali pengilang yang mendapat lesen pada masa hadapan tetapi tidak mendapat tanah. Jikalau mereka dapat tanah tetapi lesen tidak dapat. I hope in considering the issue of a separate licence considerations of this nature will be taken into account because the very aim of this new Act is to encourage orderly development, but the Section on the necessity of a separate licence, if not applied properly, will have the adverse effect of stifling orderly development, especially in the case of an industry which is doing well and is trying to expand.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana beliau menjelaskan tidak ada apa-apa kesukasan yang akan dibawanya kehadapan pengilang-pengilang yang memohon lesen di bawah undang-undang ini. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

4.27 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bagi mengawal dan mengawasi ataupun menyelaraskan kilang-kilang yang ada di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab saya menyokong ialah oleh kerana pada masa yang lalu kita nampak di negara kita memang rancak tertubuhnya kilang-kilang dan bertambahnya perusahaan-perusahaan samada kecil atau besar tetapi yang mendukacitakan penubuhan itu kebanyakannya ialah di Batu Tiga, Petaling Jaya, Pulau Pinang dan sedikit-sedikit di Negri Sembilan dan di Johor. Di sebelah-sebelah lain seperti di Pantai Timur, di utara iaitu di

Kedah dan Perlis nampaknya kurang benar bercambahnya kilang-kilang ini. Saya rasa ini adalah satu daripada maksud adanya Rang Undang-undang ini bagi penyelarasan penubuhan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya pada masa yang akan datang cubalah berusaha agar penubuhan kilang-kilang ini juga akan bercambah di tempat yang saya katakan tadi. Saya menyokong kata-kata bahawa banyak daripada pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha ini tidak begitu gemar menubuhkan kilang-kilang dan perusahaannya di sana dengan beberapa sebab yang tertentu. Setengah daripada sebab-sebab yang saya dapat tahu bahawa di sana kurang mendapat kemudahan-kemudahan seperti kemudahan pengangkutan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Selain daripada itu mungkin juga kerana Kerajaan-kerajaan Negeri di tempat yang berkenaan ada mengawasi sedikit supaya tidak terus kilang-kilang ini dimiliki 100% oleh yang menjalankan usaha itu. Kerajaan Negeri selalunya mensyaratkan agar penyertaan bumiputra, penyertaan orang-orang tempatan itu ada. Ini satu perkara yang tidak digemari oleh pengilang-pengilang. Saya harap hal ini akan dapat dijelaskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menerangkan dengan sebenar-benarnya maksud Kerajaan samada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi menjayakan kehendak-kehendak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat baik sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan mencari satu jalan agar penubuhan kilang-kilang itu di tempat-tempat yang saya sebutkan ialah dengan disertai oleh badan-badan Kerajaan. Bukan di sana sahaja bahkan penubuhan kilang-kilang pada masa yang akan datang ataupun yang telah ada perlu disertai oleh badan-badan Kerajaan. Bukan maksud kita mahu 50% tetapi yang kita mahu ialah adanya penyertaan badan-badan Kerajaan, sebab rakyat bumiputra selalunya payah hendak menyertai badan perniagaan yang tersebut. Alasan-alasan yang mengatakan adanya pengarah sebuah syarikat itu daripada kalangan bumiputra ataupun seorang-dua yang menjadi director dalam syarikat itu tidaklah dapat kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak Badan-badan Kerajaan seperti PERNAS, UDA, MARA dan lain-lain lagi dapat menyertai 10%-20% dengan penanaman modal, dan Kerajaan Negeri dapat 10% dengan pemberian tanah, maka alangkah baiknya ini merupakan penanaman modal bersama di samping penyertaan penubuhan industri yang dijalankan oleh pihak yang berkenaan. Dan ini pula dapat melahirkan perantaraan executive daripada bumiputra dan melahirkan pegawai pengurus daripada bumiputra. Sebabnya sekarang ini kita nampak keadaan yang demikian kurang berjalan. Biasanya, kalau ada bumiputra hanya menjadi Chairman atau Pengerusi dan dua orang Pengarah. Kalau disoal lebih dalam banyak juga Pengerusi dan Pengarah itu tidak mempunyai saham, tetapi hanya menerima gaji dan itu tidaklah menyenangkan kepada orang-orang yang mengetahui dari segi lapangan perniagaan. Pengerusi dan Pengarah yang menerima gaji dengan tidak mempunyai saham hanya menjadi alat untuk mendapat satu permohonan daripada Menteri dan Kementerian yang berkenaan dalam beberapa hal, sedangkan keuntungannya bukan bagaimana yang dimaksudkan oleh Kerajaan untuk penyertaan bumiputra dalam bidang yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menekankan di sinilah penerangan yang jelas harus diberi oleh pihak Kementerian yang berkenaan kepada pihak pengilang-pengilang tersebut, sebab biasanya ada sahaja perasaan tak puas hati dengan undang-undang yang dikemukakan oleh Kerajaan. Kononnya, Kerajaan sekarang ini telah cuba mengganggu perjalanan pengilang-pengilang dan Kerajaan cuba mengambil tahu, masuk campur atas perjaianan kilang yang dijalankan oleh mereka. Sebenarnya, saya rasa tidak demikian. Ini adalah dibuat dengan persetujuan bersama dari semua pihak dalam negara ini bagi mengimbangkan kedudukan kaum dan kedudukan ekonomi dan juga dalam hal-hal yang lain di negara kita ini bagi keselamatan negara di masa yang akan datang. Saya dapat tahu juga mereka mengatakan, kononnya, oleh kerana orang bumiputra memegang peranan sebagai Menteri, maka mereka mengatakan bahawa ada usaha-usaha supaya bumiputra mengambil peranan ini, yang sebenarnya bukan begitu saya rasa. Tuan Yang di-Pertua, tetapi

perkara ini adalah dibuat oleh pihak pemimpin kita dengan tujuan bagi membangunkan keadaan pada masa 10-20 tahun yang akan datang. Jikalau tidak, keadaan negara kita tidak akan aman. Jadi saya ingin benar-benar menekankan tentang penerangan ini, sebaik-baiknya kalau pihak yang membuat permohonan untuk membuka perusahaan mereka, dasar Kerajaan ini haruslah diterangkan oleh pegawai-pegawai pengarah-pengarah ataupun pegawai-pegawai di Kementerian. Saya rasa mereka jarang dapat berjumpa Menteri kita, kerana agak payah juga untuk berjumpa dengan Menteri sendiri, tetapi pegawai-pegawai Kementerian tentulah mereka boleh berjumpa. Pihak Kementerian hendaklah menerangkan dengan jelasnya bagi mengelakkan salah faham dalam hal penyertaan bumiputra ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan berkaitan dengan kilang-kilang yang kecil, kalau tak silap saya, saya dengar Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tadi bahawa kilang-kilang yang kecil yang kurang daripada \$200,000 modalnya tidak dikenakan lesen. Saya tidak

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Modal \$100,000 ke bawah dan pekerja kurang daripada 25 orang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ada kurang jelas sedikit dalam perkara ini, kerana sebenarnya perusahaan seperti ini cukup banyak di negara kita dan perusahaan-perusahaan seperti ini banyak memainkan peranan penting. Saya rasa pihak Menteri harus memikirkan semula dalam hal ini, kerana kalau tidak disyaratkan sebagaimana syarat kepada pengilang-pengilang besar, tetapi harus pihak Kementerian mengambil perhatian juga. Saya bandingkan seperti mengadakan kilang perabut yang biasanya menggunakan 20 orang pekerja sahaja dan mempunyai modal lebih kurang \$100,000, tetapi dari segi perjalanannya besar, pasarannya juga besar. Demikian juga seperti kilang mee hun dan kilang besi yang membuat kerusi dan sebagainya. Biasanya pekerjaanya lebih kurang 10-20 orang. Saya gembira sekali sekiranya kilang-kilang seperti inipun disamakan peraturannya mengambil sedikit-sebanyak bumiputra, biarlah secara tumpang-tumpang. Kalau modalnya lebih kurang \$100,000 biarlah

modal bumiputra \$20,000-\$30,000. Pekerjaanya hendaklah ada sedikit-sebanyak bumiputra supaya masing-masing boleh tolong-menolong antara satu sama lain. Kalau misalnya syarikat itu hendak berjumpa dengan pegawai bumiputra biarlah orang bumiputra pergi menemuinya, kalau untuk pasaran yang bukan bumiputra, orang bukan bumiputra pergi menguruskannya. Ini satu jalan yang muhibbah walaupun kecil, tetapi bukan maksud saya bumiputra menanam modal percuma dengan begitu sahaja tetapi penanaman modal mesti dibayar dan aktif bersama-sama. Saya rasa perkara ini perlu diambil perhatian, bukan maksud saya untuk mengadakan tekanan, tetapi untuk berjalan bersama-sama. Saya rasa kaum bumiputra sudah ada kecenderungan seperti murid-murid yang keluar daripada Pusat Latihan Dusun Tua dan daripada MARA. Katakanlah penuntut daripada MARA itu boleh dapat pekerjaan dengan gaji lumayan mengikut sekim gaji yang tertentu, tetapi pelatih yang keluar daripada Pusat Latihan Dusun Tua misalnya tentulah mereka tak boleh diterima gaji sebagai penuntut MARA, tetapi mereka ada pengalaman, ada kepandaian, boleh membuat kerja sebagaimana saya sebutkan sekiranya ada orang yang hendak memberikan kerjasama dalam menjalankan pekerjaan seperti itu dan alangkah baiknya, dan ini akan melahirkan harmoni yang sungguh-sungguh pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya dan saya pada akhirnya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.40 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan terlebih dahulu saya meminta izin untuk memberi ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba dalam Bahasa Malaysia dahulu seberapa jauh. Kalau agak tersekat, baru gunakan bahasa Inggeris.

Dr Ling Liong Sik: I beg your pardon Sir?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba dalam Bahasa Malaysia dahulu seberapa jauh yang boleh pergi. Bila sudah tersekat, baru boleh gunakan bahasa Inggeris.

Dr Ling Liong Sik: Saya akan cuba seberapa jauh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, cuba jauh-jauh.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini dahulu saya pun ada memberi ucapan dan meminta Kerajaan kita mengkaji insentif untuk industri-industri atau joint-venture antara tiap-tiap bangsa yang ada di dalam Malaysia oleh sebab ini ialah satu perkara yang sangat mustahak.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I feel it is very important that all our different races should join together in businesses because this will bring about much greater meeting of minds and will improve the relationship between the races and will definitely elevate beyond the stage of just Selangor Club acquaintances. This Bill, Mr Speaker, Sir, will have far-reaching effects in building a united and harmonious Malaysia that we want to have for besides the aims of orderly control and development of industries, besides the aim of getting a feedback on information this Bill will also, I feel, help in the social engineering of attitudes of our people towards a much more synchronised fashion. Mr Speaker, Sir, I feel this is of utmost importance because we must socially engineer attitudes into a Malaysian fashion so that we will one day abolish all the myths and fears that each race still holds against the other and replace them effectively with understanding and trust.

I wish to congratulate our Government, Mr Speaker, Sir, on the wisdom of this move in moving this Bill today because this task of social engineering of attitudes, although it has been tried very hard by our leadership, has not met with very much significant success. Even in spite of the usage of our mass-media like the press, radio and television, it is, I believe, within the wisdom of Government that they have recognised that the single most effective instrument in bringing about change in attitudes is still the instrument of legislation. This Bill, Mr Speaker, Sir, will definitely contribute to the building of our future Malaysian society based on economic parity, security and a value system based on commonalties and not differences.

However, Mr Speaker, Sir, I believe it is also in the wisdom of Government that this Bill does not have the intention of evoking feelings of deprivation or insecurity amongst our people. I say this, Mr Speaker, Sir, because it is the stated view of our national leaders and also the basic proviso of the New Economic Policy that there shall be no robbing of Peter to pay Paul. It has also been publicly pronounced by our national leaders that the task of building a just and fair society is a process of levelling up and not levelling down.

Thirdly, Mr Speaker, Sir, it is also a very comforting pronouncement of our national leaders that nobody will feel a sense of loss or deprivation in the implementation of our policies and, in this respect, I hope that our Minister of Trade and Industry in his final summing up will give an unequivocal and clear assurance to this House and to all our people that it is not the intention of this Bill to make those previous pronouncements sound a bit hollow. Feelings of insecurity, Mr Speaker, Sir, are never in the national interest and I believe that in a multi-racial country like ours, it is important that we measure and calculate every step we take, so that always we can work towards our goal in a peaceful and harmonious atmosphere.

Finally, Mr Speaker, Sir, I hope that the Minister concerned will also set up the machinery to deal very speedily with complaints about this Bill because though good its intentions are, this Bill if not handled delicately and tactfully might have counter-productive results.

4.46 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan disamping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tujuan Rang Undang-undang ini ialah memastikan kemajuan dan perkembangan yang teratur bagi perindustrian. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu aspek Rang Undang-undang ini dan ini ialah berkenaan dengan cottage industries yang mana saya nampak Kerajaan tidak memberi emphasis.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, cottage industries operating on a small or family-scale basis with a number of workers engaged in the manufacturing of articles for domestic use, are very often being neglected by the Government. They are often treated as illegal enterprises when the authorities act against them resulting in hardship for the people concerned.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya pun ada banyak cottage industries, pengilang yang berjalan secara haram di dalam kawasan setinggan. Mereka ingin meminta lesen, tetapi pihak berkenaan enggan memberi lesen kepada mereka. Ini tentu akan mengakibatkan kesusahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Bil ini ada dibentangkan pada hari ini saya merayu kepada Menteri yang berkenaan untuk mengambil langkah membuka kawasan, dikhaskan kepada cottage industries supaya orang yang berkenaan dapat mencari nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, I urge the Government to lay emphasis on the development of these cottage industries engaged in the manufacturing of domestic goods because such industries are mostly run on a family-type basis which help provide employment opportunities to many less unfortunate Malaysians in the country. At a time when we are faced with the problem of economic recession and also retrenchment and unemployment, I urge the Government to draw up a blueprint for the development of cottage industries in which plots of land can be allocated to families and other interested groups who are prepared to contribute towards the manufacturing sector.

4.49 ptg.

Tuan Lew Sip Hon (Shah Alam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini dan di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan atas inisiatif yang diperolehi untuk membentangkan Rang Undang-undang ini kepada Dewan yang mulia ini, oleh kerana ikhtiar-ikhtiar untuk menyelaras dan mengawasi kegiatan-kegiatan pengilang-pengilang Malaysia ini sangat perlu supaya perkembangan proses industrialisation di negara kita ini dapat dikawal dengan telitinya selaras dengan dasar perindustrian Kerajaan. Sungguhpun begitu, di sini saya

cuma ingin menyentuh kepada satu dua perkara yang saya ragukan apabila Akta ini dilaksanakan.

Sungguhpun tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi penyelarasan dan pembangunan yang sesuai kepada aktiviti-aktiviti perkilangan di dalam negara ini untuk membantu proses perindustrian, seharusnya diperingkatkan bahawa Malaysia adalah satu negara terutamanya pertanian dan walaupun langkah-langkah yang telah diambil untuk meluaskan asas ekonomi negara ini di bidang perindustrian yang setakat ini telah memuaskan, kita seharusnya mengetahui bahawa perindustrian di Malaysia masih lagi di dalam peringkat pembangunan awal jika dibanding dengan kemajuan yang pesat telah dicapai oleh negara-negara perindustrian yang maju seperti industrial giants yang ada di Eropah, Amerika Utara dan di Jepun. Di Malaysia masih lagi terdapat perusahaan-perusahaan kecil (backyard industries) yang pada keseluruhannya dimajukan oleh keluarga sendiri. Mereka ini bukan sahaja didapati ada di luar bandar bahkan juga di kawasan bandar. Perusahaan-perusahaan perindustrian kecil seperti ini telah ditubuhkan sebelum Merdeka, walau bagaimanapun tidak mencapai kemajuan yang memuaskan oleh kerana modal yang kecil dan kekurangan kepandaian di bidang teknik (technical know-how). Sesungguhnya mereka ini boleh dianggapkan sebagai perindustrian kecil dan sungguhpun begitu peranan yang dimainkan oleh perindustrian kecil ini adalah penting sebab ia menjadi punca pekerjaan, kadang kala kerja sambilan (part-time employment) kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya merojok kepada beratus-ratus bengkel-bengkel kecil yang menjalankan kerja-kerja membaiki kenderaan atau satu kawasan kecil di belakang rumah kedai dengan empat lima buah mesin menjahit dan membuat pakaian, baju-baju dalam dan pakaian-pakaian kanak-kanak atau tukang emas cara kecil-kecilan, pencai besi, tukang kasut, pembuat karton dan sebagainya. Saya perhatikan bahawa definis "manufacturing activities" di Rang Undang-undang ini ialah di antara lain ertinya membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, mengemas dan sebagainya tetapi tidak menyebut saiz dan bidang. Asalnya saya hendak mengemukakan kepada Menteri untuk menimbang satu asas bandingan

(yard-stick) tetapi di dalam huraian Menteri berkenaan tadi telah mengumumkan kalau kilang-kilang (manufacturing activities) itu ada pekerja tidak lebih daripada 25 orang atau turnover it tidak lebih \$100,000 ini dapat dikecualikan dalam Fasal 11. Ini ialah satu pengumuman yang saya sangat mengalu-alukan sebab kebanyakan kilang-kilang kecil ini akan terlibat dalam Akta ini dalam perlaksanaan. Cuma satu sahaja saya ingin menyusul kepada Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini yang memerlukan setiap orang yang terlibat dalam kegiatan mengilang ini memohon lesen dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan Akta tersebut. Saya berharap bahawa dalam menjalankan Fasal ini Menteri berkenaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya supaya pengilang-pengilang kecil yang ada sekarang dapat diteruskan supaya perasaan takut seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching tadi, oleh kerana perasan takut yang akan dialami oleh mereka hanya kalau pencarian mereka akan hilang dapat disingkirkan oleh kerana saya percaya bukanlah tujuan Kerajaan untuk menghentikan perniagaan-perniagaan yang ada sekarang ataupun aktiviti-aktiviti perindustrian dengan mata pencarian mereka.

Sesungguhnya saya juga ingin mengesyorkan supaya Kerajaan memberi bantuan-bantuan teknik dan pengurusan (management know-how) kepada perindustrian-perindustrian tersebut khususnya perindustrian kecil supaya mereka dapat mempermodenkan sejajar dengan dasar perindustrian Kerajaan. Saya rasa pihak Kementerian dalam usaha mempercepatkan proses perindustrian telah memberi tumpuan yang lebih kepada perindustrian-perindustrian perintis (pioneer industries) dan telah barangkali lupa akan perindustrian-perindustrian lama (the old faithful industries) yang telah hidup beberapa tahun dengan modal yang berkurangan, berkurangan kemahiran, mempunyai teknik-teknik pengurusan yang lama dan sebagainya. Dengan Akta ini, saya rasa satu yunit perkhidmatan perusahaan kecil, kalau tidak ada atau belum ada, patut ditubuhkan untuk menolong memodenkan perindustrian-perindustrian yang lama. Dengan cara ini Kerajaan boleh juga terus menjalankan dasar ekonomi baru supaya bumiputra-bumiputra akan diberi peluang untuk mengambil peranan yang sepenuhnya dan lebih aktif di bidang perindustrian.

4.56 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Yang di-Pertua, saya minta bercakap sedikit di bawah Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini dan ingin mengambil satu seksyen iaitu seksyen 4 (3) menjadi perkara untuk dibincang di sini.

Nampaknya dari Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak kuasa yang telah diberi kepada Menteri berkenaan dan Seksyen 4 (3) memberi kuasa kepada Menteri buat penyelarasan supaya mana-mana kilang ataupun industri yang akan ditubuhkan berasaskan kepada kepentingan negara. Ini banyak memuaskan dan dari segi Negeri Sarawak saya ingin membuat seruan kepada Menteri berkenaan supaya Rang Undang-undang itu akan diexercisekan supaya membawa banyak pelabur-pelabur modal kepada Negeri Sarawak untuk menubuhkan kilang di negeri itu lebih-lebih lagi kilang-kilang petro-based yang dapat mengeluarkan baja di Negeri Sarawak.

Sarawak sebuah negeri yang mengeluarkan minyak mentah iaitu petroliaam dan ini sudah jadi satu faktor di mana dapat dieksplotikan oleh satu-satu pengilang ataupun pelabur modal supaya mengeluarkan atau menubuhkan kilang yang dapat mengeluarkan baja di Negeri Sarawak untuk aktiviti-aktiviti tanaman.

Di Negeri Sarawak selama yang sudah-sudah memang sudah menjadi tauladan Kerajaan menubuhkan ataupun membenarkan penubuhan industri-industri di Bandar Kuching, Sibu dan Miri dan tempat pendalaman sudah jadi dumping ground for the product dari kilang-kilang tersebut.

Saya harap dengan, lulusnya Rang Undang-undang ini nanti, dan bila ada pemohon-pemohon yang hendak membuka kilang di Negeri Sarawak ataupun Malaysia ataupun ada pelabur-pelabur modal dari luar negara Malaysia yang hendak menubuhkan kilang di negeri ini, Yang Berhormat Menteri akan terus memberi ataupun memberi pandangan kepada satu-satu pelabur itu supaya difikirkan Negeri Sarawak untuk melaburkan modalnya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di sini, iaitu cottage industry yang mengeluarkan souvenir dan barang-barang yang dapat dijual kepada

pelancung-pelancung di Negeri Sarawak. Saya memohon kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya menggalakkan sektor ini lebih lagi di Bahagian Pertama Negeri Sarawak, di tempat mana ramai pelancung-pelancung selalu melawat supaya orang kampung di sana membuat barang untuk dijual kepada pelancung supaya mereka tidak payah jadi show case sahaja, tetapi dapat juga mengambil hasil. Itulah sahaja perkara yang saya dapat sebutkan di sini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (Kepada Setiausaha) Cuba kira.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 orang Ahli hadir)

5.03 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan di samping saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana dengan daya-usahanya mengeluarkan satu Rang Undang-undang yang mana dengan Rang Undang-undang ini sebagai dikatakan oleh Menteri yang berkenaan di awal pembukaan Rang Undang-undang—cadangannya tadi ialah untuk mengseimbangkan penduduk-penduduk yang ada dalam Malaysia, yang mana kita dapati khasnya boleh dikatakan kaum bumiputra amatlah merosot dalam segi ekonomi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan adanya Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan di segenap segi, baikpun daripada cara pengilangan dan di segi ekonomi. Apabila Rang Undang-undang ini berjalan kelak, saya amatlah berharap kepada Kementerian yang berkenaan kepada apa-apa yang telah berlaku supaya dikaitkan dan tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kilang-kilang yang ada pada hari ini yang telah tumbuh di seluruh Malaysia kita, ada tempat yang banyak dan ada tempat yang sedikit, tetapi kedudukan-kedudukan kilang yang berkenaan kalau dipandang kepada segi-segi

pekerjanya, maka didapati pekerja-pekerja kilang yang bertaraf perintis amatlah sedikit pegawai-pegawai yang kanan yang terdiri daripada kaum bumiputra. Agak saya tidak lebih daripada 60%. Apatah lagi kilang-kilang yang tidak bertaraf perintis. Saya berharap dengan kuatkuasanya Undang-undang ini yang mana Menteri yang berkenaan boleh campur tangan di samping mendirikan kilang-kilang, maka hendaklah juga Menteri yang berkenaan seboleh-bolehnya memberi syarat yang tersebut supaya sekurang-kurangnya kaum bumiputra di dalam pegawai kanan di dalam kilang-kilang yang berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya 30%. Dengan sebab itu baharulah seimbang dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru dan kehendak Kerajaan kita pada hari ini, jangalah dengan pangkat kilang-kilang ini untuk buruh-buruh kasar sahaja yang dapat dikerjakan oleh kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya berharap kepada kilang-kilang yang akan dibenarkan oleh Kementerian yang berkenaan hendaklah memberi keutamaan, yang mana kita tahu kaum bumiputra amatlah lemah di segenap segi, terutama dari segi modal. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat kaum bumiputra dan juga memberi keutamaan kepada kilang-kilang yang akan didirikan, khasnya bahan-bahan yang didatangkan daripada pertanian, misalnya, akan mendirikan kilang kertas yang mana kita tahu bahannya datang daripada jerami padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebagaimana yang dikatakan oleh kawan-kawan saya yang lain tadi yang mana kebanyakan industri dan kilang-kilang ini didirikan di negeri-negeri yang telah maju. Negeri-negeri yang berkenaan sebagaimana kita biasa dengar daripada Ketua Kerajaan kita sendiri, terutama Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri bahawa Negeri Johor, Negeri Selangor dan beberapa buah negeri lagi, kedudukan kewangannya tidak begitu tipis, bahkan wangnya banyak. Kita tahu salah satu daripada sebabnya kerana datang daripada industri, dan Kerajaan yang mundur selain daripada negeri lain termasuklah negeri tempat yang saya tinggal sendiri iaitu Negeri Perlis. Sebab yang pertama agak saya, selain daripada punca-punca yang lain

tidak ada; industri yang tidak lebih daripada dua buah. Ini saya biasa dengar dalam jawapan Menteri yang berkenaan pada satu ketika yang menyatakan industri di Negeri Perlis ada dua jenis iaitu ladang tebu ataupun kilang gula dan satu lagi kilang simin dan kita dengar juga yang Kerajaan Negeri Perlis bercadang hendak mendirikan dua buah industri lagi. Kalau tidak silap saya perusahaan undang dan yang satu lagi jute, tetapi sampai ke hari ini tidak dapat dilaksanakan lagi. Dengan sebab itu, saya berharap dengan daya-usaha Kementerian yang berkenaan, khasnya Menteri yang berkenaan dapatlah kalau-kalau ada satu-satu syarikat untuk melaburkan modal tolong-tolonglah bawa ke Perlis, apa yang agak patut dengan Negeri Perlis yang agak kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama dengar baharu-baharu ini yang mana kilang-kilang telah membuang beberapa orang pekerja yang begitu banyak sehingga mengakibatkan beribu-ribu orang pekerja yang setengahnya digelar "Minah Karan" dan sebagainya dengan tidak sampai balik ke rumah, dengan seribu satu macam. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan selain daripada Kementerian yang berkenaan di samping membenarkan kilang yang akan didirikan, seboleh-bolehnya mensyaratkan kepada kilang-kilang yang tersebut supaya mengutamakan pekerja-pekerja manusia lebih daripada menggunakan mesin, maka dengan ini mendapat satu peluang kepada Kerajaan dan mengurangkan beban yang mana kita tahu dalam negara kita juga masih banyak pengangguran. Maka dengan jalan ini selain daripada kita mendapat hasil daripada negara, kita juga dapat membantu di segi masyarakat dan sebaliknya.

5.08 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan pada hari ini.

Kita semua tahu negara kita sedang membangun, ada banyak pengilang-pengilang yang telah ditubuhkan sebelum merdeka sehinggalah merdeka dan apabila Kerajaan hendak mengambil satu tindakan, misalnya, masalah rezoning ataupun menyusun semula kawasan-kawasan timbullah berbagai-bagai

kesulitan dan adalah yang menyedut ada yang terkorban kerana ketiadaan Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini. Sebab itulah saya bersyukur dalam Dewan pada hari ini semua menyokong penuh dan kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini dapatlah kita menyusun semula ataupun menyusun keadaan-keadaan industri di dalam negara kita dan dalam pada itu dapatlah kita pula mempunyai rekod ataupun simpanan yang sebenarnya kedudukan jenis-jenis industri ataupun pengilang-pengilang yang diusahakan oleh warganegara kita dalam bidang swasta.

Satu perkara lagi, kita berharap dengan adanya Undang-undang ini akan mengurangkan perbelanjaan Jabatan Perangkaan (Statistics Department) yang selalu setiap kali apabila kita hendak meminta maklumat, Jabatan ini mempunyai kesulitan untuk mendapatkan maklumat yang sebenarnya daripada pengilang-pengilang—banyak mengeluarkan duit kerana hendak menghantar, sebab di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri tidak mempunyai rekod ataupun senarai pengilang-pengilang yang ada di dalam negara kita. Daripada Huraian yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini jelas iaitu matlamat-matlamat yang utama ialah untuk membantu pelaksanaan dasar perindustrian Kerajaan iaitu supaya hasrat kita untuk melaksanakan dalam tempoh 20 tahun 30% penyertaan bumiputra dapat dicapai di segenap lapisan dan di semua peringkat. Dan dengan Rang Undang-undang ini juga akan memberi pandangan yang lebih jauh kepada Menteri yang berkenaan untuk menyusun bagi melaksanakan hasrat Kerajaan itu.

Satu matlamat Kerajaan ialah memastikan kemajuan dan perkembangan yang teratur bagi perindustrian. Pada hari ini kita tengok di dalam negara kita yang berbilang bangsa, ada ketikanya kita tengok Kerajaan mempunyai masalah apabila hendak menempatkan orang-orang ini bercampur-gaul. Bukan kerana mereka itu tidak bersetuju hendak duduk berjiran, tetapi oleh keadaan tempat misalnya, di sebelah rumah ada bunyi mesen. Itu dan ini tidak teratur dan boleh menimbulkan bukan perasaan harmoni, tetapi akan menimbulkan kecil hati dan salah faham. Dan dengan adanya Rang Undang-undang ini kelak, perkara ini tidak akan berlaku dan hasrat untuk mengharmonikan

penduduk-penduduk negara ini mungkin tercapai.

Satu perkara lagi matlamat itu ialah memberi kemudahan untuk mendapat maklumat. Perkara ini saya telah terangkan tadi. Dengan adanya maklumat-maklumat yang rasmi daripada pihak Kementerian akan boleh mendatangkan hasil kepada Perbendaharaan kita iaitu dengan kutipan cukai perniagaan, yang selama ini perniagaan-perniagaan secara ini telah berjalan berluas-luasan tanpa pendaftaran dan ini boleh merugikan negara kita.

Selain daripada itu, masalaah yang penting ialah kecemasan alam sekitar. Dengan adanya Rang Undang-undang ini dapatlah kita mengawal supaya pollution ataupun kecemasan alam sekitar ini tidak berlaku. Tentulah bagi memulakan suatu perkara yang baik itu akan menimbulkan keraguan dan akan menimbulkan salah faham, tetapi adalah tanggungjawab kita bersama yang ada di dalam Dewan ini dan yang ada di luar Dewan yang mempunyai perasaan, bersama-sama kita berkempen menerangkan hasrat Rang Undang-undang ini.

Akhirnya, kita berharap dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini dapatlah kita memperbaiki masalaah kesihatan yang berlaku di sekitar kawasan-kawasan perindustrian perkilangan.

5.13 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap sedikit mengenai Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian, 1975. Dan saya minta izin bercakap di dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bercakap dalam bahasa Malaysia dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat peruntukan-peruntukan supaya kemajuan perindustrian boleh berjalan secara teratur di Malaysia. Tidak ada orang yang menentang dengan tujuan yang mengatur kemajuan perindustrian, tetapi ada beberapa fasal dan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini yang sangat mengkhawatirkan dan membimbangkan apabila kita

membaca butir-butir isi Rang Undang-undang ini. Misalnya, di bawah Fasal 4 (3) mengatakan:

"The Minister shall, in deciding whether an application for a licence should be approved or refused, consider whether the issue of a licence is expedient in the national interest and would promote the orderly development of manufacturing activities in Malaysia."

(*Dengan izin*) Under this Bill, all manufacturing activities will have to be licensed. Mr Speaker, Sir, I think it is against the public interest for legislators to enact laws whereby untrammelled powers are given to any Minister whereby he has full discretionary powers with regard to the approval or disapproval of the establishment of a manufacturing industry on reasons unstated, because in effect we are being asked to approve powers to the Minister concerned either to grant or to refuse to grant a licence for the establishment of an industry without the need to give clear, specified reasons.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

It is stated in the Clause I quoted just now to consider "whether the issue of a licence is expedient in the national interest". Who is to decide what is the meaning of "national interest". In Malaysia, we have seen so many occasions whereby the national interest is equated with the interests of the ruling party or the ruling group whereby the national interest is very strictly and narrowly defined. So, there is room whereby if a manufacturer wants to set up an industry, he will have to comply for instance—and here I would make it very clear that I do not intend to make anything personal about this and I have full confidence in the Minister—but if powers are given to any Minister, maybe some other Minister will succeed the Honourable Minister. In any case, under Clause 9, "The Minister may authorise in writing any public officer to exercise the powers under the section," and it can be that the powers herein can be exercised by any public officer so authorised. So a manufacturer may be required officially or unofficially, formally or informally, to comply with, say, a condition to make a contribution of half a million dollars to the campaign chest of the ruling party. Otherwise in the national interest a

licence will not be issued. Thus the Bill makes it very clear that such abuse of power can be permitted.

Tuan Yang di-Pertua: I don't think the Honourable Member is in order to anticipate actions by Ministers exercising their powers under any Act of Parliament.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, I am not anticipating acts of the Ministers, but the possibilities of abuse of power, and it is our responsibility

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat is imputing that certain Minister may misuse his powers. I cannot agree to allow you to go on in that theme. Carry on with other matters now.

Tuan Lim Kit Siang: And furthermore, this Bill is also a rich source for corruption, malpractices and abuse of power, for the imposition of licences, the imposition of restrictive regulations throughout the world, including Malaysia, has often been the occasion for corrupt practices. Although there is an establishment in Malaysia, the National Bureau of Investigation, it is open knowledge in business circles, in industry, that intending and practising businessmen and industrialists have to grease the palms of many levels of the Government in order to get their applications across. The National Bureau of Investigation has been unable to come to grips with this problem and therefore any proposal for extending very wide powers in terms of licensing must be viewed with distrust and suspicion, because as the representatives of the people here it is our duty and our responsibility to see to it that we do not enact a law which is going to become a dead weight, a millstone around the necks of the people, for otherwise we will be failing in our responsibility to the people.

In this connection, I refer to Clause 5 where it is stated that—

“Every person who on the commencement of this Act is engaged in any manufacturing activity may continue to do so but shall not later than one year from the date of the commencement of this Act apply for a licence in the prescribed form to the Minister”.

I take it that when applying for such a licence he comes under Clause 4 whereby again under Clause 4 (4) it is stated—

“The Minister, in issuing a licence, may impose such conditions as he may think fit and such conditions may be varied either on the application of the manufacturer or on the Minister's own motion.”

If that is the case, then I think it will be unfair and unjust, for there is the possibility of present manufacturing industries being refused licences being issued. Therefore, I think it is imperative that the Honourable Minister should give a categorical assurance that all existing industries will be permitted to continue to operate and that their interest will not be jeopardised.

Clause 6 provides the conditions whereby the Minister may revoke a licence. There are three situations under which the revocation of a licence may take place, namely, where the manufacturer to whom a licence is issued—

- “(a) has not complied with any condition imposed in the licence;
- (b) is no longer engaged in the manufacturing activity in respect of which the licence is issued; or
- (c) has made a false statement in his application for the licence.”

I would commend to the Honourable Minister that in the case of the existing manufacturers, that is those who are already operating, if their licences are removed, it is a question of revocation of licences, instead of an application for a new licence being refused. As I said earlier, the conditions under which the Minister may impose “in the national interest” on an applicant for a licence must be very clearly spelt out and I would suggest that such conditions, although they may vary from time to time, which we appreciate, should be spelt out in black and white under regulations which following the passing of this Bill and this Enactment, will be run up and gazetted, so that no manufacturer would be put in the dark as to whether he may be required to fulfil conditions which have no relationship whatsoever with industrial or manufacturing activities or of the orderly development of industry, or that he may be subjected to the whims and fancies of whoever is the vested authority under this Bill. In other words, the

considerations expedient in the national interest must be spelt out and not be subject to individual whims and fancies and varying from time to time.

Here I wish also to ask the Honourable Minister as to whether this licence is an annual one, renewable every year, or whether it is a licence which after issue and unless there are activities contrary to its conditions, remains valid, because if it is a renewable one, subject to annual renewal, then I think the manufacturing industries will be subjected to considerable uncertainty and insecurity in view of the fact that unless conditions are very well laid down, spelt in black and white, they will be uncertain as to whether after every 12 months they will be facing another new series of conditions and regulations and requirements.

In view of the fact that, from the legal and even constitutional point of view, to empower any particular Minister with untrammelled powers which are not subject and accountable to Parliament as the supreme legislative body is not sound, I would suggest that the Honourable Minister withdraw this Bill for deeper and more thorough consideration and probably present it on Monday or Tuesday. From the point of view that the powers conferred are so wide that they cannot be controlled clearly can give room for their abuse not only leading to the disorderly development of industry in Malaysia but the undermining of public confidence in the Government.

In this connection, with regard to the operation of some of these provisions, I would urge on the Minister to give considerable thought to the problems in Malaysia when imposing any conditions to existing industries. I would just give one example. As I read it under this Bill, the Minister or the public officer so authorised by him in imposing a condition, has the power to impose a condition on an existing industry and one of the conditions can be that within a year, in order for a licence to be issued, the firm, assuming it is largely a non-Malay enterprise, will have to comply within 12 months or six months with the requirement of 30% Malay work-force. What I am suggesting is the practical workings of it will have to be studied. For instance, for an existing industry which has been operating

for 10, 20 years or 30 years with a work-force of 200 or 100 persons which is largely non-Malay, for that firm to be required within six months or within a period specified to have 30% Malay work-force may not be workable if it is not to lead to deprivation or losses for the workers concerned. But if the firm is expanding and is taking in new workers, then of course it is a different proposition. If the firm is not expanding and is standstill with regard to the employment total, I think the imposition of any condition whereby it will lead to unemployment of the presently employed of whatever category or whatever race, I think will lead to very great injustice and social unhappiness which should at all cost be avoided.

Finally, Mr Speaker, Sir, in view of the very wide powers conferred on the Minister, as I said just now without meaning any personal accusation, I view with grave unhappiness this Bill and I hope that in its implementation, if it is not going to be withdrawn and reconsidered, it can be implemented with the greatest enlightenment.

5.29 *ptg.*

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat malahan teguran-teguran serta perasaan keraguan ataupun kebimbangan terhadap implikasi undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini pada hari ini. Dan sukalah saya menyatakan bahawa tidak ada tujuan langsung daripada mana-mana pihak terutamanya pihak Kerajaan dengan jalan undang-undang ini memberi satu kuasa yang luas yang boleh digunakan oleh seseorang. Di sini selaku Menteri yang berkenaan yang akan menjalankan dan melaksanakan perkara-perkara, fasal-fasal di bawah undang-undang ini akan diberi jaminan bahawa undang-undang ini akan dijalankan kuat-kuasanya di bawah peraturan-peraturan yang akan dibuat pada masa akan datang dengan seadil-adilnya.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pemberian wakil penjual (dealership) di tempat-tempat kecil. Saya sukalah menyatakan bahawa kalau betul kenyataan yang dibuat di dalam berita akhbar yang syarikat yang berkenaan itu telah menetapkan memberi

tempat-tempat kepada wakil-wakil penjual yang dikatakan kecil, ini adalah oleh kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum tempat-tempat yang besar biasanya telah diadakan wakil-wakil pengedar yang dikatakan traditional, yang telah lama ditempatkan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Oleh kerana itu, pengedar-pengedar atau wakil-wakil penjual yang baru dilantik biasanya adalah ditempatkan ke tempat-tempat yang baru dibuka di mana sebelum itu belum ada lagi pengedar-pengedar yang mengedar barang-barang yang dijual oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tentang kenyataannya berkenaan dengan pembelian topi keledar, suka saya menyatakan di sini tidak ada kenyataan yang seseorang itu mesti membeli topi keledar daripada satu-satu syarikat seperti PERNAS dan apa yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah tiap-tiap topi keledar yang dijual oleh mana-mana badan-badan syarikat mestilah diiktiraf sebagai layak, elok dipakai oleh SIM dan kalau sekiranya topi-topi keledar telah disahkan sebagai selamat dipakai oleh pihak-pihak yang berkenaan ini, topi keledar itu bolehlah dibeli daripada mana-mana kedai sekalipun.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya sebelum dilantik seseorang bumiputra atau satu-satu syarikat bumiputra, kajian mendalam perlu dibuat di atas latar belakang individu bumiputra ataupun secara syarikat dan tempat-tempat di mana seseorang bumiputra ataupun satu-satu syarikat bumiputra itu diletakkan sebagai pengedar ataupun wakil penjual mestilah kata Ahli Yang Berhormat dikaji dengan mendalam. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah dasar yang diadakan oleh Kementerian iaitu sebelum seseorang bumiputra atau satu-satu syarikat bumiputra itu dipersetujui oleh Kementerian menjadi wakil penjual ataupun pengedar, kajian yang mendalam dibuat pertamanya tentang latar belakang syarikat bumiputra itu ataupun peniaga bumiputra itu, kerana Kementerian mestilah berpuas hati bahawa bumiputra ataupun syarikat bumiputra itu adalah betul-betul satu syarikat perniagaan bumiputra dan akan betul-betul menjalankan perniagaan itu dari segi mengenakan modalnya sendiri ataupun menggunakan pekerja-pekerjanya sendiri.

Selain daripada itu, kajian dibuat dengan mendalam tentang tempat-tempat di

mana syarikat-syarikat bumiputra itu diletakkan sebagai pengedar-pengedar ataupun wakil-wakil penjual, kerana kalau sekiranya sesuatu tempat itu didapati cuma boleh diadakan satu wakil penjual ataupun pengedar maka bolehlah dipersetujui diadakan lantikan seperti wakil penjual lain, kerana dengan adanya persaingan di antara dua syarikat bumiputra di satu tempat yang kecil di mana barang-barang ini mungkin tidak banyak dibeli dan ini akan hanya menyebabkan kesusahan kepada syarikat-syarikat bumiputra yang berada di tempat yang kecil itu.

Saya suka juga menyentuh terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dalam mana Ahli Yang Berhormat telah menyeru supaya perhatian berat diberi kepada cottage industry sebagai batek dan lain-lainnya. Suka saya menyatakan di sini bahawa cottage industry yang seperti ini adalah sentiasa di dalam perhatian Kerajaan. Kerajaan adalah memberi segala bantuan, tunjukkan, bimbingan menerusi badan sebagai FIDA, MARA dan lain-lainnya untuk menggalakkan perkembangan perindustrian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya percaya pada masa akan datang ini Kerajaan termasuk Kementerian saya sendiri akan memberi perhatian yang lebih berat lagi kepada perkembangan perindustrian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Selayang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan perindustrian letronik dalam mana Ahli Yang Berhormat itu telah mendesak supaya Kementerian dan Kerajaan mengkaji semula kedudukan perindustrian letronik ini. Suka saya menyatakan di sini bahawa kita telah menggalakkan kemasukan perindustrian letronik ini, kerana ini pada masa yang lepas kita telah dapat adalah satu perindustrian yang labour intensive yang telah menggunakan banyak pekerja. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri maklum banyak bilangan pekerja telah diambil di dalam kilang-kilang letronik ini dan selain daripada itu sehingga masa dalam mana kita telah menghadapi kemerosotan ekonomi, kilang-kilang perindustrian ini telah membawa hasil yang begitu baik juga kepada negara kita. Tetapi oleh kerana berbangkitnya keadaan kemerosotan ekonomi pada masa ini dan oleh kerana pemasaran barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang letronik ini tidaklah begitu baik sebagaimana masa-masa

yang lepas, maka terpaksa setengah-setengah kilang ini mengurangkan pengeluaran ataupun merentikan sebilangan pekerja-pekerjanya. Dengan adanya kenyataan yang semacam ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah membuat kajian semula terhadap kilang-kilang letronik ini dan kalau sekiranya didapati buat masa ini sudah mencukupi bilangan kilang-kilang semacam ini dan tidak perlu diadakan lebih banyak lagi, maka ada kemungkinan yang kita akan menahan penubuhan perkembangan perindustrian letronik di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin meminta perhatian diberi kepada pelaksanaan sebagaimana juga yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Namaknya ada kebimbangan di atas pelaksanaan fasal-fasal tertentu dalam undang-undang ini seperti Fasal 4 (3) di mana ada kenyataan kebimbangan daripada setengah-setengah Ahli tentang makna perkataan national interest dan cara-cara dalam mana syarat-syarat tertentu akan dibuat selaras dengan perkataan national interest. Di sini suka saya menyatakan bahawa tidak perlu bagi mana-mana pihak dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini menaruh kebimbangan di atas pelaksanaan fasal-fasal dalam mana dikehendaki kita menulis perkataan national interest ini kerana sebelum satu-satu lesen itu ditarik balik dengan kerana pihak-pihak yang berkenaan itu tidak mematuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan perkataan national interest, kenyataan lapuran sebab-sebab yang tertentu akan diberi kepada pihak yang berkenaan itu menunjukkan kepada mereka sebab-sebab dalam mana dari segi kepentingan negara (national interest) lesen-lesen mereka itu terpaksa ditarik balik. Suka saya menyatakan di sini dalam pada ada kenyataan itu diberi yang tidak memuaskan hati pihak-pihak yang berkenaan di atas kegunaan perkataan national interest, mereka yang terlibat masih ada peluang membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini ataupun membawa perkara ini di Mahkamah Tinggi di mana satu-satu interpretasi perkataan dalam undang-undang ini boleh diberi pendapat oleh Mahkamah.

Selain daripada itu, kalau sekiranya pihak yang berkenaan itu berasa tidak puas hati di atas satu-satu tindakan, umpamanya, penarikan semula lesen oleh pihak-pihak yang

berkenaan dengan alasan yang dianggap tidak menasabah, pihak yang berkenaan itu boleh membawa kes ke Mahkamah di dalam mana dia boleh meminta injunction untuk menahan satu-satu pihak termasuk Kerajaan dan juga termasuk Menteri yang berkenaan itu daripada mengambil tindakan menarik lesen itu di atas alasan yang saya katakan difikirkan tidak menasabah dan tidak adil oleh pihak-pihak yang berkenaan, dan di sini I would like to give an assurance to the Honourable Member for Kota Melaka that a detailed explanation will be given in the event of any licence being withdrawn as to why, in the opinion of the Minister or the Government, the industries concerned have not complied with the condition in which the words "national interest" come into play.

Saya suka juga menyatakan di sini bahawa sebagaimana yang dikehendaki oleh Fasal 5 itu mana-mana kilang yang sudah berjalan, apabila berjalan kuatkuasa undang-undang ini mereka itu akan diberi lesen secara otomatis dengan tidak sebagaimana yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu syarat-syarat yang terkeluar (extraneous condition). Ini perlu diadakan oleh kerana kalau sekiranya tidak diberi lesen secara otomatis kepada kilang-kilang yang sudah berjalan sebelum dijalankan kuatkuasa undang-undang ini, ini sudah tentu akan membangkitkan berbagai-bagai perkara yang cuma akan menghalang perjalanan kilang-kilang perindustrian yang selama ini sudah wujud. Jikalau tidak salah saya lesen yang baru tidak perlu dikenakan atau diminta diperolehi oleh seseorang yang sedang menjalankan kerja-kerja mengilang dalam mana dia berhajat hendak memperkembangkan kilang perindustrian ini kalau sekiranya barang-barang yang diproses itu adalah barang yang berkaitan dengan barang yang diproseskan selama masa dia belum berkembang maju. If it is the intention of the industries to expand and to assume that there will not be any necessity for an additional licence for further expansion provided that the expanded factories will be processing materials or products which have been produced by the factories before the proposed expansion.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyatakan bahawa dalam pada adanya perkembangan yang pesat di bidang perindustrian di kawasan-kawasan yang selama ini maju di bidang perindustrian seperti Pulau Pinang, Shah Alam, Melaka dan sebagainya

tetapi tidak ada perkembangan yang pesat di bidang perindustrian umpamanya di negeri Ahli Yang Berhormat sendiri iaitu di Pantai Timur. Di sini suka saya menyatakan bahawa adalah dasar Kerajaan buat masa ini dan masa hadapan untuk memperkembangkan perkembangan perindustrian ke kawasan-kawasan yang selama ini tidak membangun—tidak maju di dalam bidang perindustrian.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, baru-baru ini kita telah mengeluarkan peraturan ataupun sistem dalam mana kita telah mengisytiharkan negeri Trengganu, Kelantan dan Pahang sebagai negeri locational incentive area yang menetapkan bahawa apabila kilang-kilang perindustrian diwujudkan dan diadakan di negeri yang telah diisytiharkan sebagai locational incentive area ini, maka pihak-pihak yang menjalankan perindustrian di tempat itu akan mendapat galakan ataupun incentive yang lebih baik daripada yang biasa diberi kepada pengilang-pengilang yang biasa membuka kilang-kilang perindustrian ini di kawasan-kawasan yang agak lebih maju seperti di Pulau Pinang, Shah Alam, Melaka dan Johor. Ini adalah juga selaras dengan tujuan Kerajaan buat masa ini untuk menggalakkan tumbuhnya banyak lagi kilang-kilang perindustrian yang berasaskan kepada bahan-bahan pertanian. Dalam pada itu, sebagaimana yang saya pernah terangkan di sini maju ataupun tidak majunya satu-satu negeri yang belum maju di dalam bidang perindustrian pada masa hadapan ini banyak bergantung kepada faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri, iaitu pertamanya perlulah bagi negeri-negeri yang berkenaan itu mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang boleh menggalakkan pelabur-pelabur modal yang datang dari luar negeri datang ke negeri-negeri yang kurang maju itu membuka kilang-kilang seperti kemudahan-kemudahan jalanraya, bekalan elektrik, rumah-rumah kediaman bagi pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja yang bekerja dengan kilang-kilang yang berkenaan itu.

Ada juga kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa pelabur-pelabur modal luar negeri mungkin tidak suka datang ke negeri kecil seperti Trengganu oleh kerana syarat-syarat equity participation yang dikatakannya ketat yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Di sini saya suka menyatakan

bahawa ini adalah alasan yang tidak benar, kerana kita memang ada mempunyai dasar yang ketat dari segi equity participation dalam mana kita menggalakkan pembahagian equity ataupun share dari segi modal iaitu 70% pelabur tempatan dan 30% pelabur dari luar negeri. Syarat kita boleh longgarkan pembahagian equity itu kalau sekiranya kilang itu akan dibuka oleh pelabur-pelabur asing di tempat-tempat di mana biasanya pelabur asing tidak suka pergi ke tempat yang jauh. Kita boleh longgarkan kepada 40%—60%, malahan ada negeri-negeri termasuk Trengganu di mana syarat itu dilonggarkan menjadi 41%—59% supaya pelabur asing yang suka mengadakan joint venture atau usaha-bersama dengan pelabur-pelabur tempatan itu telah mendesak supaya diadakan equity dari segi 41%—59% ataupun 60%—40% untuk boleh dia menjalankan perusahaannya di satu negeri di mana infrastruktur, kemudahan-kemudahannya tidak begitu baik, sebagaimana yang mereka boleh dapati di tempat-tempat ataupun di negeri-negeri yang lebih maju.

Tentang pertanyaan ataupun syor Ahli Yang Berhormat supaya projek perkilangan disertai oleh badan-badan berkanun, badan-badan agensi Kerajaan seperti MARA, PERNAS dan sebagainya, saya suka menyatakan ini adalah dasar Kerajaan. Kerajaan memang suka menggalakkan lebih ramai lagi bumiputra samada orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat terlibat di dalam bidang perindustrian. Sebagaimana, Tuan Yang di-Pertua, maklum tidak begitu ramai bilangan bumiputra secara individu boleh membeli saham-saham daripada syarikat-syarikat perusahaan, tidak banyak syarikat-syarikat ataupun orang perseorangan daripada bumiputra yang boleh membuka, mengurus dan memodalkan satu kilang perindustrian. Oleh kerana itu, adalah harapan Kerajaan, dasar Kerajaan supaya agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, PERNAS, Tabung Haji, Bank Rakyat malahan Perbadanan Kemajuan Negeri (SEDC) terlibat di dalam projek-projek perindustrian. Setakat yang saya tahu banyak projek perindustrian di peringkat Pusat dan juga di peringkat Negeri yang telah diselenggarakan dengan Badan Berkanun atau agensi Kerajaan, MARA, PERNAS, Bank Rakyat yang terlibat di peringkat Pusat dan Perbadanan Kemajuan Negeri seperti SEDC

Pahang, Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Johor dan sebagainya banyak terlibat di dalam bidang-bidang projek perindustrian yang telah wujud dan dilaksanakan di dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya pengilang-pengilang perlu diberi kenyataan yang jelas tentang dasar-dasar Kerajaan kita terhadap penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita mempunyai satu bahagian khusus di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu "Bahagian Perindustrian" dan juga FIDA (Federal Industrial Development Authority) dalam mana ada pegawai-pegawai yang mempunyai rekod. Pertamanya, kilang-kilang perindustrian yang diberi taraf perintis dan pegawai yang berkenaan sentiasa mengawasi perjalanan kilang-kilang itu dan selalu meminta laporan-laporan di atas perjalanan kilang itu dari segi pengeluaran barang-barang dan dari segi pengambilan guna-tenaga pekerja-pekerja. Pegawai-pegawai itu juga telah memberi laporan yang berkenaan, memberi teguran yang membina kepada pengilang-pengilang itu terhadap dasar-dasar Kerajaan dan di atas cara pelaksanaan dasar-dasar itu, dan ada juga kenyataan menunjukkan bahawa kilang-kilang yang telah tidak mematuhi dasar-dasar yang berkenaan lebih-lebih lagi melibatkan perkara penyertaan bumiputra itu adalah sentiasa mendapat teguran, panduan dan nasihat daripada bahagian yang berkenaan dalam Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat juga menyatakan bahawa beliau kurang jelas di atas syarat yang dikenakan dalam mana kilang-kilang yang melibatkan modal \$100,000 ke bawah dan pekerja kurang daripada 25 orang itu tidak terkena oleh fasal-fasal dalam Undang-undang ini. Ini suka saya menyatakan bahawa buat masa ini syor Ahli Yang Berhormat supaya Undang-undang ini dikenakan kepada semua kilang-kilang tanpa mengikut syarat \$100,000 modal ataupun 25 orang pekerja itu tak dapatlah kita laksanakan pada masa ini. Kalau kita kenakan undang-undang itu kepada semua kilang kecil dan besar, ini tentulah akan menyebabkan satu keadaan dislocation of industries dengan kilang-kilang yang kecil. Misalnya, cottage industries yang sudah tentu menghadapi kesulitan kalau diminta mereka itu mengadakan lesen atau memperolehi lesen sudah

tentu ini akan membangkitkan banyak kerumitan di kalangan perindustrian kecil. Buat masa ini terpaksa Kerajaan menetapkan bahawa cuma kilang-kilang yang bermodal lebih \$100,000 dan mempunyai pekerja 25 orang ke atas sahaja dikenakan undang-undang ini. Pada masa yang akan datang apabila perindustrian berkembang lebih maju dalam negara ini dan apabila dianggap perlu, kita mengadakan satu kedudukan dalam mana undang-undang terpaksa dikenakan kepada semua kilang kecil dan besar. Pada masa itu perlu kita mengkaji samada kita akan terus mengadakan syarat yang saya katakan tadi, modal tidak kurang daripada \$100,000 dan 25 orang pekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menarik perhatian saya kepada perkara cottage industry, tak payahlah saya jawab lagi tentang itu, kerana saya nyatakan tadi bahawa Kerajaan adalah sedang dan mengambil perhatian berat di dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam tak salah saya tadi menyeru supaya kesempatan diberi kepada pengilang-pengilang kecil yang sedang berjalan dikecualikan daripada memperoleh lesen. Di sini suka saya nyatakan Fasal 11 dalam Rang Undang-undang ini dalam mana Menteri diberi kuasa untuk memberi pengecualian itu akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya. Apabila undang-undang dan peraturan undang-undang ini dilaksanakan, Kementerian saya akan mengkaji dengan mendalamnya kedudukan kilang-kilang perindustrian dan kalau ada kilang-kilang di mana difikirkan pengenaan lesen itu akan menghalang perjalanan yang baik dengan licin terhadap kilang-kilang yang berkenaan itu, maka boleh Menteri yang berkenaan mengadakan peruntukan dalam mana kilang-kilang yang berkenaan termasuk macam cottage industries itu dikecualikan daripada memperolehi lesen di bawah Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu menyeru supaya diberi kesempatan untuk Sarawak mengadakan lebih banyak lagi projek-projek perindustrian. Suka saya menyatakan di sini bahawa memang ada Dasar Kerajaan khususnya Kementerian untuk memperluaskan lagi projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak. Setakat yang saya tahu pada masa ini

Sarawak adalah banyak mempunyai kilang-kilang perindustrian, ada satu kilang urea sedang dirancang bagi kawasan Miri-Bintulu, ini adalah diselenggarakan oleh pihak PETRONAS. Selain daripada itu sudah banyak juga wujud kilang-kilang yang berasaskan kepada projek perkayuan (timber complexes). Saya dimaklumkan bahawa banyak lagi timber complexes sekarang ini sedang dirancang untuk dilaksanakan dari segi joint-venture ataupun usaha bersama di antara Sarawak Timber Industries Development Corporation dengan pelabur-pelabur modal tempatan dan juga pelabur-pelabur yang datang daripada luar negeri.

Saya menyedari kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengatakan kurang sangat Pegawai-pegawai Kanan ataupun Pengurus-pengurus daripada bumiputra di kilang-kilang perindustrian. Suka juga saya menyatakan di sini angkanya tidaklah sebegitu rendah 6% sebagaimana yang dikatakan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi. Yang sebenarnya, bilangan Pegawai-pegawai Pengurus, Pegawai-pegawai Kanan di syarikat-syarikat perindustrian adalah lebih baik daripada masa yang lepas. Sekarang ini bilangannya adalah setakat 13% dan dengan tindakan-tindakan yang kita ambil dengan kerjasama kilang-kilang perindustrian, saya berkeyakinan penuh bahawa dengan pula adanya latihan-latihan penguurusan diadakan oleh Kerajaan di I.T.M. dan di pusat-pusat latihan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara bilangan Pegawai-pegawai Kanan dan Pengurus daripada bumiputra akan bertambah lebih ramai lagi daripada 13% yang ada sekarang di kilang-kilang perindustrian.

Ahli Yang Berhormat juga menyeru supaya Kementerian memberi keutamaan kepada syarikat bumiputra dan juga kepada kilang-kilang yang menggunakan bahan pertanian. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah dasar Kerajaan, kita memang menggalakkan supaya bumiputra perseorangan ataupun dari segi bersyarikat terlibat lebih-lebih lagi di dalam bidang perindustrian kita juga adalah menggalakkan syarikat-syarikat supaya menggunakan bahan-bahan pertanian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum baru-baru ini kita telah mengistiharkan, mengezetkan kilang-kilang ataupun projek-projek perindustrian yang berhak menerima pioneer status ataupun taraf perintis dalam

mana jika sekiranya kilang-kilang yang berkenaan itu menggunakan bahan-bahan pertanian yang tertentu yang terkandung di dalam Gazette Notification. Ini adalah satu langkah dalam mana kita berharap menggalakkan lebih-lebih lagi penggunaan bahan-bahan pertanian yang kita keluarkan sendiri untuk diproseskan oleh kilang-kilang perindustrian.

Ahli Yang Berhormat juga menyeru supaya kilang-kilang menggunakan banyak tenaga manusia daripada mesin. Sukalah saya menyatakan bahawa adalah dasar Kerajaan supaya menggalakkan pelabur-pelabur asing, terutamanya yang datang mengadakan kilangnya di sini dari segi usaha bersama supaya menitikberatkan pandangan mereka, lebih-lebih lagi bagi mengadakan kilang-kilang perindustrian yang bukan banyak menggunakan mesin bahkan banyak menggunakan pekerja-pekerja ataupun kilang-kilang yang dikatakan labour intensive. Dengan kerana itulah satu daripada incentive (galakan) yang kita beri. Selain daripada pioneer status ialah galakan daripada pengecualian cukai mengikut bilangan pekerja-pekerja yang dipakai di satu-satu kilang.

Di dalam pelaksanaan mengkehendakkan kilang-kilang yang sudah berjalan itu memperoleh lesen dalam masa satu tahun, suka saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka bahawa mereka itu sebagaimana saya kata tadi akan diberi lesen secara otomatis dan kalau sekiranya dia adalah mematuhi syarat-syarat yang tertentu yang dikenakan oleh Kerajaan, lesen itu akan berterusan, tidak sebagaimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa satu-satu syarikat itu terpaksa menyambung semula lesennya pada tiap-tiap tahun. Lesen itu diberi pada satu masa di mana oleh kerana tidak mematuhi satu-satu syarat itu dia ditarik balik oleh pihak yang telah mengeluarkan lesen. Saya tidaklah ber-setuju dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang menyatakan bahawa oleh kerana kuasa yang sebegitu luas telah diberikan kepada Menteri, Menteri patut mengkaji semula undang-undang ini dan membentangkan Undang-undang ini sekali lagi pada minggu hadapan, pada hari Selasa. Saya berpendapat Undang-undang ini telah dikaji dengan mendalamnya dan kuasa diberi kepada Menteri, kepada pegawai-pegawai yang berkenaan ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, seadil-adilnya dan

dalam pada itu kalau sekiranya ada berbangkit perkara dalam mana Ahli Yang Berhormat itu berpendapat bahawa suatu kuasa itu telah tidak dilaksanakan, digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan adilnya Ahli Yang Berhormat sudah tentu sebagaimana saya katakan tadi ada kesempatan untuk membawa perkara-perkara ini yang boleh melarang pihak-pihak yang berkenaan termasuk Menterinya menjalankan, melaksanakan fasal-fasal di bawah undang-undang ini dengan tidak adilnya, dengan menyeleweng daripada kehendak-kehendak di dalam Undang-undang ini.

Itulah sahaja jawapan saya kepada pertanyaan-pertanyaan, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara ini di dalam perbincangan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan, 1971" dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan adalah untuk:

(a) menambahkan bilangan keahlian Majlis Perubatan Malaysia dengan memasukkan tiga orang wakil dari Fakulti Perubatan

Universiti Kebangsaan yang akan dinamakan oleh Majlis Universiti dan dilantik oleh Menteri dalam Majlis Perubatan Malaysia.

Yang kedua, mengecualikan orang-orang yang mula-mula memperolehi pendaftaran penuh daripada kehendak memperolehi suatu perakuan pengalaman tahunan bagi baki tahun dalam mana ia memperolehi pendaftaran penuh.

Yang ketiga, menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa yang tidak menggenapkan tempoh dua tahun perkhidmatan termosti dalam jawatan awam yang mana nama orang itu hendaklah dipotong dari daftar.

Yang keempat, memberi kuasa kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk memasukkan semula nama pengamal perubatan yang telah dipotong dari daftar.

Di waktu ini tiga orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya adalah di antara ahli-ahli dalam Majlis Perubatan Malaysia. Dengan penubuhan Universiti Kebangsaan dan pembentukan Fakulti Perubatan dalam Universiti tersebut adalah difikirkan perlu bahawa universiti baru ini yang terlibat dalam melatih doktor-doktor dalam negara ini patutlah diberikan peluang untuk menyuarakan pendapatnya mengenai hal-hal Majlis dan Majlis sebaliknya akan memperolehi pengalaman dan nasihat dari universiti tersebut.

Seksyen 20 (5) Akta Perubatan, 1971 memerlukan semua pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar penuh untuk mengambil perakuan-perakuan pengalaman tahunan mereka.

Pindaan untuk menggantikan Seksyen 20 (5) adalah bertujuan untuk memasukkan pengamal-pengamal perubatan daripada mengambil perakuan-perakuan amalan tahunan bagi tahun pertama pendaftaran mereka dan pindaan ini adalah bertujuan terutama sekali untuk melicinkan pentadbiran.

Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memberi taraf kesihatan yang lebih baik kepada rakyat negara ini. Untuk mencapai tujuan ini sebagaimana termaktub dalam berbagai-bagai rancangan pembangunan kita mesti menggunakan semua tenaga yang ada dan perlunya semua doktor-doktor yang baru berdaftar untuk bertugas dengan Kerajaan

selama dua tahun adalah merupakan sebahagian dari cara Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor dalam sektor awam.

Adalah difikirkan bahawa peruntukan sekarang ini sebagaimana termaktub dalam Seksyen 40 yang Seksyen 41 adalah tidak cukup ketat untuk menguatkuasakan secara berkesan keperluan undang-undang bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan adalah untuk menentukan bahawa doktor-doktor yang terlatih oleh Kerajaan akan bertugas sekurang-kurangnya untuk tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang.

Akta Perubatan, 1971 tidak membenarkan nama-nama pengamal perubatan yang telah dipotong dari daftar oleh kerana tatatertib dimasukkan semula ke dalam daftar.

Kemasukan Seksyen 31A adalah untuk memberi kuasa budi bicara kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk memasukkan semula ke dalam daftar nama pengamal-pengamal perubatan yang telah digantung dari daftar itu.

Semua pindaan ini adalah pindaan-pindaan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Akta Perubatan (Pindaan), 1975 yang bertujuan untuk meminda Akta Perubatan 1971 sekarang ini dibaca bagi kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.18 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat sukacita kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Rang Undang-undang "Suatu Akta bagi meminda Akta Perubatan, 1971" dan di sini saya sangat gembira mendapati bahawa dalam Medical Council ada tiga orang lagi wakil dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I regret that there could not be more additions to the Medical Council from other potential or possible Medical Colleges of Faculties in Malaysia. We all know that there is an acute shortage of doctors in this country despite the fact that it is often boasted by the Ministry that there is about one doctor to every 5,000 persons or more in this country. But despite these statistics provided, to reassure the people, it is undoubtedly evident everywhere, both in the urban areas and in the rural areas, that there is still an acute shortage of doctors, whether they be ordinary general practitioners or, even more so, specialists. It is, therefore, surprising that despite the fact that the Honourable Minister of Health has said quite often that he also agrees that there is a shortage of doctors, steps are not taken fast enough or urgently enough to see that more Medical Colleges or Faculties are set up. It is encouraging to note that there is going to be a new Medical Faculty at the Universiti Kebangsaan, but we would like also to hear from the Minister of Health that there will be a new Faculty set up, say, at the Universiti Sains, Penang in the near future or as soon as possible.

Besides, there are other large hospitals with sufficient patient material as well as quite able and qualified doctors, with specialist degrees who can act as teachers in the major towns of West Malaysia—for example, Ipoh, Seremban and Johore Bahru. As a matter of fact, there is a very good sterling example in that Johore Bahru doctors have been so keen to teach and have proved themselves to be such good teachers that quite a number of young doctors who have come under their care and instruction have managed to get higher degrees without much trouble and have done exceedingly well in examinations conducted whether in Singapore or overseas. It goes to show that there is in this country plentiful supply of teacher material and also there is plentiful supply of patient material.

On the matter of student material, there are thousands of them waiting to apply to join the Medical Faculties and do what they can for this country. I, therefore, urge the Minister seriously to consider setting up a Committee to look into the possibility of setting up not just one more Medical College at the Sains University but several more in Ipoh, Seremban, Johore Bharu, Malacca and

in all large major hospitals so as to provide enough doctors to serve the people, especially those in the rural areas who are very short of even basic medicine. The shortage of doctors is also aggravated by the spate of resignations which occur monthly and yearly and is causing great concern. Despite all the measures taken by the Ministry, it is still regrettable to note that there are quite a number of young doctors as well as medical specialists resigning. Often complaints have been heard in the Press as well as in meetings by young doctors who say that they are not given enough opportunities for promotion, not enough opportunities for study awards.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I am afraid you have gone a bit astray. Please confine your observations on the subject under discussions.

Dr Chen Man Hin: The Medical Council is mentioned here and they have the responsibilities of

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yes, but we are not debating the Medical Act; we are only just making amendments to the Act. So please confine your observations to the amendments. Please proceed.

Dr Chen Man Hin: As I was just saying, since they have included three representatives from the Universiti Kebangsaan on the Medical Council, I was trying to impress upon the Minister that there should be more representatives from other potential Medical Faculties.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That is all right, but you were complaining about the shortage of doctors and so forth.

Dr Chen Man Hin: It is of course relevant in relation to the responsibility of the Medical Council. In view of the urgency of the matter, I think it is quite important for me to bring it up at this meeting and also since Parliament only meets once every few months, it is quite hard for one to air his views. I hope, therefore, you will make some allowances; it is not a very long speech, Mr Speaker, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I think you better stick to the Bill. In the Standing

Orders there is no exception whether Parliament meets often or not.

Dr Chen Man Hin: Yes, in that case I will wind up by saying that I hope that the Minister will urge the Medical Council not to confine its interest only to the question of the registration of doctors but also to widen the scope of the matter of registration of doctors so that more Universities in other countries are brought into the Second Schedule. Most of this Schedule had been laid down during the colonial times, except possibly in the case of United States of America, but other Commonwealth countries like Nigeria and elsewhere, I understand, have got very good medical colleges. I think we should send teams to study and bring them into the purview of the Second Schedule, as well as, since we have established our relationship with other countries in Europe and also with the Communist Bloc, I think this Council should also send teams to study and see whether the medical colleges in these countries could be brought into the purview of the Second Schedule. They are very good universities and if they are recognised and brought into the Second Schedule, it will give opportunities to our young students here to go overseas to study, whether it be in Western Europe or in the East European Bloc or even in China where the Peking University is quite well-known and I think the Honourable Minister should take note of this. On this line I close. Thank you very much.

6.26 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong tambahan pada Akta Perubatan dengan memasukkan suatu perkara baru, iaitu Section Baru 31A.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana memahami keadaan yang sebenarnya dan memandang jauh, mengadakan pindaan ini.

Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to make it known to this House that the Medical Council should set up a watch-dog

committee to keep a close watch on all medical practitioners either in the Government service or in the private sector who may be guilty of infamous conduct in any professional respect; and to act on complaints or suspicions of such an act—from whatever source of information rather than to act on written complaints *only* if they are forthcoming from medical practitioners.

Quite often some doctors are victimised and professionally embarrassed by complaints brought to the Medical Council over minor offences, e.g. for distributing clinic cards to patients; or undue publicity over a completely non-professional matter, e.g. the wife of the doctor concerned or the doctor himself is asked to give away a trophy which he himself has donated to a school sports or a voluntary organization. These complaints or allegations are often brought up by fellow medical practitioners who group together to make the allegations or complaints against the victim who for some reason or other does not belong to this particular “group” or “clique” whereas those who are within this “group” or “clique” who may have committed similar offences or even more serious offences may escape undisturbed or untouched.

Tuan Yang di-Pertua, this is most unbecoming of a profession which, in the eyes of the public, is one of the, if not the, noblest profession.

On this serious matter, in the interest of the profession and rakyat, I call on the Government or the Minister concerned to set up a system of clear-cut rules and regulations whereby all medical practitioners shall follow and abide by them. I would like to cite a few examples which deserve attention:

- (i) Has the doctor committed an offence whether knowingly or unknowingly if, on the opening day of his clinical practice, he receives congratulatory messages for the opening of his “business” especially in the Chinese Press which may be included either by his own friends, friends of his family or relatives?
- (ii) Concerning wrappings for medicines given to patients, is the doctor concerned allowed or not allowed to print the name of the clinic and the address on the wrappings?

(iii) Would the Medical Council standardise the measurements and design of signboards of private clinics?

I urge the Government to look into this matter seriously as the state of affairs with regard to the present code of ethics is rather vague and unsatisfactory; and we should have a set of rules clearly written out in black and white, rather than to be subjected to the mercy and whims and fancies of some members of the Council giving such fatherly advice as “Oh! you are allowed to do this” or “Oh, you are not allowed to do this” or “You should have or should not have done this” and so on.

6.30 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Beliau telah membangkitkan soal kekurangan doktor dan specialist di negara ini dan beliau telah mencadangkan supaya mengkaji secara halus dan mengadakan lebih banyak lagi fakulti perubatan di negara ini supaya kekurangan doktor akan dapat diatasi pada masa yang akan datang. Saya juga mengucapkan terima kasih atas cadangan beliau dan juga barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri sebagai private practitioner di negeri ini faham bahawa untuk menubuhkan fakulti perubatan adalah memerlukan belanja wang yang berjuta-juta ringgit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok.

Tan Sri Lee Siok Yew: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sambung esok, apabila bacaan kali kedua dibuat.

PENANGGUHAN

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN

(1) *Penduduk-penduduk Tanah Haram*

6.31 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, nobody can deny that there are hundreds of thousands of so-called squatters in our country. This problem has hardly been given any serious attention by the Government. With a bit of planning and sincerity, the Government can easily solve this problem or at least alleviate this problem. From my sources of information, I gather that the great majority of these so-called squatters are non-bumiputras. I sincerely hope that the Government will not treat this problem along racial lines or treat it purely as a legal problem. Very often we hear Ministers in this House asking for more funds and aid for the upliftment of the bumiputras. I would like to state here that we in the DAP are not at all against the Government's efforts in assisting or helping the truly poor bumiputras in this country. All I ask for now is that the Government should spare at least a thought for the problem of the so-called squatters in this country. Let me say here that these so-called squatters are not squatters of their own free will but have been forced by circumstances generated by the Government over twenty-five years to be squatters. Have these squatters any choice? They applied for land but they did not get it.

It is also a well-known fact that there are 300 or more new villages in the country and since these new villages were set up in the 1950s, the land acreage of these new villages has not been expanded. With the increase in population over the years some of these new villagers have been forced to squat on surrounding State land. The Government has never put up any land schemes to solve this gigantic problem of the landless of this country. These so-called squatters are not asking for the moon. What they want is only a small lot for them to build a shed wherein they can stay. They are not asking the Government to provide them low-cost houses even. What they want is just a small lot of land where they can build their own houses. But what has the Government done? Nothing! We have plenty of land in this country, but what I do not understand is why has the Government ignored this problem for over twenty years. To-date we have also got two Ministers in charge of new villages but what have they done regarding this problem? Do the Ministers concerned care about the

problem? Or if they do, they do not have the power to care for the problem. If they do care and if they do not have the power to care, then may I suggest to the Ministers concerned to get out of the Cabinet and do not lend any more support to the Government that does not care for these people in our country. I would like to challenge the Government to state its policy with regard to the problem of the squatters.

Recently, in the State of Perak, the State Government has launched a campaign against the so-called squatters. Thousands of these squatters have been served with notices to demolish their houses. In my considered view, the action of the Perak State Government is morally and socially wrong although it may be legally right. This problem of the so-called squatters has been largely brought about by the Government's inaction or inefficiency in not alienating land to the landless. The Perak State Government has announced that the so-called squatters must face the law since they have committed an offence in squatting on State land. The Government has further stated that so-called squatters should have first applied for State land instead of squatting on State land. But let me tell this House that a lot of these so-called squatters in Perak have applied for State land and have proved that they have applied for State land. Some of them have sent in their applications five years or ten years ago or even earlier but the reply they received from the State Government is that the Government is still considering their applications. What is this nonsense! On the one hand, the State Government advises the people to apply for land.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Please withdraw the word "nonsense". It is very unparliamentary!

Tuan Lim Cho Hock: All right, I withdraw the word. On the one hand, the State Government advises the people to apply for land, but, on the other hand, they sit on their applications for years—five years, ten years. Have the people any choice if they are forced to squat under such circumstances?

Purely treating this problem as a legal problem will not solve this problem which is actually a socio-economic problem. If the Government demolishes the squatters' houses by force and without providing alternative

site for them to move to, the so-called squatters will again be forced to put up squatter houses somewhere else. It is as simple as that. This problem will come back to square one.

Therefore, a long-term solution to this problem is for the Government to provide land to the landless and not land to the capitalists or political opportunists. I, for one, know that certain favoured and privileged persons in Perak have been able to obtain thousands of acres of State land without any difficulty.

Lately, the Honourable Prime Minister has launched a "Green Book" campaign, which I understand is to encourage the people to cultivate land. What I want to know is the relationship between this "Green Book" and the problem of the squatters. On the one hand the Government asks the people to apply for land and cultivate more food in accordance with the objectives of the "Green Book" but on the other hand, the various State Governments are bulldozing all the so-called illegal farms. Don't such actions of the various State Governments run contrary to the letter and spirit of the "Green Book"?

Once again, in the interests of peace and tranquility in our country, and in view particularly of the situation in Vietnam and Cambodia, I hope the Government will not treat this problem as a legal problem.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What has that got to do with the penduduk-penduduk tanah haram?

Tuan Lim Cho Hock: Yes?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What have Cambodia and Vietnam got to do with penduduk-penduduk tanah haram?

Tuan Lim Cho Hock: In view of the situation there, I am asking the Government not to create another problem in our country, which may be an extra burden to our Government.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Those are Vietnamese problems.

Tuan Lim Cho Hock: I know. But our problem here is quite similar to the Vietnamese War.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Proceed!

Tuan Lim Cho Hock: Therefore, I ask the Government to treat this problem as a national problem and also as a social problem.

6.40 ptg.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sekali lagi membangkitkan masalah penduduk-penduduk tanah haram, tetapi pada kali ini beliau telah masuk jauh lebih dalam lagi dalam persoalan ini, dan beliau meminta dan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya campurtangan dalam perkara ini. Saya tidak mengerti apakah niat Ahli Yang Berhormat itu yang sebenarnya, tetapi saya percaya beliau tentu sedar bahawa di bawah Perlembagaan Persekutuan segala perkara yang bersangkutan dengan soal tanah adalah perkara Negeri dan ini sudah semestinya di bawah kuasa Negeri.

Satu perkara yang perlu disedari ialah bahawa perbuatan mencerooboh, memerintah atau mengambil tanah-tanah Kerajaan secara haram adalah satu kesalahan di sisi undang-undang. Dengan itu untuk mempertahankan pencerobohan-pencerobohan tanah haram (or to champion the cause of the illegal squatters) seperti yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diterima oleh Kerajaan sama sekali. Ini adalah satu perkara yang serious yang mempunyai implikasi yang besar, melibatkan kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara.

Kalau sekiranya kita kaji dengan semasak-masaknya jumlah manusia yang memerintah tanah haram oleh kerana desakan berkehendakkan tanah, dengan jumlah manusia yang juga terdesak hendakkan tanah, tetapi taat kepada pemerintah dan undang-undang, mereka tidak sanggup memerintah tanah haram melainkan bersabar menunggu, maka lebih banyak lagi orang yang sabar menunggu daripada yang membuat kerja secara haram seperti ini. Kerajaan terpaksa menimbang apakah kita terpaksa menimbang kehendak-kehendak orang yang melanggar undang-undang lebih aila daripada orang-orang yang taat dan sabar kepada undang-undang negara.

Ahli Yang Berhormat itu tentu dapat menggambarkan apakah akan terjadi di negara ini sekiranya terdapat satu situasi di mana rakyat ataupun penduduk-penduduk boleh mengambil tanah dengan sesuka hati mereka sendiri. Perkembangan-perkembangan yang tidak baik atau merbahaya seumpama ini perlu kita sama-sama mempertahankan dengan penuh tanggungjawab dan dengan setegas-tegasnya. Dengan itu saya sentiasa menyanjung tinggi dan memberikan kepujian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah bertindak tegas bagi mengatasi persoalan pencerobohan tanah haram di dalam negerinya masing-masing.

Dalam beberapa tahun yang lepas, di negeri seperti Perak, Pahang dan lain-lainnya terdapat banyak orang-orang yang telah memerintah tanah Kerajaan secara haram. Tindakan mereka kadang-kadang bersifat bermahajalela telah dapat dikawal dengan tindakan-tindakan yang tegas yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Adakalanya mereka yang terlibat menerima bantuan atau pimpinan dari kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai tujuan semata-mata bagi mencari keuntungan cepat atau yang ingin mencari pengaruh di kalangan orang-orang yang melanggar undang-undang. Gejala-gejala ini perlu dihapuskan dengan segera kerana perbuatan mereka bukan sahaja melanggar undang-undang, mengancam keselamatan negara malahan merugikan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan dasar Kerajaan Persekutuan terhadap masalah penduduk-penduduk yang tidak mempunyai tanah, perkara ini saya percaya sudah ada dalam pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat itu tentu sedar tentang langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam bidang pembangunan tanah misalnya sejak kita mula mencapai kemerdekaan berbagai jenis rancangan pembangunan tanah telah diadakan oleh Kerajaan untuk memberi faedah seluas-luasnya dan sebesar-besarnya kepada rakyat yang tidak memiliki tanah ataupun untuk menambah tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka sekiranya tanah-tanah itu tidak mencukupi atau tidak berekonomik.

Ajensi-ajensi pembangunan tanah di peringkat Persekutuan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain telah berjaya memberi faedah kepada berpuluh-puluh ribu rakyat dengan menyedia atau menambahkan tanah-tanah rakyat jelata sejak beberapa tahun yang lepas. Ini tidak perlulah saya huraikan dengan panjang lebar kerana kejayaan yang dicapai oleh agensi-ajensi pembangunan tanah Kerajaan itu, telah banyak kali diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ingin juga saya menyebutkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan sejak awal tahun enam puluhan telah membuka beratus-ratus buah rancangan tanah pinggir. Rancangan-rancangan pinggir ini telah memberi faedah kepada berpuluh-puluh ribu penduduk-penduduk dengan memberikan mereka lot-lot getah seluas 3 hingga 6 ekar mengikut dasar negeri masing-masing. Rancangan-rancangan tanah pinggir ini bukan sahaja diuntukkan kepada sesuatu kaum bahkan ramai penduduk-penduduk dari kampung-kampung baru telah juga menikmati rahmat daripada pemberian Kerajaan dalam bidang ini.

Pendek kata segala langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah sangat mengagumkan. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam bidang pembangunan tanah adalah diakui berkesan dan mendatangkan faedah yang besar kepada rakyat yang tidak bertanah bukan sahaja oleh kalangan negara kita ini bahkan oleh negara-negara asing pun pernah mengatakan demikian. Sebagai buktinya agensi-ajensi pemimjam wang luar negeri telah tertarik dengan apa yang kita sedang jalankan dalam bidang pembangunan tanah. Itulah sebabnya kita dapat meminjam wang daripada Bank Dunia, ADB, CDC dan sekarang dari Negara-negara Timur Tengah pula yang bersedia memberi pinjaman kepada Kerajaan bagi meneruskan projek-projek pembangunan tanah dengan lebih luas dan lebih berkesan lagi.

Satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru. Perkara ini juga tidak dibiarkan begitu sahaja oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Seperti

yang sama kita ketahui bahawa sekarang ini telah terdapat satu Kementerian yang khusus untuk bertanggungjawab bagi kemajuan kampung-kampung baru. Di samping itu seperti yang pernah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa di pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah dibentuk satu Pasukan Petugas bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengatasi segala kesulitan-kesulitan berkenaan dengan pemberian milik tanah kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung baru dan kemajuan-kemajuan yang dicapai setakat ini adalah memuaskan.

Perlu saya sebutkan di sini bahawa usaha-usaha yang telah ada sedang dijalankan untuk memberi tanah seterusnya membaiki taraf hidup rakyat, bukanlah sahaja ditumpukan kepada sektor kampung tradisional sahaja, bahkan usaha-usaha itu dibukakan dengan seluasnya kepada semua golongan rakyat samada di kawasan-kawasan kampung baru, di estet-estet dan juga di kawasan bandar. Pintu FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain adalah terbuka untuk penyertaan mereka yang berkecayaan. Kementerian saya sentiasa bekerja rapat dengan semua pihak, baik di peringkat Persekutuan mahupun Negeri hinggalah ke peringkat daerah bagi memastikan supaya rancangan pembangunan tanah dapat memenuhi kehendak semua golongan rakyat. Kerjasama itu termasuklah rundingan-rundingan dengan semua pihak yang berkenaan dan setakat ini telah berjaya menghasilkan dasar-dasar yang konkrit seperti penyediaan tapak perumahan dan bercucuk tanam kepada para pekerja oleh kilang-kilang swasta dan majikan-majikan. Beberapa Perbadanan Awam samada di peringkat Persekutuan dan Negeri telah menyediakan rancangan lengkap bagi menempatkan penduduk-penduduk tanah haram di kawasan-kawasan perumahan yang telah dan sedang didirikan di bandar-bandar besar dengan begitu giatnya.

(2) *Ijazah-ijazah Universiti Taiwan, India, Nanyang dan Timur Tengah—Iktiraf*

6.50 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu masalah yang bukan asing bagi kita semua lagi, iaitu masalah kedudukan Ijazah-ijazah Universiti Nanyang, Taiwan, Timur Tengah

dan India. Sebagai seorang warganegara Malaysia yang taat setia, saya hendak merayu Kerajaan menyelesaikan masalah ini dengan adil, saksama dan menasabah.

Saya boleh katakan terus terang sekali di Dewan ini, jikalau masalah ini tidak diselesaikan, beribu-ribu warganegara yang tamat dari universiti-universiti tersebut, tidak akan berkeyakinan terhadap negara kita dan kiranya keadaan ini tidak diberhentikan, saya percaya masa depan negara kita akan merbahaya.

Menteri-menteri Barisan National telah mengakui bahawa negara kita sedang mengalami kekurangan orang professional dan membelanjakan, beribu-ribu ringgit untuk mempelawakan orang yang disebutkan oleh mereka "orang professional" yang tidak sedikit pun mengetahui keadaan dan bahasa tanah air kita dari negeri asing untuk berkhidmat di negara kita. Saya berasa hairan bahawa warganegara yang berkecayaan sama dengan orang asing tidak sedikit pun diperdulikan oleh pihak yang berkuasa, apakah tujuan Kerajaan? Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat menerangkan perkara ini dalam Dewan yang suci ini.

Barangkali Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menggunakan dalil yang lama iaitu "kepentingan negara" dan "mutu akademik" untuk merengankan kedudukan Ijazah-ijazah Universiti tersebut itu. Bagaimana pun saya hendak memberitahu di sini bahawa mahasiswa-mahasiswa Universiti tersebut itu dan kebanyakan rakyat kita tidak puashati dengan dalil itu.

Universiti-universiti yang lebih lengkap dan masyhur daripada Universiti Malaya dan negeri-negeri yang lebih maju dan makmur daripada negara kita seperti Amerika Syarikat, British, Jepun, Australia dan New Zealand mereka semua mengiktiraf ijazah-ijazah Nanyang, Taiwan, Timur Tengah dan India. Bagaimana pula negara kita? Berdasarkan apa-apa mutu akademik, Jawatankuasa Pengadil Universiti Negara Asing Malaysia untuk mengadili ijazah-ijazah negeri asing tersebut itu. Sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat, saya hendak tahu latar belakang atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menerangkan definisi "kepentingan negara" supaya dapat diketahui oleh

semua rakyat. Saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menjawab soalan saya bahawa samada selepas mengiktiraf ijazah-ijazah Universiti Nanyang, Taiwan, Timur Tengah dan India akan merugikan negara kita. Jika ya, sila beritahu pihak mana.

Akhirnya, saya suka menasihatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu jikalau Kerajaan masih melancarkan dasar-dasar yang berunsur perkauman dan chauvinistic itu adalah satu perkara yang malang, aib dan keji.

Saya juga menggesa Kerajaan Barisan Nasional mengubah sikap itu, mengiktiraf ijazah-ijazah universiti tersebut setiap rakyat Malaysia dapat menikmati layanan yang betul-betul, adil dan saksama.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat yang tersebut supaya merujuk kepada jawapan yang telah saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat yang tersebut di dalam Dewan ini mengenai perkara yang sama di dalam Persidangan Dewan ini yang lepas. Saya tidak berhasrat hendak menambah jawapan yang telah saya berikan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 7hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.